



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, 21 November 2012 (Rabu)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
Encik Mohamad Redzuan bin Adam  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Mohd Saiful Nizam  
**Penolong Bentara**

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismilahir rahmannir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas bagi hari yang ketiga, 21 November 2012 dimulakan dengan:

**I. BACAAN DOA.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, tidak hadir. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, soalan no. 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PENGURANGAN KADAR CUKAI PINTU 25% UNTUK PANGSAPURI KOS RENDAH**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah unit rumah pangsapuri kos rendah yang mendapat penurunan kadar cukai pintu sebanyak 25% mengikut pecahan PBT?
- b) Berapakah jumlah nilai kewangan untuk pangsapuri kos rendah yang menikmati pengurangan kadar cukai pintu 25% mengikut pecahan PBT dan apakah sumber kewangan yang digunakan untuk membiayai pengurangan kadar cukai pintu pangsapuri kos rendah ini?
- c) Senaraikan pangsapuri kos rendah yang gagal membentuk Jawatankuasa Pengurusan untuk pangsapuri kos rendah dalam kawasan MPS dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu pangsapuri yang gagal membentuk Jawatankuasa Pengurusan walaupun telah banyak kali mencuba kerana kegagalan penghuni untuk membayar yuran pengurusan.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Rawang. Berkenaan dengan jumlah rumah pangsapuri kos

rendah yang telah menikmati kadar pengurangan cukai pintu sebanyak 25%. Kalau kita melihat kepada rajah atau pun rekod kita atau pun rekod kerajaan negeri bahawa keseluruhan rumah kos rendah yang akan ada dan boleh menerima akan pengurangan tersebut adalah sebanyak 191,243 unit dan pecahannya adalah:

<u>Bil.</u>	<u>Pihak Berkuasa Tempatan</u>	<u>Jumlah Unit</u>
1.	MBSA	18,402
2.	MBPJ	19,322
3.	MPSJ	28,816
4.	MPAJ	31,672
5.	MPK	15,272
6.	MPS	21,695
7.	MPKJ	38,387
8.	MDSB	2,275
9.	MDHS	12,362
10.	MDKL	1,882
11.	MDKS	708
12.	MDSB	Tiada

Kalau kita melihat bahawa jumlah diskaun keseluruhan yang kemungkinan akan diberikan adalah sebanyak 6,893,124.82 kalau Kerajaan Negeri belum ada lagi senarai yang lengkap berapakah yang telah membuat permohonan sebab kita telah mula pada bulan enam untuk penggal untuk *second, second half* dengan izin dan kita hanya akan mendapat jumlah yang muktamad pada 31 hari bulan Disember. Berkenaan dengan pengurangan, pengurangan cukai pintu ini, ia adalah berdasarkan peruntukan daripada penjimatan 10% daripada bajet yang sebelum ini digunakan untuk kerja-kerja pengendalian pelupusan dan pengurusan sampah yang kini dilaksanakan secara *in-house* di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Dan merujuk kepada soalan seterusnya kepada JMB atau pun Badan Pengurusan Bersama yang masih lagi belum ditubuhkan di kawasan Majlis Perbandaran Selayang kesemuanya ada dua belas. Iaitu Flat Taman Bidara, Taman Pinggiran Batu Caves, Flat Taman Prima Selayang, Desa Aman Puri, Desa 1, Pangsapuri Desa 2, Taman Impian Indah, Taman Seri Putra, Bandar Baru Kundang, Cemerlang Court, Taman Cemerlang, Puncak Desa, Crystal Heights, Blok A dan B, Pangsapuri Wira Putra. Apa yang dilakukan oleh



kerajaan negeri untuk memastikan bahawa boleh ditubuhkan JMB kerajaan negeri telah mengadakan melalui COB atau pun Pesuruhjaya Bangunan turun padang untuk memastikan atau pun membantu penduduk menubuhkan JMB, JMC dan seterusnya kita telah melaksanakan atau pun mewujudkan satu jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Prihatin Permudah Isu-isu Hartanah Bertingkat di mana segala masalah penduduk atau pun JMB, JMC dapat dibincangkan dalam jawatankuasa tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : TANAH RIZAB RUMAH-RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM**

Kerajaan telah menetapkan untuk tidak memberi hak milik tanah kepada rumah-rumah ibadat selain Islam sejak 2008. Sebaliknya, kerajaan akan membuat pewartaan tanah (gazette) terhadap sesuatu tanah itu sebagai tanah rizab rumah ibadat selain Islam.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak tanah yang telah diwartakan di bawah dasar ini bermula tahun 2008 sehingga sekarang?
- b) Terdapat ura-ura bahawa tanah yang diwartakan ini akan dinyahwarta (degazette) dan kerajaan akan merampas tanah ini. Apakah proses dan prosedur untuk penyahwartaan?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Kg. Tunku. Tuan Speaker. Mulai tahun 2008 hingga kini sebanyak 24 lot tanah rizab rumah ibadat selain Islam yang telah diwartakan di bawah dasar ini dengan keluasan sebanyak 35,845.843 meter persegi. Kerajaan Negeri tidak membuat tindakan mewartakan, digazet atau merampas tanah rizab rumah ibadat selain Islam. Mengikut Seksyen 64 Kanun Tanah Negara proses dan prosedur bagi membatalkan perizaban adalah seperti berikut:

- Permohonan pembatalan perizaban dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah/Daerah kepada Bahagian Perundangan PTGS.

- Kertas ringkas bagi cadangan pembatalan rizab akan diangkat kepada Menteri Besar untuk pertimbangan menurut perwakilan kuasa 7 DUN 1984 oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Menteri Besar.
- Seterusnya satu siasatan akan dijalankan dengan kehadiran pegawai-pegawai dan agensi-agensi yang berkaitan.
- Hasil siasatan sekiranya tidak bantahan dari mana-mana pihak terutamanya pegawai pengawal pembatalan rizab akan diteruskan dan pembatalan rizab berkuat kuasa dari tarikh warta pembatalan disiarkan.

Jumlah tanah-tanah yang dirizabkan sejak 2005 hingga 2012 ialah:

Hulu Selangor	-	1
Hulu Langat	-	4
Kuala Selangor	-	2
Petaling Jaya	-	2
Sepang	-	1
Kuala Langat	-	1
Gombak	-	4
Klang	-	9

Yang telah diwartakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kg. Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO. Saya lihat bilangan yang diwartakan itu 24 mungkin berbeza sedikit dengan apa diumumkan sebelum ini. Dan saya minta kerajaan supaya semak kembali tentang bilangan ini. Ya. Soalan saya yang kedua ialah lebih penting iaitu adakah kerajaan juga akan menimbangankan *public hearing* dalam proses pembatalan warta ini. Kerana saya rasa *public hearing* adalah salah satu aspek yang sangat penting di mana orang awam diberi hak untuk mengetahui tentang keputusan yang digazet ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** *Public hearing* ialah satu-satu yang kita pasti buat dan ada di dalam perancangan kita untuk digazetkan

mana-mana tempat. Tanpa *public hearing* kita tidak akan lakukan apa-apa . *Public hearing* ialah satu-satu yang proses yang kita akan ikut.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya hendak minta penjelasan mengenai dengan kelulusan untuk rumah ibadat ini, selain Islam. 24 lot ini diluluskan sejak 2008 hingga sekarang, saya nampak di Selangor beribu permohonan untuk diwartakan. Sekarang hanya 24. Saya nampak ada masalah di sini di mana di Sekinchan juga, beberapa tokong membuat pewartaan, sampai hari ini tidak ada kelulusan. Maknanya saya hendak tanya. Apakah piagam waktu yang digunakan untuk satu permohonan. Berapa waktu yang diperlu. Ya, untuk satu permohonan dan waktu itu patut dipendekkan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Sekinchan. Apa yang saya baca di sini yang 24 itu mereka telah dapatkan surat pewartaan untuk di tangan. Tetapi ada yang beberapa kawasan yang telah diluluskan oleh EXCO dan juga oleh Jawatankuasa Selain Islam sekarang di tangan Pejabat Tanah masing-masing untuk mengambilkan wartaan tanda tangan oleh Tan Sri Menteri Besar kita. So, proses itu saya ingat kita kena teliti. Proses itu saya nampak saya akui bahawa proses situ saya nampak panjang sangat dan kita hendak bagi dalam tempoh yang kita telah pun ada *discussion* cadangan di EXCO. Kita katakan lama-lamanya *as long* ada 60 hari lepas diluluskan oleh EXCO surat wartaan itu kena dikeluarkan. So ada piagam yang kita telah pun tentukan. Ah! Ini kena ikuti oleh semua Pejabat Tanah yang berkenaan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Speaker. Saya ada dua pertanyaan. Berhubung dengan rumah ibadat bukan Islam ini, apa tindakan Kerajaan Negeri ambil terhadap rumah-rumah ibadat yang sudah terbinalah maksudnya di atas tanah-tanah rizab, seperti tanah rizab JPS, JKR atau pun Pejabat Tanah. Dan yang kedua, apa prosedur yang digunakan sekiranya ada permohonan menggunakan tanah-tanah persendirian untuk membina rumah-rumah ibadat bukan Islam.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Itulah yang masalah besar yang kita hadapi. Sebab rumah-rumah ibadat ini yang duduk di atas tanah-tanah rizab ini telah dibagi peluang untuk dibina dan waktu Barisan Nasional, UMNO memerintah Negeri Selangor. Sekarang dari 2008 kita telah

keluarkan satu syarat pada semua PBT dan Pejabat Tanah tidak boleh bina mana-mana tempat ibadat selain dari Islam tanpa ada rujukan kepada jawatankuasa atau pun dapatkan kelulusan daripada Pejabat Tanah atau pun Majlis-majlis Tempatan. So, masalahnya sekarang ialah sudah dibina ada tempat ibadat di atas tanah rizab yang katakan. Apa yang kita hendak buat sekarang. So, dalam proses ini kita telah daftarkan tempat-tempat ini di seluruh Negeri Selangor dan kita sekarang kaji dan ada pertemuan empat kali setahun dengan Pejabat Daerah dan PBT dan sekarang selalu kita ada berunding untuk cari jalan macam mana kita boleh selesaikan masalah ini. Dan bukan senang, dan saya katakan di sini bukan senang tetapi kita telah pun wujudkan prosesnya untuk kita hadapi masa depan. Soalan nombor dua.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Tanah persendirian.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tanah persendirian, *Okay, thank you.* Tanah persendirian ini kita kena tengok *zoning* dia, kena tengok keadaan dia, di mana diminta untuk dibina dan kawasan sebagainya. Dan juga keluasan, dan lepas itu kita mengadakan satu jawatankuasa yang akan tengok keadaan di tempat-tempat masing. Ini tidak boleh gunakan sebagai satu *blanket approval* di semua kawasan. Tiap-tiap kawasan ada dia punya *priority* dan juga tempat itu macam mana. Kita kena ambil perhatian untuk orang-orang yang duduk di sebelah sana jua juga. Berapa kaumnya dan sebagainya sebelum kita boleh buat sesuatu. Tapi, tidak, tidak saya tidak katakan kita langsung tidak boleh tukar syarat tanah di kawasan-kawasan yang diminta oleh mereka. Tetapi ada cara dia dan ada prosesnya untuk kita membuat demikian.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, soalan No. 45

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PERLESENAN**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :

- a) Sepanjang Pakatan Rakyat memerintah, berapakah jumlah rumah urut baru, pusat hiburan dan Hotel Bajet yang telah diberi lesen. Huraikan mengikut PBT.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW:** Tuan Speaker soalan Lembah Jaya adalah berkaitan dengan perlesenan untuk pusat hiburan, rumah urut dan juga hotel bajet. Tuan Speaker, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian, pengeluaran lesen bagi aktiviti rumah urut, pusat hiburan awam dan pusat siber telah dibekukan sejak tahun

2006 dan polisi ini diteruskan sehingga hari ini. Bagi premis-premis rumah urut, pusat hiburan dan pusat siber yang telah mempunyai lesen sebelum tahun 2008 aktiviti tersebut boleh diteruskan dan lesen boleh diperbaharui setiap tahun selagi tidak melanggar syarat-syarat lesen dan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun lesen bagi pusat penjagaan kesihatan baru masih diteruskan tetapi hanya tertakluk bagi aktiviti seperti refleksologi, aromaterapi, fisioterapi, spa ataupun sauna serta gimnasium seperti yang dinyatakan di dalam undang-undang kecil pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan di PBT masing-masing. Ramai orang keliru mereka menganggap pusat refleksologi adalah rumah urut sebenarnya tidak. Bagi aktiviti pusat hiburan pula lesen baru hanya dibenarkan bagi aktiviti pusat istirahat dan pusat hiburan keluarga sahaja. Jenis-jenis hiburan yang terdapat di bawah kategori pusat istirahat dan pusat hiburan keluarga adalah karaoke keluarga, kiosk karaoke, pusat bowling, *fun fair* dan pusat hiburan keluarga yang menyediakan beberapa bentuk hiburan seperti TV *ride*, mesin *summer later* dan aktiviti hiburan lain yang sesuai untuk semua keluarga termasuk kanak-kanak dan syarat-syarat seperti tidak boleh menyediakan arak dan minuman keras mesti dipatuhi. Berikut merupakan bilangan lesen yang telah dikeluarkan bagi pusat penjagaan kesihatan, pusat hiburan selain pusat hiburan awam dan hotel bajet. MBSA ada 5 pusat penjagaan kesihatan, pusat hiburan iaitu keluarga dan istirahat 22, hotel bajet 10 sahaja. Bagi MBPJ 10 pusat penjagaan kesihatan, pusat hiburan ada 245 dan hotel bajet di MBPJ 43 buah.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat masa sudah sampai. Saya nampak senarai panjang lagi. Sila duduk, boleh edarkan kemudian sebab panjang senarai saya nampak.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW:** Sikit saja.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Panjang saya nampak 30 lebih lagi, 12 aktiviti tambah 3 angka 36. boleh edarkan kemudian. Ya, soalan tambahan, sila.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya berhubung dengan refleksologi tadi. Apakah kaedah pemantauan yang dijalankan sebab di sinilah kita dapat maklumat daripada rakyat bahawa wujudnya kegiatan yang melanggar syarat iaitu rumah urut. Jadi apakah kaedah-kaedah pemantauan yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW:** Tuan Speaker, pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan pada tiap-tiap masa arahan bagi semua PBT adalah proses ini ataupun kerja ini, operasi ini kena diadakan setiap masa, tak ada arahan yang lain. Cuma kuasa pada PBT, saya sudah banyak kali meluahkan di sini adalah terhad sebab itu kita minta Polis memberi kerjasama dan baru-baru ini, Menteri Besar sendiri telah mengadakan satu cadangan mengadakan operasi yang khususnya di peringkat negeri

untuk membantu untuk memperbanyakkan operasi sebegini. Jadi kita harap Polis akan memberi kerjasama kerana tanpa kerjasama Polis kuasa pada tangan PBT adalah terhad. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat saya nak minta penjelasan dan kepastian daripada Kerajaan Negeri. Saya telah menerima aduan tentang pusat penjagaan kesihatan yang diluluskan oleh kerajaan 2008, 2009, 2010, semua diluluskan di Shah Alam, MBSA tetapi sekarang diberi notis tidak akan disambung. Beliau tidak melanggar undang-undang kenapa tidak boleh disambung. Apakah ini dasar Kerajaan Negeri ataupun dasar dibuat oleh PBT sendiri. Sila minta penjelasan.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW:** Tuan Speaker, sebenarnya Sekinchan tidak ada arahan daripada negeri untuk diberikan kepada MBSA ataupun mana-mana PBT untuk memberhentikan lesen sedemikian. Saya tadi sudah menjelaskan lagi mereka tidak melanggar undang-undang dan mematuhi semua syarat-syarat lesen mesti diperbaharui, Sekinchan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH SEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan no. 46.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat yang telah diluluskan? Sila berikan butir-butir dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri sejak kelulusan Enakmen ini.
- b) Bilakah Enakmen ini akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, butir-butir dan langkah pelaksanaan enakmen kebebasan maklumat yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

- a) menggubal dan meluluskan dua undang-undang subsidiari di bawah enakmen ini iaitu peraturan-peraturan kebebasan maklumat (Negeri Selangor) (akses kepada maklumat 2012 dan kaedah-kaedah badan maklumat negeri, Negeri Selangor 2012 yang kedua-duanya telah diwartakan pada 25 September 2012. Peraturan-peraturan kebebasan maklumat Negeri Selangor akses kepada maklumat 2012 yang telah dibuat berdasarkan kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa negeri sebagaimana Seksyen 20 enakmen memperuntukkan perkara-perkara berikut:
- i) perincian prosedur permohonan mendapat akses kepada maklumat.
  - ii) Penyediaan format borang yang standard.
  - iii) Penempatan kadar dan jenis fi bagi setiap permohonan mendapat akses pada maklumat, manakala kaedah-kaedah badan maklumat Negeri Selangor 2012 pula dibuat oleh pihak berkuasa negeri berdasarkan kuasa yang diberi oleh sub seksyen 17(17) enakmen dan memperuntukkan perkara-perkara berikut:
    - i) perincian kaedah pemfailan rayuan oleh pemohon dan prosedur pengendalian rayuan di badan maklumat negeri.
    - ii) perincian berhubung tatacara dan prosedur perjalanan prosiding perbicaraan rayuan.
    - iii) Penetapan fee ataupun bayaran yang dikenakan kepada pemohon mengemukakan rayuan kepada badan maklumat negeri dan
    - iv) penetapan elaun-elaun bagi pendaftar dan ahli-ahli badan maklumat negeri
    - v) menyediakan *standard operating porsedur* (SOP) yang lengkap bagi kegunaan jabatan-jabatan berhubung pelaksanaan enakmen ini.
    - vi) menyediakan dan mencetak borang-borang dokumen-dokumen berkaitan dengan proses permohonan.
    - vii) mendapat maklumat dan khidmat nasihat daripada negara-negara luar yang telah melaksanakan undang-undang seumpama ini seperti Australia dan United Kingdom. Manakala tindakan pra penguatkuasaan enakmen

yang akan diambil oleh pentadbiran Kerajaan Negeri dalam waktu yang terdekat adalah

- viii)ewartakan pelantikan pegawai-pegawai maklumat bagi jabatan-jabatan kerajaan negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Untuk fasa 1 pelaksanaan enakmen ini manakala fasa 2 pelaksanaan enakmen ini adalah melibatkan badan-badan berkanun negeri dan lain-lain entiti kerajaan negeri.
- ix)ewartakan pelantikan anggota-anggota dan pendaftar bagi lembaga rayuan yang dikenali sebagai badan maklumat negeri.
- x)pelaksanaan kursus pemahaman enakmen dan tatacara menguruskan permohonan mendapat maklumat kepada para pegawai maklumat serta para urus setia di jabatan-jabatan.
- xi)membawa cadangan tarik penguatkuasaan enakmen kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagaimana peruntukan subseksyen 1(2) Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 yang menyatakan seperti berikut

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai...(okey).

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH SEOW SUAN:** Tuan Speaker, boleh tanya soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH SEOW SUAN:** Subang Jaya hanya nak tahu bilakah enakmen ini boleh dilaksanakan dan bila orang ramai boleh.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Enakmen dijangkakan boleh dilaksanakan pada 1 Januari 2013.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**Y.B. TUANDR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Kita memuji tentang langkah Dewan Undangan Negeri yang telah meluluskan enakmen kebebasan maklumat tetapi enakmen ini sebenarnya terutama bagi orang ramai kabur dan tidak begitu faham kerana tidak diberi penerangan kepada mereka. Bagi tanggapan orang ramai kebebasan maklumat ini macam kebebasan bersuara, kebebasan memalis dan



mengeluarkan pendapat tetapi kalau kita mendengar dari penerangan tadi hanya terhad kepada dokumen-dokumen barangkali di jabatan-jabatan kerajaan yang rahsia mungkin yang boleh dijadikan dibebaskan dari segi maklumat dan sebagainya. Kita barangkali lemah dari segi penguatkuasaan,...so setakat mana yang boleh dipraktikkan supaya nampak signifikan yang kita meluluskan ini berbanding dengan yang lain yang tak luluskan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Bangi. Saya rasa tidak ada kekaburan kalau dibandingkan enakmen kebebasan maklumat tentang berlawanan dengan kebebasan bersuara ataupun memberi pendapat. Ini adalah satu enakmen di mana maklumat boleh didapati daripada pelbagai jabatan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di mana penduduk ataupun orang-orang yang perlukan maklumat itu boleh dapat maklumat tersebut. Jadi dalam enakmen tersebut adalah butir-butir, objektif, matlamat dan bagaimana untuk mendapat maklumat tersebut terkandung dalam enakmen tersebut. Tapi pada masa yang sama saya juga setuju mungkin rakyat di Negeri Selangor kurang faham macam mana nak gunaan enakmen tersebut selepas kita ada pelbagai latihan yang akan diadakan, satu untuk penjawat awam, kita juga adakan latihan undang-undang yang berkenaan tentang enakmen ini, kita juga akan beri latihan kepada wartawan sebagai contohnya Persatuan Penduduk Orang Awam dan pelbagai segmen daripada pelbagai masyarakat di mana mereka akan cuba menggunakan enakmen ini mulai 1 Januari 2013.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRISBIN HAJI ABU BAKAR:** Tuan Speaker soalan no. 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : CUTI BERSALIN AN KEMATIAN**

47. Kerajaan Negeri ada melaksanakan cuti bersalin 90 hari, 15 untuk suami dan sebulan untuk kematian suami berdasarkan manifesto Pakatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pelaksanaannya?
- b) Nyatakan jumlah mereka yang telah menikmati cuti-cuti berkenaan?
- c) Apakah manfaat yang dapat dilihat hasil pelaksanaannya?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker menjawab soalan daripada Yang Berhormat Hulu Bernam tentang status pelaksanaan cuti bersalin lima belas hari, sembilan puluh hari untuk suami dan sebulan untuk kematian suami berdasarkan manifesto Pakatan Rakyat sebab sekarang ini sebenarnya program itu telah dilaksanakan dan alhamdulillah telah diterima baik oleh penjawat awam yang berkhidmat di jabatan ataupun agensi pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah meluluskan pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2009 yang menjelaskan dengan terperinci kemudahan yang ditawarkan dan turut mengguna pakai Pekeliling Bilangan 14 Tahun 2010 dan pada tahun ini Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri mengguna pakai pekeliling yang sama. Ini menunjukkan bahawa daripada untuk hanya kepada kakitangan kerajaan Negeri sekarang ini kita telah meluaskan kepada anak syarikat juga. Berdasarkan rekod yang dikemas kini Hulu Bernam ingin tahu apakah status. Jadi saya ingin menyatakan di sini permohonan pegawai untuk mendapatkan kemudahan ini adalah seperti berikut:

Cuti bersalin sembilan puluh hari seramai 192 orang yang telah pun mendapat manfaatnya.

Cuti lima belas hari untuk suami iaitu 78 orang.

Cuti sebulan kematian suami sebanyak 6 orang telah memohon.

Jadi untuk menyatakan apakah manfaat yang dapat dilihat hasil pelaksanaannya, sememangnya kemudahan tiga-tiga cuti yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri memberikan manfaat kepada pegawai, ahli keluarga dan juga organisasi yang berkenaan, hal ini kerana pegawai boleh memilih atau mempertimbangkan masing-masing tempoh yang sesuai untuk tempoh bercuti untuk menjaga anak yang baru di lahirkan sama ada antara enam puluh hari hingga sembilan puluh hari setiap kelahiran dan maksimum tiga ratus dalam tempoh perkhidmatan. Yang keduanya, pegawai juga boleh memilih tarikh bersesuaian untuk menyambut kelahiran bayi. Kalau kita tengok dulu lepas bersalin baru boleh ambil cuti tapi sekarang ini pegawai boleh memilih sebelum itu untuk mengambil cuti bagi menyambut kelahiran bayi bersama dalam tempoh empat belas hari sebelum tarikh jangkaan kelahiran. Begitu juga yang ketiga secara tidak langsung pegawai boleh menumpukan sepenuh perhatian terhadap segala keperluan pembesaran bayi dalam tempoh tiga bulan dan menggalakkan ibu memberikan susu ibu pada bayi dalam tempoh yang mencukupi. Yang keempatnya bagi pegawai lelaki yang baru menyambut kelahiran cahaya mata kemudahan cuti tambahan ini juga membolehkan pegawai menggunakan dokumentasi ataupun pendaftaran kelahiran, keperluan isteri dan bayi serta memberikan peluang kepada pegawai untuk meluangkan masa bersama keluarga. Dan yang akhirnya yang kelima Tuan Speaker, manakala kemudahan cuti atas kematian suami pula kemudahan ini

memberikan peluang kepada pegawai wanita untuk menstabilkan aspek emosi dan diri mempersiapkan pegawai mendepani hari mendatang dan pelbagai perkara lain tanpa kehadiran suami. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL:** Tuan Speaker soalan No. 48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO; HAJI WARNO BIN DOGOL  
(SABAK)**

**TAJUK: PENDIDIKAN RENDAH ISLAM**

48. Pendidikan Islam peringkat rendah adalah penting untuk penghayatan amal Islam sejak kecil.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah enrolmen pelajar di Sekolah Rendah Agama dan KAFA berbanding enrolmen di Sekolah Kebangsaan untuk 2011 dan 2012?
- b) Apakah langkah untuk memastikan keberkesanan penghayatan pelajar terhadap amal Islam?
- c) Bagaimanakah masa hadapan sekolah rendah agama jika sistem satu sesi persekolahan dilaksanakan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmannir rahim.* Dato' Speaker, Sabak bertanyakan pendidikan rendah Islam. Saya akan menghantar perangkaan yang terperinci tapi sehingga tahun 2012 bulan Ogos seramai 87,872 murid yang terlibat dalam KAFA Negeri Selangor dan bilangan kelasnya ialah 3,262. Salah satu daripada masalah yang didapati mengenai sekolah rendah agama ialah kekurangan sekolah dan penempatan. Jadi salah satu daripada usaha yang kita berharap ialah apabila sekolah-sekolah mengadakan apa yang di panggil *one session school* maknanya dia ada waktu pagi sahaja. Dengan cara itu kita boleh menempatkan semua anak-anak murid yang beragama Islam dapat menjalankan kelas-kelas agama Islam pada petang hari. Dengan cara ini dia dapat menyelesaikan satu sistem yang berterusan. Saya di beritahu Kerajaan Persekutuan akan cuba membuat program ini dalam masa tiga tahun

yang akan datang dan kita juga untuk dia untuk menengah akan cuba untuk memperbanyakkan Mahaad Intergrasi Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker soalan no. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**

**TAJUK: PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI**

49. Taman Sungai Yu Indah, Kampong Sungai Yu, Tanjong Karang

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Apakah kemajuan yang telah di capai oleh projek perumahan berkenaan sehingga kini?
- b) Bilakah pembeli-pembeli taman perumahan berkenaan akan dapat menduduki rumah mereka?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Tuan Speaker untuk menjawab Taman Sungai Yu Indah Kampung Sungai Yu, Tanjong Karang. Projek tersebut sekarang ini dijalankan bersama dengan pemaju asal Serambi Padu dan juga bersama PNSB telah mereka telah mengemukakan satu cadangan permohonan kepada Majlis Daerah Kuala Selangor bagi meminda komponen pembangunan 272 unit rumah teres kos rendah dalam Fasa 2 kepada rumah teres kos sederhana rendah. Penukaran komposisi keseluruhan pembangunan daripada 100% unit rumah kos rendah kepada pembangunan 50:50 bertujuan untuk menampung kos pembangunan secara keseluruhan. Ini adalah disebabkan projek tersebut bergantung kepada *end financing* sepenuhnya yang mana mempunyai pulangan yang lambat dan di dalam hal ini oleh kerana pihak pemaju telah tidak mendapat kelulusan terlebih awal daripada pihak PTG Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan juga Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor permohonan mereka itu telah dipulangkan balik kepada mereka dan telah diminta menghantar balik kepada pihak PTG dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk mendapat kelulusan pertukaran komponen. Sekarang ini pihak pemaju PNSB dan pemaju sedang dalam peringkat akhir menyediakan pelan yang muktamad serta dokumen-dokumen yang berkaitan untuk dikemukakan kepada PTG dan Lembaga Perumahan untuk mendapat kelulusan.

Selepas mendapat kelulusan barulah projek ini dapat diteruskan dan dijangka ianya boleh siap pada bulan Mac 2014. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan

**TUAN SPEKAER:** Ya sila.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih Speaker, EXCO saya dapat jawapan bersama bertulis daripada 2010 yang samalah. Isunya sekarang ini yang saya nak tanya ialah rumah yang itu sudah terbina bagaimana komponen itu hendak ditukar sebab rumah itu rumah terbengkalai. Isunya kalau nak tukar dengan komponen 50 : 50 sederhana rendah dan kos rendah tentu masalah. Sebab struktur telah dibina. Jadi saya tak nampak bagaimana komponen ini. Lain kalau misal kata binaan itu baru nak bermula atau sebagainya. Ini bangunan yang telah sedia ada. Ini saya nak minta dan bila sebenarnya boleh didapati kelulusan ini.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ia dijangka pada bulan Mac 2014 itulah jangkauan ianya disiapkan. Sebenarnya ada lebih daripada itu. Kalau ianya tidak siap. Kalau ianya telah siap di bina sekali pun dari segi struktur dari segi infra, dari segi komponen rumah itu, walau pun kalau rumah itu telah siap dibina atau pun dalam proses untuk di bina dari segi kosnya boleh ditukar. Ia tidak semestinya bahawa kawasan yang ianya bina daripada mula boleh ditukar dari mula tapi rumah yang masih *in progress* terbina pun masih boleh ditukar lagi dia punya kualiti rumah itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ialah apakah bukan sahaja kawasan Permatang di kawasan DUN Sungai Pelek juga banyak projek-projek rumah terbengkalai. Apakah tindakan daripada Kerajaan Negeri terhadap syarikat-syarikat yang gagal mengujudkan atau melaksanakan projek dengan sewajarnya. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap syarikat itu.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kebanyakan pemaju apabila mereka membuat suatu projek, setiap projek berbeza nama syarikat pemaju. Jadi bermakna apa yang kita lakukan adalah kita lakukan mengambil tindakan menyenaraihitamkan syarikat tersebut. Tapi masalahnya setiap projek itu lain nama syarikatnya. Jadi apa yang Kerajaan Negeri telah buat adalah kita menyenaraihitamkan nama pengarah-pengarah jadi dari segi untuk memastikan perkara ini tidak berulang kita menyenaraihitamkan pengarah-pengarah. Itu yang kita lakukan. Tetapi dari segi menyelesaikan masalah sepertimana yang berlaku di Taman Sungai Yu adalah dengan kita menukar komponen atau membawa anak syarikat Kerajaan Negeri untuk membantu projek-projek tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang ingin bertanya berkaitan dengan projek terbengkalai yang telah dilantik pemaju baru untuk dipulihkan dan Kajang mendapati selepas beberapa tahun kita mengambil alih dan syarikat itu nampaknya tidak juga memulihkan projek itu. Apa masalah yang dihadapinya.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kebanyakan masalah utama projek terbengkalai dari segi tidak ada duit di bank lagi untuk menyelesaikan untuk menyiapkan projek tersebut. Jadi pendekatan yang apa yang kita buat adalah kita cadangkan ataupun selalunya pemaju mencadangkan atau pemaju penyelamat mencadangkan supaya ianya ditukar komponen seperti mana di Sungai Yu supaya mendapat pulangan yang lebih. Atau pun mencadangkan supaya pihak pembeli membuat *top-up* supaya dapatlah dana tambahan untuk menyelesaikan projek tersebut. Jadi untuk projek-projek yang telah diambil alih oleh syarikat-syarikat yang baru dan pemaju-pemaju yang baru ianya kalau nak diminta Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri boleh menasihatkan kepada pihak pembeli untuk membuat satu ketetapan atau mengambil tindakan mahkamah dan sebagainya. Sebab dari segi *local standardize*, *locus standi* Kerajaan Negeri tidak ada *locus standi* sebab S & P itu adalah di antara pembeli dan pemaju. Jadi bermakna Kerajaan Negeri tidak boleh turun dan minta supaya apa-apa perjanjian itu dibatalkan. Dalam menyelesaikan projek perumahan terbengkalai, Kerajaan Negeri bertindak sebagai fasilitator atau pun pemudah cara dalam kes-kes tersebut dan kita banyak menasihatkan atau menjadi penasihat kepada pihak pembeli akan tindakan-tindakan seterusnya dan kadang kala ada pemaju yang datang dan pihak pembeli minta kepada Kerajaan Negeri untuk *vacks* sama ada pemaju-pemaju dengan izin sama ada pemaju ini boleh melakukan pemuliharaan atau tidak. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE:** Soalan 50 Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PHILIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: KOS PEMBERIAN HAMPER**

50. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Sila nyatakan kos keseluruhan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk pemberian hamper Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali bagi tahun 2012
- b) Siapakah pembekal hamper-hamper ini dan bagaimanakah pembekal di pilih?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor telah mengusahakan program pemberian hamper barangan dan keperluan untuk rakyat miskin sempena Aidilfitri dan Deepavali sejak 2011. Bertujuan membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk turut sama menyambut kemeriahan perayaan Aidilfitri dan Deepavali dengan pemberian bahan-bahan keperluan asas. Program yang mendapat maklum balas positif ini dilaksanakan dengan pengagihan sejumlah 16,800 hamper barangan keperluan harian dan 28,000 kuih raya dengan kos sebanyak RM1,120,386.00 pada tahun 2011. Bagi memastikan pemberian kemeriahan turut dirasai rakyat Negeri Selangor pada Aidilfitri 2012 Kerajaan Negeri telah berusaha untuk menyalurkan bantuan barangan keperluan harian kepada 56,000 rakyat dari setiap DUN di Negeri Selangor. Bagi perayaan Deepavali pula Kerajaan Negeri telah mengusahakan sejumlah 39,200 set barangan keperluan harian untuk diagihkan ke seluruh Negeri Selangor. Kos pemberian barangan keperluan untuk tahun 2012 adalah seperti berikut:

Hari Raya Aidilfitri jumlah penerima 56,000 kos RM2,394,000.00

Hari Deepavali jumlah penerima 39200 kosnya RM1,699,320.00

Oleh kerana jumlah kos kedua-dua program adalah melebihi RM500,000.00 pembekal telah di pilih melalui proses tender yang di pilih melalui Lembaga Perolehan Negeri. Bagi pembekalan hamper Hari Raya 2012 syarikat Jalinan Murni Dagang Sdn.Bhd. adalah dilantik bagi mengendalikan pembekalan ini. Syarikat ini telah di pilih melalui proses tender oleh Lembaga Perolehan Negeri yang bersidang. Manakala bagi pembekal hamper Deepavali 2012 pelaksanaan membekal terus dari pengeluaran dan kerja pengagihan telah diselaraskan oleh Seksyen Sektor Unit Perancangan Ekonomi Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE:** Mengapakah Kerajaan Negeri tidak terus memberi kupon kepada mereka-mereka yang layak supaya mereka bebas memilih untuk membeli barangan yang diperlukan. Dan pada masa yang sama mengelakkan kemungkinan penyelewengan. *Thank you.*

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih untuk cadangan itu kita akan teliti cadangan yang diberi oleh Teluk Datok.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sila.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Subang Jaya ingin bertanya kenapakah pembekal hamper ini tidak boleh membekalkan dalam bentuk hamper tetapi dalam bentuk *loose item*. *Thank you*.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini semua kita bawah *ordering* dan kita nak bawa semua ADUN-ADUN tempatan untuk memberikan dengan pemberian beg dan sebagainya. Harga saja yang kita menikmati sebab kos yang katakan kos dia terlalu tinggi. So kita membekalkan sendirian untuk diberikan kepada semua ADUN.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengucapkan terima kasih kepada EXCO berkaitan kerana pada mulanya Kajang diberitahu tidak akan dapat hamper untuk Deepavali tapi akhirnya dapat jugalah. Terima kasih. Tapi bilangannya 500 lain daripada bilangan yang dijanjikan iaitu 700 dan didapati juga ada DUN-DUN yang dapat bilangan yang berlainan. Kajang ingin tahu kenapa keadaan ini berlaku begitu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih sebab kita telah bekalkan hamper dan permintaan dia ramai ya dari Ahli-ahli Parlimen, Ketua Komuniti dan sebagainya ya, sebab terhad dengan hamper yang kita ada sekarang kita kena agihkan dengan cara dia di mana kawasan-kawasannya ada kumpulan orang-orang ini dengan Deepavali, hamper Deepavali saya tak tau silap saya dengan kumpulan-kumpulan orang-orang masyarakat India yang teramai dapat lebih tumpuan dari kawasan-kawasan yang lain. Itu saja. *Maybe* tahun depan kita boleh meningkat lebih banyak lagi.

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia. Tidak hadir. Meru.

**Y.B. TUAN DR. HAJI ABD. RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan No. 52 daripada kumpulan 52.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PASUKAN *TASK FORCE* MPK**

51. Pasukan *Task Force* pemantauan MPK tidak beroperasi sepenuhnya bagi memantau kerja-kerja pembuangan sampah, pembersihan longkang dan pemotongan rumput di Meru.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak MPK untuk mengatasinya
- b) Adakah kontraktor-kontraktor dilantik dibayar kos mereka walaupun tidak beroperasi dengan baik?

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, soalan Meru adalah berkenaan dengan *Task Force* di MPK. Di antara tindakan yang diambil oleh pihak MPK untuk mengatasi masalah tersebut adalah:

- i) Mengecilkan kawasan pemantauan untuk pemantauan yang menyeluruh bagi memantau kerja-kerja pembuangan sampah, pembersihan longkang dan pemotongan rumput.
- ii) Melantik pasukan *Task Force* sebagai audit dalaman sebagai pemantau *double checking* dengan izin di setiap kawasan pemantauan.
- iii) Menjalankan lawatan bersama dengan kontraktor yang dilantik untuk mengenal pasti kawasan yang diselenggarakan.

Kontraktor yang dilantik yang tidak beroperasi dengan baik akan diambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i) Surat amaran di keluarkan.
- ii) *Notice to corrects* denda.
- iii) *Back up* kawasan.
- iv) Potongan bayaran terhadap kontraktor.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kita memang tahu adanya sistem pemantauan yang wujud seperti yang disebutkan oleh Y.B. EXCO. Tapi masalahnya pelaksanaannya. Kita dapati pelaksanaannya memang lemah. Dan pegawai-pegawai memang ada yang bertanggungjawab di kawasan-kawasan dan kita nampak memang ada yang tidak menyelenggarakan seperti juga yang saya sebut pada semalam, memang wujudnya kecuai dan juga ketidakcekapan. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, memang ada aduan yang saya menerima daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan seperti di Subang Jaya, seperti Kajang dan juga Petaling Jaya, dan lain-lain tempat nampaknya kurang sedikit. Jadi saya bercadang, saya akan mengadakan satu mesyuarat di antara semua pegawai-pegawai yang berkaitan dengan pemantauan ini, supaya kita dapat menjadikan kerjanya lebih berkesan dan sebagainya. Jadi saya telah meminta semua PBT untuk menambahkan pegawai pemantauan kerana saya mendapati ada kawasan-kawasan di PBT, di mana seorang pegawai ditugaskan untuk menjaga satu kawasan yang terlalu luas. Jadi saya sudah mencadangkan dengan penjimatan yang kita dapatkan daripada pengutipan sampah dan sebagainya. Kita gunakan wang itu untuk menambahkan pegawai pemantauan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan nombor 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: JURUPERUNDING DAN PROGRAM PEMBERDAYAAN WANITA (PWB)**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan firma-firma juru perunding yang telah dilantik untuk melaksanakan program ini.
- b) Apakah rasional dan *track record* firma-firma juru perunding yang dilantik?
- c) Berapakah yuran perundingan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada firma-firma juru perunding yang dilantik?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, bagi menjawab soalan Y.B. Hulu Kelang, beliau menyatakan apakah, senaraikan firma-firma juru perunding yang telah dilantik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tiada juru perunding yang kita lantik dalam misi atau program pemberdayaan wanita kerana kita sebenarnya Kerajaan Negeri dalam konteks pelaksanaan program pemberdayaan wanita, pelaksanaan itu dalam bentuk dua cara. Iaitu Kerajaan Negeri telah menjemput tenaga pengajar atau jurulatih bagi melatih dan membimbing wanita-wanita menerusi pusat wanita berdaya di setiap DUN dalam bidang-bidang fokus yang disebut Dalam Pelan Tindakan Wanita negeri Selangor yang telah dirangka bersama Majlis Permuafakatan Wanita negeri Selangor yang terdiri daripada, maknanya pelatih itu kita jemput hanya daripada aktivis, pemimpin wanita, badan-badan bukan kerajaan, individu-individu bukan kerajaan malah ahli-ahli akademik juga turut terlibat dan juga profesional dalam melatih program-program yang telah disasarkan di dalam program pemberdayaan wanita. Jadi tenaga pengajar, jurulatih tersebut adalah terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang masing-masing. Dan mereka juga kita panggil, di samping itu adalah pakar ataupun berkemahiran dalam bidang memasak, menjahit, tata hias, kulinari dan bakeri. Jadi juga pelaksanaannya dalam konteks yang kedua, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan institusi kemahiran seperti PTPTL ataupun Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan dan juga institusi kemahiran INPENS.

Jadi untuk menjawab soalan seterusnya, berapakah kos ataupun yuran perundingan yang dibayar, sebenar Kerajaan Negeri hanya memberi token kepada jurulatih-jurulatih yang telah disediakan tetapi kita tidak pernah membayar mana-mana juru perunding atau yuran perundingan tersebut. Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Baru-baru ini di Hulu Bernam, kursus ini diadakan, dan sasarannya 60 orang. Yang hadir hanya 26. Apakah langkah-langkah untuk mempromosi program ini. Dan keduanya, ada program ini yang dijalankan meminta DUN mengeluarkan kewangannya sendiri seperti di Batu Caves. Adakah peruntukan yang membolehkan wang di bayar terus oleh EXCO untuk menjayakan program PWB.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Untuk program pemberdayaan wanita, ada dua kaedah yang diguna pakai. Iaitu yang pertama Kerajaan Negeri memperuntukkan khas duit dana khas daripada Geran Selangorku untuk dibayar kepada Pusat Wanita Berdaya. Yang itu kita memberikan program-program yang berstruktur yang telah dirancang lebih awal untuk kita salurkan kepada Pusat Wanita

Berdaya. Tetapi yang keduanya, ada juga program-program yang dilaksanakan Pusat Wanita Berdaya atas inisiatif sendiri. Maknanya mereka setiap saban minggu melaksanakan program-program bagi memberikan kemudahan ataupun program-program kemahiran di kawasan. Yang itu selalunya, ADUN ataupun Wakil Rakyat di tempatan akan memberi peruntukan daripada DUN masing-masing. Jadi soalan tentang kenapa di Hulu Bernam, sasaran yang diletakkan 60, sebenarnya 50, Yang Berhormat. 20 sahaja yang hadir. Di sini, sebenarnya program pemberdayaan ini sebenarnya menguji juga kepimpinan di kawasan dalam konteks mempublikasikan program tersebut dan kita tahu bahawa program pemberdayaan ini adalah bukan program yang semata-mata untuk memanggil sesiapa sahaja yang hadir, tetapi ianya menasaskan golongan-golongan sasaran tertentu bagi memastikan bahawa contoh, kalau kita katakan program di Hulu Bernam itu adalah program kewangan, contohnya program untuk pemberdayaan ekonomi wanita, jadi khusus pada mereka yang disasarkan. Jadi tidaklah kita panggil warga emas wanita untuk hadir, tetapi wanita yang kita sasarkan untuk hadir yang kita tetapkan untuk datang ke program yang kita rancang. Itu jawapan daripada saya. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi ingin mengetahui dari manakah di ambil istilah pemberdayaan ini. Adakah diambil daripada Kamus Dewan. Saya ingat ada istilah yang lebih tepat, (tepu) umpamanya meningkatkan keupayaan, mempertinggi kualiti. Lebih cantik, berdaya ini pelik sikitlah. Adakah diambil daripada Dewan Bahasa, ditanya dahulu, sebelum digunakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Biasalah, Bangi terlalu *consent* tentang bahasa. Sebenarnya istilah ini adalah istilah *universal* yang diguna pakai sekarang. Kalau dalam bahasa Inggeris kita panggil *empowerment*. Kalau dulunya dikenal pasti sebagai pemerksaan. Tetapi pemerksaan ini seolah-olahnya ia melibatkan fizikal. Jadi istilah ini sebenarnya dirujuk kepada Kementerian dan juga diguna pakai di peringkat nasional, pemberdayaan itu adalah lebih sesuai kerana memberi daya kepada wanita untuk bergerak dengan sendirinya. Maknanya upaya itu hanya upaya tetapi tidak ada daya, tetapi istilah yang lebih sesuai adalah pemberdayaan. Jadi saya harap Yang Berhormat semua di dalam Dewan ini, mulai hari ini, kita menggunakan istilah pemberdayaan dan bukan memperdayakan wanita. Terima kasih. (Ketawa)

**TUAN SPEAKER:** Ya, Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, berapakah elaun yang dibayar kepada Pengurus dan Penyelaras PWB.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sebenarnya untuk elaun ini adalah satu program ataupun satu usaha sementara untuk memastikan wanita-wanita penyelia-penyelia ini dapat sedikit sumbangan untuk memastikan program yang berstruktur ini berjalan lancar. Jadi Kerajaan Negeri telah menetapkan elaun ini, kita mulakan hanya untuk enam bulan yang pertama. Bagi mereka yang layak, kita bayar sebanyak RM750.00 sebulan. Jadi, alhamdulillah, mereka yang telah pun menepati semua kriteria yang telah ditetapkan seramai 44 daripada 56 wanita yang dilantik sebagai penyelia ini telah mula dibayar. Daripada bulan Julai, dan ianya akan berakhir hujung tahun ini. Dan selepas ini akan dikaji sama ada pembayaran elaun ini akan dibuat secara tetap ataupun masih lagi dalam konteks kontrak 6 bulan. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih, Dato' Speaker. Soalan 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ISMAIL BIN SANI  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : PROJEK AIR LANGAT 2**

54. Projek loji rawatan air Langat 2 masih tertangguh hingga sekarang dan Kerajaan Persekutuan sedang dalam proses mengeluarkan tender projek berkenaan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah perkembangan projek ini?
- b) Bilakah arahan pembangunan boleh dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri menetapkan tempoh masa tertentu untuk penyelesaian penangguhan ini dan apakah alasan penangguhan projek ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, Dusun Tua bertanyakan tentang projek Air Langat 2. Untuk makluman Dewan, ada dalam Kertas-kertas maklumat yang kita berikan dalam Dewan. Saya telah memasukkan Kertas perkembangan mengenai penyusunan semula industri air. Jadi saya berharap, Yang Berhormat Dusun Tua, dapat melihat kertas itu. Kertas itu menjawab dan menunjukkan perbincangan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dan langkah untuk menentukan industri air di Negeri Selangor ini dibuat dengan tertib dengan betul untuk menjamin bahawa rakyat Negeri Selangor mendapat faedah yang sebaik-baiknya dari

penyusunan semula. Kerajaan Negeri kekal dengan pendirian bahawa penyelesaian isu Langat 2 ini, perlu dilihat bersekali dengan memuktamadkan segera juga penyusunan semula industri air Selangor. Saya telah membuat, hasil daripada keputusan, saya telah meminta Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat laporan jika ada permohonan-permohonan mengenai pembangunan Langat 2, supaya dapat diteliti oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, sila.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Baru-baru ini, kita sedia maklum bahawa baru-baru ini Kerajaan Pusat telah mengumumkan bahawa mereka akan meneruskan projek Langat 2. Jadi soalan tambahan saya, apakah tindakan Kerajaan Negeri, sekiranya Kerajaan Pusat meneruskan projek ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak menghalang meneruskan apa-apa projek di Negeri Selangor, dengan tujuan untuk mempertingkatkan pembangunan rakyat. Saya, Kerajaan Persekutuan, mengikut perlembagaan, mesti mendapat kelulusan-kelulusan tertentu dari Kerajaan Negeri untuk melaksanakannya. Bukan hanya boleh buat dengan cara tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan yang juga kelulusan mengenai tersebut sudah diluluskan oleh Parlimen Persekutuan.

**TUAN SPEAKER:** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH  
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : MUZIUM NEGERI**

55. Bangunan dan kemudahan muzium dilihat uzur berbanding perpustakaan baru Raja Tun Uda.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf muzium negeri dan cawangan lain?
- b) Apakah hala tuju dan inisiatif meningkatkan martabat muzium negeri di abad baru ini?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Pelabuhan Klang. Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan negeri Selangor yang bertanggungjawab dalam pengurusan muzium negeri dan juga muzium-muzium cawangan memang telah mempunyai perancangan bagi menaik taraf muzium. Antara projek menaiktarafkan yang telah diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam peruntukan pembangunan adalah :-

- i. Kerja-kerja kekemasan dinding bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
- ii. Kerja-kerja menaik taraf ruang lobi Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
- iii. Kerja-kerja menaik taraf ruang pameran pejabat Balai Warisan Alam Semula jadi dan Balai Kebudayaan.
- iv. Kerja-kerja naik taraf kemudahan ruang pejabat dan pembaikan bangunan Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor.
- v. Kerja-kerja pengisian Istana Bandar, Kuala Langat dan Gedung Raja Abdullah, Klang (yang mana kedua bangunan ini telah diserahkan kepada PADAT oleh Jabatan Warisan Negara setelah kerja pemuliharaan selesai).
- vi. Kerja-kerja auditan elektrik bangunan oleh pihak JKR.
- vii. Kerja-kerja menaik taraf Lif Bangunan.

Setelah tertubuhnya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor menggantikan Lembaga Muzium Selangor pada tahun 2010, pihak PADAT telah merangka Pelan Strategik 5 tahun (2011 hingga 2015) bagi meningkatkan lagi martabat muzium. Di dalam Pelan Strategik ini terdapat 4 teras yang telah digariskan iaitu:-

- i) Penyelidikan Saintifik yang inovatif dan mencipta nilai
- ii) Pengurusan konservasi yang cekap dan berkesan
- iii) Mempromosi Adat Melayu dan Warisan ke arah kegemilangan
- iv) Warga kerja yang kompeten dalam bidang Adat Melayu dan Warisan.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Soalan 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PERTUKARAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

56. Pegawai Kewangan Negeri Selangor telah diarahkan bertukar ke salah sebuah kementerian di Putrajaya dengan diberi kenaikan pangkat. Pertukaran berkuat kuasa pada 15 Oktober 2012. Pegawai berkenaan enggan melaksanakan arahan pertukaran itu. Pejabat Menteri Besar pula mengemukakan rayuan demi rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan menteri yang bertanggungjawab.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapa pegawai berkenaan enggan mematuhi arahan pertukaran walaupun atas dasar kenaikan pangkat?
- b) Apakah implikasi keengganan beliau mematuhi arahan pertukaran terhadap peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan di negeri ini?
- c) Tidakkah tindakan pegawai kanan tersebut meninggalkan contoh yang tidak baik kepada anggota perkhidmatan awam di negeri ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Gombak Setia membangkitkan pertukaran Pegawai Kewangan Negeri untuk makluman dewan, pertukaran ini dilaksanakan dan kita telah mengadakan *farewell dinner* untuk Pegawai Kewangan Negeri tersebut.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Soalan tambahannya ialah Tuan Speaker. Pegawai berkenaan bertukar atas naik pangkat tetapi saya rasa pertukarannya agak lewat dilakukan. Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar telah menghantar surat, dua atau tiga surat termasuk berjumpa dengan menteri untuk membincangkan berkenaan pertukaran itu. Makin lewat dia bertukar makin tersekat pegawai-pegawai lain yang dalam zon kenaikan pangkat yang sama bilangannya mungkin 3 atau 4 orang akan tertunda akan kenaikan pangkat itu. Kedua, dalam persidangan lepas Tuan Speaker pegawai berkenaan juga cuti dan dibiayai oleh syarikat sampai RM40,000 hingga RM50,000 setiap kali percutian untuk 4 anak syarikat yang membiayainya. Tiap-tiap satu dengan harga sedemikian dan begitu juga dengan yuran golf.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.



**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sikit sahaja, satu setengah minit sahaja. Yang dibiayai oleh syarikat sehingga RM6,000.00 sebulan untuk main golf. Itu yang ditimbulkan tapi tidak dibalas dan tidak di jawab dalam perhimpunan yang lepas. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, Gombak Setia mengatakan perkara ini satu perkara yang jelas. Satu kelemahan yang sangat besar ialah tentang pentadbiran perkhidmatan awam. Walaupun Yang Berhormat pernah bertugas di bawah naungan tersebut *section planning* ataupun perancangan untuk mentadbir bukan dibuat dalam masa setengah minit atau dua minggu seterusnya. Ia mesti dilakukan dalam satu proses yang teratur. Saya dapati perkara ini sebagai orang yang pernah juga mengurus pentadbiran korporat. Perkara ini tidak cekap, efisien. Kita nyanyi lagu *efficiency* apa semua tapi apa yang sebenarnya tidak berlaku. Jadi saya berharap saya akan cuba memberikan beberapa pandangan supaya perkara ini dapat dilakukan dengan betul dan tertib.

Perkara yang kedua, tentang integriti dan penyelewengan perkara ini ialah saya ingin jelaskan ialah budaya. Budaya ini sudah berlaku bukan pada hari ini. Bila saya bertanya kepada Pegawai Kewangan tersebut, pernahkah beliau mendapat ganjaran sebegini jawapannya ialah sejak dia mula bertugas di Selangor ini memang sudah ada perkara ini berlaku. Jadi apa yang sudah saya lakukan, saya telah minta PKNS mengadakan proses integriti supaya semua ini akan dapat dihebahkan, berapa gaji, berapa pendapatan, semuanya telah berlaku. Kalau kita telah galakkan perkara itu dibuat, maknanya kita melakukan satu perkara yang *indulgency* ini bukan sahaja kesalahan individu tetapi kesalahan pentadbiran. Jadi oleh sebab itu saya selesaikan. Saya tunjukkan kepada mereka cara-cara ketulusan dalam usaha ini.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: HUTAN SIMPANAN**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senarai jumlah kawasan hutan simpanan yang telah berjaya di pulihara selepas 2008.
- b) Apakah masalah yang dihadapi dalam pemuliharaan hutan simpanan paya gambut Raja Musa?

c) Apakah masalah yang dihadapi dalam pemuliharaan hutan paya bakau?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker semenjak tahun 2008 sebanyak hutan simpanan kekal telah berjaya dipulihkan dengan keluasan meliputi 1978.13 hektar. Senarai hutan yang terlibat adalah terdiri dari hutan simpan Gading, hutan simpan Sungai Lalang, hutan simpan Raja Muda Musa, hutan simpan Kuala Langat, Selatan, hutan simpan Bukit Rata, hutan simpan Bukit Tunggal, hutan simpan Serendah, hutan simpan Hulu Bernam, hutan simpan Banjar Utara, hutan simpan Telok Gong, hutan simpan Pulau Klang, hutan simpan Kuala Langat, hutan simpan Jugra, Teluk Gadong dan Kuala Sepang. Masalah yang dihadapi dalam pemuliharaan hutan simpanan paya gambut khasnya Raja Musa adalah hutan paya gambut mempunyai ekosistem yang amat unit. Dengan sifat semula jadinya yang mampu menyerap air serta menyimpannya dalam kuantiti yang banyak ketika musim hujan dan melepaskannya secara perlahan ke sungai ketika musim kemarau. Namun begitu konflik guna tanah yang telah berlaku tanpa perancangan yang sempurna untuk tujuan pembangunan, untuk pertanian dan lain-lain menjadikan masalah utama dalam pemuliharaan hutan tanah gambut. Ia menyebabkan hutan air dalam, hutan tanah gambut tersebut berkurangan kerana pembinaan terusan yang tidak dirancang dengan baik. Oleh sebab itu kita selalu dengar banyak berita di mana hutan simpan Raja Muda selalu dibakar. Bukan sebab hutan selalu dibakar tetapi kawasan hak milik tanah yang bersebelahan dengan hutan simpan Raja Muda itu ada kebakaran selepas itu merebak dalam sempadan hutan simpan khasnya semasa musim kering, boleh dikatakan api itu susah dikawalkan. Sebagai contohnya pada tahun ini pihak Bomba Dan Keselamatan dan juga Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengambil hampir 3 bulan untuk memadam api di hutan simpan Raja Musa. Berbeza dengan hutan simpan paya gambut pemuliharaan paya bakau mengalami masalah yang berbeza secara prinsipnya ia adalah terjadinya pasang surut serta ombak. Selain itu, masalahnya adalah pigmentasi atau *pigmentation* antara hutan-hutan paya bakau.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Kajang mendapati hutan simpan paya gambut Raja Musa telah berlaku kebakaran yang agak lama dan dikatakan sebabnya ada industri korek pasir di kawasan sebelah yang kepunyaan anak syarikat negeri menyebabkan aliran air keluar hutan paya ini dan menyebabkan paras air cetek dan menyebabkan kebakaran. Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kajang kerana membangkitkan perkara ini. Bukan perniagaan atau pun kegiatan mengorek pasir tetapi di Raja Musa baru-baru ini kita memang ada masalah kerana ada satu aktiviti

tanah liat atau *Clay mining* kerana masa itu mereka dekat dengan hutan simpan dan memang betul air itu mengalir keluar kepada sempadan hutan simpan Raja Musa dan apabila kita mendapati masalah itu khasnya semasa musim kering kita telah mengarahkan orang yang menjaga kawasan pengorekan tanah liat tersebut untuk menutup aliran-aliran yang membenarkan air keluar pada tanah gambut tersebut. Jadi pihak yang berkenaan itu memang ada kerjasama bila kita memberi amaran dan juga nasihat kepada mereka supaya tidak berbuat begitu dan saya rasa ada pembakaran pada masa terdekat saya rasa mungkin pihak yang berkenaan itu tidak akan berbuat sebegitu lagi. Tapi kalau mereka masih berdegil, masih hendak mengorek di tempat air tutup, tidak kawal keluaran air dari tanah gambut kita terpaksa akan tutup atau batalkan lesen berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Tuan Speaker, soalan 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: GLC**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah keseluruhan syarikat GLC kerajaan Selangor setakat ini?
- b) Senaraikan Semua GLC Selangor yang mendapat keuntungan dan senaraikan semua GLC Selangor yang mengalami kerugian.
- c) Apakah punca-punca kerugian yang dialami oleh GLC berkenaan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Meru. Dato' Speaker. Bertanyakan tentang perkembangan GLC, syarikat-syarikat di bawah jagaan dan di bawah pelaburan Kerajaan Negeri. Untuk maklumat Dewan kita mula menetapkan supaya akaun-akaun kerajaan, akaun-akaun syarikat Kerajaan Negeri dikemukakan untuk penelitian Dewan. Jadi tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya akaun negeri ini dapat dilihat dan dapat ditatapi oleh Ahli-ahli Dewan jika mereka ingin membangkitkan perkara-perkara mengenai perjalanan dan pengurusan syarikat-syarikat tersebut. Ada 12 syarikat, saya akan hantar nama-nama syarikat termasuk Kumpulan Darul Ehsan, PNSB, SSIC, Tourism, Kumpulan Semesta, Pendidikan Industri, YS iaitu UNISEL, Yayasan Warisan. Dan apabila ditanya tentang keuntungan. Semua syarikat membuat keuntungan 4 - 5 syarikat yang saya telah, tengah pantau YS Sdn. Bhd. iaitu UNISEL ia sudah dapat kita selesaikan seperti yang saya sebut dalam

dewan. Rangkaian Mesra iaitu *processing* iaitu *data processing* yang akan kita bajet supaya kita dalam teliti kos bukan mendapat hasil. Jadi kita tentukan kos itu di pantau dengan pendapatan yang diberi dari Kerajaan Negeri. Yayasan Warisan Anak Selangor iaitu ... Bukit Beruntung Golf Resort Berhad akan beruntung dan kita tidak akan jadikan ia anak syarikat negeri tapi kita akan letakkan di bawah satu jagaan syarikat yang boleh menjaga Bukit Beruntung Golf & Country Resort. Yayasan Darul Al Qard Hassan ini hanya geran yang masih belum cukup untuk menampung kerja-kerja ini yang kita akan lakukan dalam 2013 dan tentang kemasukan wang tersebut. Jadi kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat MBI kebanyakan syarikat itu tidak beruntung rasi keuntungan tapi fokus kepada kebajikan dan maklumat kepada rakyat. Walau bagaimanapun kita mesti melihat kos pentadbiran syarikat-syarikat tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa. Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK: MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PENTERNAK LEMBU DAN KAMBING DI NEGERI SELANGOR**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak lembu dan kambing di Negeri Selangor?
- b) Berapa jumlah para penternak mengikut komposisi kaum yang telah menerima bantuan daripada Kerajaan Negeri?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu dan mengatasi masalah-masalah mereka?

**Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Tuan Speaker bagi menjawab soalan Kota Alam Shah berkaitan masalah-masalah yang dihadapi oleh penternak lembu dan kambing di negeri Selangor. Antara masalah utama: -

- i. Kawasan menternak dan menanam rumput sangat terhad di negeri akibat persaingan yang hebat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain seperti hartanah dan perindustrian. Keduanya, Terlalu sedikit zon penternakan yang di gazetkan Negeri Selangor iaitu tanah TKPM.

- ii. Kos penternakan semakin mahal terutamanya makanan ternakan.
- iii. Wujudnya, penternak yang kurang berpengetahuan dan memulakan projek tanpa mendapatkan khidmat nasihat atau merujuk kepada Jabatan Veterinar dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Oleh itu, kos yang lebih tinggi diperlukan untuk memperbaiki projek yang telah beroperasi secara salah atau berkemungkinan perlu ditutup pada akhirnya.

Soalan kedua yang berkaitan dengan berapa jumlah para penternak mengikut komposisi kaum yang telah menerima bantuan? Dalam perancangan Malaysia ke 10, iaitu dari tahun 2010 hingga 2012, bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada para penternak mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut:- Melayu – 50 orang iaitu 72.46%, India – 15 orang ataupun 21.74%, Cina – 4 orang iaitu 5.8%. Pecahan ini juga menggambarkan jumlah penternak yang ada di Negeri Selangor.

Bantuan-bantuan yang diberikan adalah seperti berikut. Pertama induk-induk ternakan sebagai meningkatkan sumber genetik. Kedua peralatan-peralatan untuk meningkatkan produktiviti. Ketiga peralatan-peralatan untuk menggalakkan aktiviti hiran. Yang keempat bahan-bahan binaan untuk mengembangkan saiz projek. Seterusnya projek untuk menaiktarafkan loji pemprosesan dan pembangunan *homeplot* sebagai menambah sumber makanan.

Soalan ketiga ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu dan mengatasi masalah-masalah mereka? Bagi membantu mereka yang pertama Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan beberapa kawasan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Taman Agroteknologi di mana aktiviti yang dijalankan di kawasan ini mestilah berkaitan dengan salah satu aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan. Tanah-tanah yang disediakan dan dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah disewakan oleh penternak. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah membangunkan 9 tapak atau lot menternak khusus untuk translokasi penternak yang menghadapi masalah kawasan dan menerima notis tutup oleh pihak PBT.

Sebanyak 50 jenis latihan setahun diberikan kepada 400 hingga 500 orang penternak. Semua latihan ini diberikan dengan bentuk tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penternak supaya mereka boleh meningkatkan produktiviti projek dan meningkatkan daya saing projek-projek tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN B. ALI:** Soalan nombor 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK: PROGRAM MERAWAT AIR**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah bersedia untuk melaksanakan program merawat air dengan menggunakan teknologi penapisan air *membrane* dan adakah teknologi ini *cost effective* berdasarkan jumlah permintaan air yang dirawat bagi sesuatu tempoh?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Bukit Antarabangsa. Yang Berhormat Dato' Speaker, Bukit Antarabangsa menanyakan tentang program merawat air. Buat ketika ini cara yang kita lakukan di Selangor ialah cara konvensional iaitu merawat air melalui pemakaian *aluminium sulphur, chlorine, fluoride* dan juga *limestone* jadi maknanya untuk menentukan hasil air terawat itu bersih dan sesuai untuk kegunaan masyarakat dan juga industri. Tetapi sekarang terdapat teknologi-teknologi baru antara lain ialah *membrane, membrane technology, desalination* dan usaha-usaha ini. Saya melihat Kerajaan Negeri janganlah saja terikat dengan cara konvensional tetapi juga menilai cara-cara baru dan jawapannya kalau dia lebih efisien dan lebih *economical*. Kita boleh melihat, menilainya dan jika perlu melaksanakannya. Jadi buat masa ini Kerajaan Negeri telah mencuba *test* kes bukan kita teruskan tetapi kita buat *test* kes untuk mengkaji tentang Loji Rawatan Air Bukit Jelutong yang telah kita tutup sejak tahun 1994 kita mencadangkan supaya dua satu cara konvensional kedua cara *membrane* teknologi dan kita nilai dari segi *study* kecekapan daripada segi kos sebelum kita buat keputusan mana teknologi yang perlu kita lakukan. Ini satu cara yang terbaik supaya Negeri Selangor dan Negara Malaysia dapat menggunakan teknologi-teknologi terkini dalam usaha mengurus *utilities*.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker soalan 61.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: TEATER DAN BUDAYA**

61. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar dan pendirian kerajaan negeri terhadap pementasan teater?
- b) Mengapakah cadangan bagi penajaan teater “Bilik Sulit” arahan Hishamuddin Rais dan teater “Semerah Padi” adaptasi filem arahan Tan Sri P. Ramlee ditolak?
- c) Mengapakah pementasan teater “Nurnilamsari” kurang mendapat sambutan?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker Hulu Kelang ingin bertanya tentang dasar dan pendirian Kerajaan Negeri terhadap pementasan teater. Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa setiap teater yang akan dipentaskan akan dikaji dan dinilai terlebih dahulu sebelum dipentaskan kepada masyarakat kerana kita ingin memastikan iaitu dasar atau konsep *edutainment* atau hiburan yang berpelajaran serta menitik beratkan aspek penerapan nilai-nilai murni dan budaya yang melibatkan pelbagai kaum di Negeri Selangor saja kita dapat memberikan keutamaan. Selain itu Jawatankuasa Tetap Budaya juga akan meneliti setiap permohonan teater bagi memastikan unsur-unsur yang boleh menyentuh sensitiviti sebuah masyarakat, seperti aspek perkauman, aspek keagamaan dan sebagainya mesti melepasi syarat-syarat yang telah ditentukan.

Kerajaan Negeri juga sebenarnya menghargai setiap soalan daripada Hulu Kelang. Tanya bagaimana status “Bilik Sulit” dan arahan Hishamuddin Rais kenapa ianya ditolak jadi jawapan daripada saya Kerajaan Negeri sentiasa meneliti setiap cadangan dan tidak pernah menolak secara terus tetapi setelah meneliti kita dapati ada beberapa teater yang terpaksa tidak dapat dijalankan. Contohnya seperti soalan Hulu Kelang “Bilik Sulit” arahan Hishamuddin Rais dan Teater “Semerah Padi” adaptasi daripada filem arahan Tan Sri P. Ramlee telah ditolak berikutan terdapat beberapa keperluan yang tidak dapat dipenuhi. Jadi untuk “Bilik Sulit” kita tengok kumpulan teater berkenaan walaupun telah datang bincang tetapi tidak dapat butiran dan kertas kerja yang lengkap sebagaimana yang dipohon sehingga menyebabkan proses permohonan tidak dapat diteruskan.

Yang keduanya teater “Semerah Padi” permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Geran SelangorKu kerana anggaran perbelanjaan yang dipohon terlalu besar iaitu sebanyak RM500,000.00 kelulusan satu-satu teater jadi setelah diteliti permohonan tersebut ditolak dan ditanya didapati kurang menepati syarat yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Geran SelangorKu. Untuk soalan seterusnya mengapakah pementasan teater “Nurnilamsari” kurang mendapat sambutan? Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang sebelum ini juga telah pernah memberikan penajaan ataupun bekerjasama beberapa penggiat teater dan mereka sebenarnya dipertanggungjawabkan untuk mengadakan publisiti kepada awam melalui kaedah masing-masing. Jadi untuk teater “Nurnilamsari” ini kita didapati kekurangan *effort* atau

usaha yang dibuat oleh penggiat teater tersebut menyebabkan sambutan itu tidak dapat sebagaimana yang telah disasarkan. Jadi Kerajaan Negeri akan cuba memastikan supaya akan datang kesedaran orang awam terhadap teater, kita perluaskan hebahan-hebahan yang sedia ada dan juga melalui kepimpinan-kepimpinan di kawasan. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sila.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Yang Berhormat EXCO menyentuh mengenai tentang program teater “Bilik Sulit” arahan Hishamuddin Rais dia melibatkan pementasan teater yang memaparkan tentang kezaliman ISA. Dia telah berjaya dianjurkan bersama-sama dengan GMI, gerakan kemasukan ISA seluruh negara mendapat sambutan yang cukup baik. Selaras dengan dasar kerajaan usul menyokong memansuhkan ISA, harap perkara ini dapat dipertimbangkan semula dan adakah EXCO akan menimbangakan sekiranya dikemukakan semula cadangan pementasan dibawa semula di Kerajaan Negeri?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Yang Berhormat Hulu Kelang sebenarnya sebagaimana yang saya katakan tadi penolakan itu atas dasar proses di mana kita memang tidak menolak dalam konteks pengisian itu tetapi kita menunggu dan dalam konteks butiran dalam kertas kerja. Insya-Allah jika dikemukakan kepada Jawatankuasa Tetap, saya tidak ada masalah untuk memastikan bahawa teater “Bilik Sulit” ini kita laksanakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih. Tuan Speaker Bangi ingin bertanya kita mempunyai sebuah teater yang canggih. Teater Diraja Shah Alam ini, bangunan ini sudah lama siap tetapi nampaknya masih tidak dapat digunakan. Apakah masalah yang dihadapi dan bila dijangka untuk dibuka dan digunakan untuk kegiatan teater di Selangor? Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun soalan ini tidak ada berkenaan teks program tetapi saya ingin memberi *sub date* Royal Theater ini bangunan Royal Theater ini telah mula digunakan tetapi masih lagi tidak kondusif untuk pembukaan secara *mass* kerana sekarang ini ianya bawah pengurusan ataupun bawah *e-tackle* dengan izin Bandaraya Shah Alam kerana kita dapati masih perlu lagi perkara dan kerosakan yang perlu dibaiki dan dalam Mesyuarat *Standco* saya yang lalu itu saya mengharapkan supaya ianya dipercepatkan proses kerana Kerajaan



Negeri telah memberikan peruntukan dan dana yang khusus untuk memastikan bangunan Royal Theater digunakan jadi *Standco* telah menyasarkan bahawa bulan Januari tahun depan sepatutnya telah mula dibuka ataupun awam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker Soalan ke 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: BANTUAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga Jun 2012 Berapa banyak sekolah agama rakyat yang telah menerima bantuan kewangan daripada skim bantuan sekolah agama rakyat kerajaan Negeri Selangor?
- b) Apakah bentuk bantuan/program/peralatan yang menjadi keutamaan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di Negeri Selangor, senaraikan 3 permohonan utama?
- c) Apakah dasar ini akan diteruskan dengan jumlah peruntukan yang sama atau memerlukan tambahan peruntukan untuk masa depan?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Batu Caves bermula pada tahun 2009 sehingga Jun 2012, sebanyak 254 buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah menerima bantuan daripada Negeri Selangor. Dan kalau perasan ini lebih sedikit daripada Sekolah Rendah di bawah JAIS. Kedua bentuk bantuan utama yang diberikan kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat di Negeri Selangor adalah seperti berikut: Baikpulih bangunan sekolah atau dan membina bangunan tambahan. Kedua membeli kelengkapan sekolah dan alat bantu mengajar. Ketiga program latihan keguruan dan penambahbaikan pengurusan sekolah amat ketara lemahnya selama ini. Ketiga bagi tahun 2013 jumlah peruntukan yang akan diberikan Sekolah Agama Rakyat setakat ini adalah masih sama akan ada pertambahan mengikut keperluan semasa Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER:** Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker soalan nombor 63.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK: RIZAB TUNAI KERAJAAN SELANGOR**

63. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah rizab dan tunai Kerajaan Selangor telah simpan sampai bulan Oktober 2012?
- b) Ada apa rancangan dari kerajaan untuk menggunakan rizab dan tunai tersebut?
- c) Berapakah faedah dari bank yang kerajaan dapat secara purata jika rizab dan tunai tersebut disimpan dalam bank. Sila senaraikan mengikut tahun.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Teratai membangkitkan tentang rizab Negeri Selangor dan penggunaan-penggunaannya, saya telah menerangkan dengan secara terperinci juga dalam bajet yang kita telah saya bentangkan dan juga tentang penggunaan rizab yang saya cadangkan untuk dibincangkan dalam belanjawan 2013. Dan untuk maklumat dewan, rizab negeri ialah jumlah kumpulan wang yang disimpan oleh negeri sebagai satu usaha untuk menentukan bahawa kekukuhan kewangan negeri, jadi lebih banyak rizab negeri itu ada, lebih kukuh keadaan kewangan negeri sebagai contoh rizab negara juga dilihat sebagai beberapa jumlah pembayaran luar negara boleh dibuat jika berlaku urusan niaga umpamanya rizab Kerajaan Malaysia ialah berasaskan berapa bulan dia boleh membiayai *trading* negara ataupun urusan niaga. Buat masa ini rizab Negara Malaysia ialah sejumlah 8 bulan atau 9 bulan. Jawapannya adakah dia kukuh untuk lapan atau sembilan bulan dia dikatakan kukuh. Di Selangor rizab kita RM2.5 juta bererti jika tidak apa pun pendapatan kita dapat pada tahun depan, kita masih boleh menjalankan operasi negeri sebab bajet kita ialah RM1.65 juta jadi saya telah tunjukkan ada negeri walaupun bajet tetapi bila tidak dapat duit pada tahun depan dia tidak boleh melaksanakan perbelanjaan. Lebih besar rizab kita lebih baik.

Soalan yang kedua saya mengambil masa sedikit sahaja panjang sebab. Soalan kedua ialah pengurusan rizab itu apa pendapatan yang boleh kita hasil daripada rizab? Itu pun kita kena ukur keupayaannya jadi kalau rizab diuruskan secara *cash* itu salah sebab dia tidak mendapat hasil. Saya ingin menyatakan rizab kita untuk tahun lepas kita mendapat pendapatan lebih daripada RM40 juta.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara, tidak hadir, Taman Templer, tidak hadir. Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO HAJI RAJA IDERSI B. RAJA AHMAD:** Tuan Speaker soalan yang ke 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO HAJI RAJA IDERSI B. RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: KEJAYAAN PERTANIAN SELANGOR**

66. Kerajaan Negeri Pakatan telah banyak merombak projek-projek pertanian sewaktu kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kejayaan di sektor pertanian Selangor setakat ini?
- b) Sejauh manakah sumbangan sektor pertanian terhadap KDNK negeri sekarang?
- c) Apakah projek pertanian berimpak tinggi di bawah kerajaan Pakatan sejak 2008 hingga 2012?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, terima kasih sekali kepada Sungai Air Tawar kerana prihatin soal-soal pertanian dan keusahawanan. Apakah kejayaan di sektor pertanian Selangor setakat ini? Pada tahun 2011, Negeri Selangor telah menunjukkan prestasi yang baik dalam sektor pertanian di mana sektor ini berjaya mengeluarkan hasil pertanian yang merangkumi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus, florikultur, tanaman ladang, tanaman industri serta produk-produk hiliran berasaskan pertanian dengan jumlah pengeluaran sebanyak RM1720 juta. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Negeri Selangor merupakan projek yang mencatatkan pengeluaran hasil dan pendapatan tertinggi di Malaysia. Ini dinyatakan di sini bahawa seluruh TKPM seMalaysia RM50 juta, RM30 juta adalah hasil daripada pengeluaran di Negeri Selangor. Dan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi untuk TKPM seluruh Malaysia. Sumbangan sektor pertanian di Selangor pada tahun lalu adalah sebanyak RM1,576 juta. Maklumat terperinci pengeluaran pertanian pada tahun 2011 adalah seperti berikut. Florikultur RM3,472 juta. Sayur-sayuran RM61,500 juta. Padi RM189,500 juta. Herba dan rempah ratus RM6,856 juta. Tanaman Industri RM1,178 juta. Tanaman Buah-buahan RM115 juta. Tanaman Ladang dan Tanaman Kontan RM21,472 juta. Dan jumlahnya adalah RM1,576,851.

Projek pertanian berimpak tinggi di bawah kerajaan Pakatan Rakyat 2008 adalah seperti berikut. Program meningkatkan hasil padi Negeri Selangor yang merupakan

salah satu program daripada enam program utama negeri. Program ini bermula dari tahun 2009 dan akan tamat pada tahun 2013. Objektif utama program ini adalah unuk memastikan peningkatan padi purata 7 tan per hektar. Sehingga hari ini kita mencapai purata 6 tan per hektar. Seterusnya kita perkenalkan di Selangor konsep *Natural Farming*. Ini akan saya jelaskan kemudian. Projek Industri Asas Tani yang menghasilkan 587 orang usahawan produk hiliran dan menjana pengeluaran hasil bernilai RM143 juta pada tahun 2011.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa pertanyaan sudah tamat. Ingin saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan (2013/2012) semua peringkat.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Saya buka Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Ya, Bukit Antarabangsa sebelum Yang Berhormat mula saya ingin ingatkan saya cuma membenarkan Seri Serdang dan Bukit Antarabangsa untuk berbahas tanpa terhad kepada masa 20 minit. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain terhad kepada 20 minit.

**Y.B. TUAN MOHAMD AZMIN BIN ALI:** Bukit Antarabangsa berapa minit?

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Tidak terhad kepada 20 minit.

**Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Alhamdulillah pada pagi ini saya diberikan peluang untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2013 Negeri Selangor yang berjumlah RM1.63 bilion. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya ingin menyatakan di sini bahawa usaha Yang Berhormat Tuan Speaker untuk membawa perubahan dan reformasi di dalam Dewan ini termasuk dengan mengeluarkan perintah Tuan Speaker telah menarik perhatian Yang Dipertua Dewan Rakyat beberapa hari yang lalu dan beliau juga agak tertarik dengan sistem lampu isyarat yang digunakan dan ada kemungkinan Parlimen juga akan menggunakan sistem yang sama dalam sesi yang akan datang dan Yang Dipertua Parlimen mendapati ia cukup efektif untuk mengawal prosiding dalam dewan kerana apa yang berlaku pada dua hari yang lalu seorang Menteri menjawab selama 21 minit dan mendapat teguran daripada Yang Dipertua Parlimen dan beliau merujuk keberkesanan pimpinan Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor. Dengan kata-kata itu mungkin saya dapat lebih panjang masa pada pagi ini.

Tuan Speaker saya ingin merujuk kepada karya Amartya Sen di dalam buku beliau bertajuk *The Idea of Justice* dengan izin saya *quote any theory of justice has to give an important place to the role of institution so that the choice of institution cannot but be as*

*central element in any plausible account of justice.* Sebarang teori perihal keadilan tidak dapat tidak mestilah memberi keutamaan kepada peranan institusi supaya institusi yang dipilih itu menjadi teras kepada maksud keadilan tersebut. Saya yakin Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor tuntas membawa agenda reformasi demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat. Melaksanakan perubahan demi rakyat adalah satu kewajipan bagi pimpinan Pakatan Rakyat sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat dan berteraskan prinsip kebertanggungjawaban, ketelusan dan tata kelola yang baik. Insya-Allah kita yakin dengan usaha-usaha melaksanakan Islah dan perubahan ini rakyat akan melanjutkan mandat kepada kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dalam pilihan raya umum yang ke 13 dan Insya-Allah akan menyumbang kepada kebangkitan rakyat menuju Putrajaya. Belanjawan 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi kesempatan kepada rakyat secara langsung untuk menilai prestasi dan keupayaan Kerajaan Negeri dalam mengurus ekonomi negeri. Sudah tentu Kerajaan Negeri sekali lagi memilih untuk menggunakan pendekatan reformasi dasar untuk mengubah struktur ekonomi dan memperbaiki kelemahan sistem dan institusi kerajaan supaya dapat mempertingkatkan lagi keupayaan ekonomi Negeri Selangor. Pengauditan terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 adalah untuk memberi pandangan sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan negeri yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggara dengan teratur. Secara keseluruhan, alhamdulillah analisis audit mendapati kedudukan kewangan Negeri Selangor adalah baik. Penyata Kewangan Negeri yang berakhir pada 31 Disember 2011 mencatatkan baki kumpulan wang disatukan berjumlah RM1.9 bilion meningkat sejumlah RM357 juta berbanding RM1.6 bilion pada tahun 2010. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2011 telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM62.5 juta manakala jumlah tunggakan hasil menurun sejumlah RM75.2 juta. Akaun hasil disatukan negeri telah mencatatkan sejumlah RM180.5 juta berbanding RM124.2 juta pada tahun 2010. Prestasi pembayaran hutang awam pada tahun 2011 adalah sangat baik kerana baki hutang awam telah menurun RM25.01 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman mencatatkan penurunan sejumlah RM604.97 juta. Laporan Ketua Audit Negara juga mengesahkan bahawa dua komponen terpenting dalam hasil Kerajaan Negeri iaitu hasil cukai dan hasil bukan cukai masing-masing telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM46.18 juta dan RM202.91 juta menjadikan RM517.74 juta dan RM674.06 juta pada tahun 2010 berbanding dengan hanya RM471.56 juta dan RM471.15 juta pada tahun 2009. Analisis audit juga menunjukkan hasil cukai dan hasil bukan cukai mencatatkan peningkatan yang menyumbang kepada peningkatan hasil secara keseluruhan iaitu sejumlah RM62.5 juta menjadi RM1.6 bilion pada tahun 2011 berbanding RM1.5 bilion pada tahun 2010. Analisis *trend* mendapati hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan yang konsisten dari RM1.2 bilion pada tahun 2007 kepada RM1.8 bilion pada tahun 2009.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya tidak perlu mengulangi angka dan statistik ekonomi negeri yang telah digariskan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapan Belanjawan 2013 yang sekali gus mengesahkan bahawa asas ekonomi Negeri Selangor amat kukuh dan pengurusan kewangan yang berhemah. Maka saya yakin unjuran yang dibuat bagi 2013 juga adalah realistik berdasarkan senario ekonomi global dan serantau yang akan memberi kesan langsung kepada ekonomi domestik termasuk Negeri Selangor. Maka peringatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini juga bertepatan dengan peringatan Nabi Yusuf a.s. iaitu tujuh tahun yang subur dan dituruti dengan tujuh tahun kemarau. *Seven fat years and seven thin years*. Apabila Allah menganugerahkan sedikit kemewahan melalui kepimpinan yang amanah maka kita janganlah alpa dan janganlah kita boros di dalam urusan perbelanjaan. Namun pengurusan ekonomi yang berhemah bukan sahaja diukur daripada keupayaan untuk meningkatkan pendapatan dan rizab yang kukuh tetapi kita juga harus berbelanja secara berhemah dan menumpukan kepada usaha ekonomi yang akan memberi kesan gandaan ataupun *multiply effect* di dalam ekonomi domestik khususnya di Negeri Selangor. Sudah tentulah belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mempunyai perbezaan yang agak ketara dengan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan Persekutuan di mana Menteri Kewangan telah gagal untuk mengemukakan dasar-dasar fiskal yang dapat membetulkan struktur ekonomi negara. Kebimbangan rakyat Negeri Selangor bertambah parah apabila pengumuman yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan termasuk imbuhan-imbuhan kecil dan juga sogokan politik di dalam pilihan raya yang ke 13 tidak mengambil kira beban hutang negara yang semakin membengkak malahan pengumuman yang dibuat juga tidak mempunyai *multiply effect* ataupun kesan berganda untuk merencanakan kegiatan ekonomi. Langkah-langkah fiskal yang perlu diambil untuk mengurangkan hutang negara dengan lebih *effective* tidak langsung dibincangkan dalam bajet Persekutuan termasuk usaha-usaha untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang lestari dan menjamin pengagihan kit ekonomi secara adil dan saksama. Dalam usaha mengekalkan ekonomi yang semakin malap, kita tidak boleh bersandarkan kepada angka unjuran dan statistik semata-mata akan tetapi isu *governance* ataupun tata kelola yang baik ketirisan atau *leakages* kebocoran pembaziran akauntabiliti dan ketelusan merupakan paksi penting dalam belanjawan sesebuah negara.

Inilah yang cuba ditonjolkan di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Bajet 2013 Kerajaan Persekutuan juga gagal mengungkapkan unjuran serta situasi ekonomi global. Kegagalan ini boleh menyumbang kepada kemungkinan unjuran yang terkandung dalam belanjawan 2013 Kerajaan Persekutuan akan mengalami nasib yang sama iaitu tersasar daripada unjuran asal. Kita harus sedar bahawa ekonomi Malaysia adalah ekonomi yang terbuka dan sudah tentu ianya mempunyai kesan langsung akibat

ekonomi global yang tidak menentu. Dan kegagalan untuk mengungkap situasi ekonomi global ini pastinya akan menjejaskan keupayaan ekonomi domestik untuk menjana pertumbuhan yang lestari demi kepentingan masa depan. Justeru itu di dalam mukadimah saya sebentar tadi saya telah menyatakan bahawa saya yakin unjuran yang dibuat bagi tahun 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah realistik kerana beliau berasaskan kepada senario ekonomi global dan juga serantau yang pastinya akan memberi kesan langsung kepada ekonomi domestik.

Saya juga menyentuh kebimbangan rakyat Negeri Selangor dan rakyat Malaysia keseluruhannya terhadap hutang negara yang semakin membengkak yang pastinya juga akan memberi kesan kepada prestasi ekonomi negeri-negeri di dalam negara kita termasuk Negeri Selangor. Dalam perbahasan di Parlimen baru-baru ini saya telah memetik laporan *Market Watch* yang menyatakan bahawa Filipina dan Indonesia hari ini dilihat muncul sebagai Harimau Ekonomi Asia Tenggara yang baru dan amat malang sekali Malaysia kedudukannya jauh di belakang. Contoh yang diberikan hutang Kerajaan Persekutuan Indonesia sekitar 25% daripada KDNK dan Filipina pula sekitar 41% daripada KDNK. Manakala hutang negara kita Malaysia sudah hampir mencecah 55% daripada KDNK. Menteri Kewangan telah menyentuh isu KDNK dengan menyatakan pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 4.5% sehingga 5.5% dan melepasi paras RM1 trilion. Namun Kerajaan Persekutuan gagal untuk menerangkan bahawa kedudukan KDNK sesebuah negara bergantung kuat kepada prestasi ekonomi negara yang menyumbang ke arah ekonomi negara yang lebih baik. Kita tidak dapat menyangkal fakta bahawa Negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar iaitu 23% daripada KDNK hasil daripada tata kelola pentadbiran yang cekap, baik dan amanah yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Malangnya Selangor hanya menerima sejumlah RM367 juta untuk tempoh daripada Januari 2012 sehingga September 2012. Saya ingin mengulangi kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam Belanjawan 2013, di para 43 yang menegaskan bahawa Negeri Selangor terus kekal menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia melebihi 20% dari tahun 2008 hingga 2012. Tetapi seperti yang saya nyatakan tadi pemberian yang dibuat oleh Kerajaan Pusat jauh lebih rendah daripada apa yang telah kita sumbangkan kepada Kerajaan Pusat.

Walau bagaimana pun Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Kerajaan Negeri untuk tidak meremehkan teguran dan dapatan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara. Namun saya gembira dengan komitmen Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika menjawab soalan lisan saya pada 19 November yang lalu bahawa Kerajaan Negeri cukup komited untuk memastikan bahawa segala teguran dan pemerhatian oleh Ketua Audit Negara akan

diambil tindakan untuk membetulkan kelemahan-kelemahan dan mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang pada masa yang akan datang. Antara teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara ialah berhubung Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) di mana projek perhutanan semula di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek. Antara penemuan yang telah dibuat oleh Audit adalah kelewatan penyediaan Rancangan Penanaman Pokok yang tidak mengikut kelulusan, tanah lewat di pajak, pokok lewat ditanam selepas perjanjian ditandatangani, tunggakan hutang syarikat pemajak belum dikutip, pelantikan syarikat pemajak tidak teratur dan kekurangan pemantauan. Ini adalah teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ketua Audit Negara di dalam laporan yang telah dibentangkan di dewan ini dan juga di dalam Parlimen.

Saya juga ingin mengingatkan Dewan bahawa sebelum laporan Ketua Audit Negara ini dibentangkan saya pernah membahaskan perkara yang sama di dalam Dewan Negeri Selangor ini ketika membahaskan Belanjawan 2012, saya telah memohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri berhubung status pulangan kepada Kerajaan Negeri berhubung projek menghutan semula kawasan akasia dengan projek tanaman sentang dan jati di Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Rantau Panjang, Daerah Hulu Selangor. Daripada maklum balas yang saya terima saya mendapati bahawa pada 22 Februari 2001, Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian konsesi dan pajakan dengan PKPS di mana PKPS diberi konsesi tanah Hutan Simpan Bukit Tarek seluas 5,000 hektar dan Hutan Simpan Rantau Panjang seluas 5,000 hektar untuk tempoh pajakan selama 60 tahun. Antara perhutanan semula dijalankan oleh PKPS dengan usaha sama 7 syarikat swasta. Antara syarikat swasta yang mendapat konsesi ini ialah Syarikat Sharedders Forrest Management Sdn Bhd untuk kerja penanaman pokok jati. Salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat ini ialah Tan Sri Dato' Seri Sanusi Junid. Syarikat ini telah diberi konsesi tanah Hutan Simpan Bukit Tarek seluas 5,000 hektar untuk tempoh pajakan selama 50 tahun. Syarikat lain yang mendapat konsesi tanah Hutan Simpan Rantau Panjang seluas 1,000 hektar untuk tempoh pajakan selama 50 tahun ialah Syarikat In & Out Plantation Management Sdn Bhd. Ahli Lembaga Pengarah Syarikat In & Out, dia In & Out yang mewakili syarikat ini menandatangani perjanjian konsesi dengan PKPS pada 16 Mei 2002 ialah Dato' Abdul Rahman bin Palil (dewan menepuk meja). Saya difahamkan maklumat kelulusan pemberian konsesi tanah seluas 1,000 hektar kepada Syarikat In & Out Plantation Management Sdn Bhd sudah tidak dapat dikesan di PKPS. Syarikat-syarikat lain yang mendapat konsesi di Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Rantau Panjang adalah Syarikat Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd 1,000 hektar. Bagi kerja menanam pokok sentang Syarikat Mewah Ikhtiar Sdn Bhd 660 hektar, Syarikat Ekomurni Sdn Bhd 80 hektar, Syarikat Kayangan Rampai Sdn Bhd 100 hektar dan Syarikat Tropical Presentation Sdn Bhd 1,144 hektar.



Perjanjian konsesi di antara PKPS dan syarikat-syarikat pemajak telah menetapkan kadar pajakan royalti balak, hasil ladang termasuk cukai yang perlu dibayar kepada Jabatan Perhutanan Negeri. Menurut semakan awal saya unjuran pendapatan PKPS berbanding dengan syarikat pemajak menunjukkan untuk tempoh lebih daripada 20 tahun, PKPS akan mendapat pulangan sebanyak RM47 juta bagi pajakan tanah seluas 10,000 hektar manakala syarikat pemajak dijangka mendapat keuntungan lebih daripada RM400 juta. Maka sekali lagi saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri bagaimana perjanjian yang ditandatangani oleh PKPS dengan syarikat pemajak bersifat berat sebelah dan tidak memberi pulangan yang adil kepada Kerajaan Negeri. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk memperbetulkan ketempangan dan penyelewengan yang berlaku dalam penganugerahan konsesi tanah di kedua-dua hutan simpan ini. Dan sekarang Ketua Audit Negara sendiri telah menimbulkan perkara ini dalam laporan yang baru dibentangkan. Saya difahamkan bahawa jumlah keseluruhan bayaran yang telah diterima oleh PKPS sehingga bulan Oktober 2009 bagi program perhutanan semula Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpan Rantau Panjang adalah lebih kurang RM700,000.00 sahaja. Bagaimana konsesi tanah seluas 10,000 hektar untuk pajakan selama 60 tahun memberikan pulangan kepada kerajaan negeri hanya RM700,000.00 sahaja.

Satu lagi teguran yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan negeri adalah berkenaan pendidikan industri YS Sdn Bhd atau pun universiti Selangor (UNISEL). Antara penemuan Audit adalah berkenaan kemudahan Universiti yang tidak diselenggarakan dengan sempurna. Hal ini juga telah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada sesi yang lalu di mana Syarikat Jana Niaga Sdn Bhd mengaut keuntungan ekoran perjanjian konsesi yang bersifat berat sebelah. Maka Kerajaan Negeri perlu segera meneliti teguran yang dilakukan oleh Ketua Audit Negara serta melaksanakan tindakan yang sewajarnya termasuklah cadangan dan penegasan yang dibuat oleh Laporan Audit bahawa dengan izin saya *quote* mengikut *consession agreement* cadangan pembangunan bina, kendali dan pindah kediaman pelajar lelaki dan perempuan, pusat pelajar, pusat komuniti pelajar, taska dan kediaman kakitangan, kos pembaikan asrama siswi ini ditanggung oleh pemaju.

Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, Belanjawan 2013 yang bertemakan Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia merupakan suatu pengiktirafan kepada pengurusan ekonomi dan kewangan negeri yang benar-benar telus, berakuntabiliti serta mengamalkan perbelanjaan yang berhemah. Sebab itu saya bagi pihak rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga rakyat Negeri Selangor ingin mengucapkan penghargaan kepada Dato' Menteri Besar yang telah mempertahankan rekod kewangan Negeri Selangor dengan membentangkan belanjawan berimbang selama lima tahun berturut-turut (dewan menepuk meja). Namun seperti yang saya tegaskan tadi kita juga kena melihat semula kepada semangat perlembagaan Persekutuan oleh

kerana Kerajaan Negeri merupakan penyumbang utama kepada KDNK Malaysia dengan satu jumlah yang cukup besar sebanyak 23%. Maknanya setiap satu ringgit pendapatan Kerajaan Pusat 23 sen adalah sumbangan kerajaan Negeri Selangor kepada mereka. Semangat perlembagaan persekutuan dengan jelas mengungkapkan Malaysia merupakan sebuah negara federalism dan ianya adalah salah satu kepada asas kenegaraan. Kalau kita merujuk kepada Senarai 1, Senarai 2 dan *concurrent list* atau senarai bersama menjadi garisan panduan kepada tanggungjawab bersama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri. Federalism harus dihayati sebagai sebuah negara yang tidak membenarkan kuasa mutlak oleh Kerajaan Persekutuan. Maknanya setiap satu ringgit pendapatan Kerajaan Pusat 23 sen adalah sumbangan Kerajaan Negeri Selangor kepada mereka. Semangat Perlembagaan Persekutuan dengan jelas mengungkapkan Malaysia merupakan sebuah negara *federalism* dan ianya adalah salah satu kepada asas kenegaraan, kalau kita merujuk kepada senarai satu, senarai dua, dan *concurrent list* atau senarai bersama menjadi garis panduan kepada tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, *federalism* harus dihayati sebagai sebuah negara yang tidak membenarkan kuasa mutlak oleh Kerajaan Persekutuan tindakan Putrajaya menafikan hak Negeri Selangor merupakan satu tindakan yang mengkhianati semangat *federalism* ini namun saya agak kesal dan terkejut dengan kenyataan Ahli Parlimen dari Kota Belud, di dalam Parlimen baru-baru ini, yang mendakwa bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah pun menerima RM67 bilion daripada Kerajaan Pusat maka Kerajaan Negeri bertanggungjawab untuk menyangkal dakwaan ini yang saya kira amat mengelirukan dan tidak bertanggungjawab namun izinkan saya melihat sedikit kepada perkara yang telah dibangkitkan berdasarkan perbahasan saya di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini, di mana saya telah mencerakinkan pemberian persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor mengikut perlembagaan yang sedia ada. Saya mendapati ada tujuh jenis pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, pertama pemberian jalan raya ataupun MARRIS, kedua pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup, ketiga pemberian bayaran perkhidmatan 10 peratus kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek persekutuan, keempat pemberian perbelanjaan mengurus jabatan persekutuan secara bersama seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Majlis Sukan Negeri, kelima pemberian tahunan ekoran pemberian Selangor menyerahkan Kuala Lumpur dan Putrajaya, keenam pemberian mengikut bilangan penduduk ataupun *capitulation grant* dan ketujuh pemberian pertambahan hasil. Namun sehingga September 2012, Negeri Selangor hanya menerima RM364 juta malahan beberapa jenis pemberian persekutuan masih belum dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, sebagai contoh, saya dimaklumkan pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi yang dianggarkan berjumlah RM16 juta sehingga hari ini masih belum diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor,

pemberian perbelanjaan mengurus jabatan persekutuan yang berjumlah RM31 juta masih belum diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Persekutuan juga gagal menyerahkan pemberian pertambahan hasil yang dianggarkan RM24 juta sehingga hari ini, dakwaan Ahli Parlimen Kota Belud, bahawa sebahagian besarnya adalah pembayaran, emolumen ataupun gaji kepada anggota perkhidmatan awam di Negeri Selangor, perlu dijawab oleh Kerajaan Negeri kerana mengikut semakan saya pembayaran emolumen ataupun gaji oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, tidak timbul sama sekali. Saya juga ingin memohon kepada Kerajaan Negeri apakah tindakan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan membuat pemberian ini mengikut jadual yang telah ditetapkan saya juga ingin mengetahui berapakah jumlah besar yang patut diterima oleh Kerajaan Negeri mengikut jadual penerimaan pembayaran persekutuan, dan jumlah sebenar yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri, sehingga hari ini dan juga berapakah jumlah tunggakan sehingga hari ini. Untuk tujuan pembangunan saya sedia maklum bahawa wujud peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun melalui Kementerian dan agensi kerajaan, walau bagaimanapun penggunaannya harus di optimumkan melalui pelaksanaan pelbagai projek dan juga program yang telah dirancang di peringkat Kementerian dan juga agensi kerajaan dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Sebagai langkah untuk memperkukuhkan jentera penyelarasan perancangan dan juga pelaksanaan, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan suatu agensi penyelarasan iaitu Pejabat Pembangunan Negeri atau disebut ICU, yang berperanan untuk menyelaras, melaksana, memantau dan melihat dan menilai keberkesanan program dan projek Kerajaan Persekutuan di peringkat Negeri. Untuk memastikan pemantauan pelaksanaan pembangunan dapat diselaraskan dengan berkesan Majlis Tindakan Negara, dibentuk di peringkat pusat yang di pengurusan oleh Perdana Menteri, manakala di peringkat Negeri Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan diurusetikan oleh ICU Negeri, di peringkat pelaksanaan pula Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri pula dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri diwujudkan dan juga diurusetikan oleh ICU Negeri, malangnya hal seperti ini tidak berlaku di Negeri Selangor, Majlis Tindakan Negeri, tidak mendapat kerjasama langsung daripada ICU Negeri, maka Kerajaan Negeri telah menubuhkan semula Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri Selangor yang diurusetikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri ataupun UPEN dan tidak mendapat kerjasama dari ICU Negeri Selangor di mana senarai projek-projek Persekutuan yang dilaksanakan di Selangor tidak diberikan kepada Kerajaan Negeri, bagi tujuan pemantauan dan ianya berlaku semenjak tahun 2008, bagi saya ini adalah satu pengkhianatan, kepada prinsip dan semangat *federalism* yang menjadi asas pentadbiran Negara ini. Sebagai contoh pembinaan jambatan merentasi Sungai Kelang, projek yang menelan belanja sebanyak RM235 juta ini adalah kerja-kerja menaik taraf jalan sepanjang lima kilometer termasuk satu jejambat untuk

menghubungkan Kelang Selatan dan Kelang Utara, yang akan menyambungkan jalan MRP ke lebuh raya Shapadu. Seperti yang telah dinyatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar, projek ini telah pun dilancarkan pada 4 Mac 2008 hanya beberapa hari sebelum pilihanraya umum yang ke-12 dan projek ini telah diumumkan dan dilancarkan pelaksanaannya oleh Menteri Kerja Raya pada ketika itu Dato' Seri S.Samy Vellu, dan turut dihadiri oleh Dato Menteri Besar Selangor pada ketika itu, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir Toyo. Saya petik kata-kata Dato' Seri S Samy Vellu, dengan code *"the plan and desiring for the project has been complete and the tender will be call soon"* itu kata-kata Samy Vellu. Dia juga mengatakan bahawa *'the third bridge is to be built over the klang river here under a RM230 million project to be completed and in two and half years. Work on the project which would form apart of the klang ring road is to begin in four months'* maknanya kalau dilancarkan Mac 2008 kerja-kerja ini akan bermula pada Jun 2008 dan dijangka siap dalam tempoh 2 setengah tahun, maknanya tahun 2010 jambatan telah pun siap. Tapi seperti yang dikatakan oleh Dato' Menteri Besar tiang pun tak nampak sehingga hari ini sehingga mendesak Kerajaan Negeri mengeluarkan peruntukan bagi kepentingan rakyat.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Timbalan Speaker, saya minta penjelasan daripada Y.B. Bukit Antarabangsa berkenaan dengan isu yang dibangkitkan tentang Jambatan Tiga ini, upacara pecah tanah telah dilakukan dan akan disiapkan bila?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Dua setengah tahun

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Dua setengah tahun tetapi sampai hari ini tidak dilakukan 'janji ditepati' jadi 'janji capati', maka dengan itu apakah Y.B. bercadang minta Barisan Nasional Samy Vellu bersama pihak pembangkang di sebelah sana, wajib minta maaf kepada seluruh rakyat Negeri Selangor Dan Malaysia, setuju atau tidak

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih, Sekinchan sebab itu tema 'janji ditepati' ini tak boleh pakai saya lihat kenyataan Seri Serdang semalam mengatakan projek ini terbengkalai sebab Barisan Nasional kalah, kalau Barisan Nasional menang di Negeri Selangor projek ini telah siap ini kata-kata yang tidak berapa waras kerana projek pembinaan jambatan adalah projek Kerajaan Pusat dan di peringkat persekutuan Barisan Nasional masih menang setakat hari ini bulan depan belum tentu, bila dah menang laksanakan tanggungjawab untuk membina jambatan ini, mengapa tidak dibina dan ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan selaras dengan semangat federalism yang telah saya kupas sebelum itu

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mencilah Bukit Antarabangsa, terima kasih semalam ini lah perkara yang saya cuba sebutkan dan saya telah sampaikan kepada Ketua Pembangkang Dun Selangor, tetapi malang sekali beliau mengatakan yang jambatan itu dijanjikan oleh pihak Kerajaan Negeri padahal dalam kenyataan yang

disebut oleh Y.B. tadi ianya dikeluarkan oleh mulut seorang Menteri Barisan Nasional jadi soalan saya ialah disebabkan kegagalan ini dan jawapan yang diberikan oleh Ketua Pembangkang semalam wajar atau tidak kalau kita katakan Ketua Pembangkang Selangor ini adalah kepala pembohong dalam dewan ini kerana memberikan satu jawapan yang salah terlalu salah kerana seperti mana yang Y.B. sebutkan tadi *quote* kan tadi ianya dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Barisan Nasional.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Seri Muda, saya bersetuju dan saya kira walaupun Seri Serdang ini pembangkang namun perbincangan di dalam dewan ini harus berdasarkan kepada fakta dan tidak mengelirukan. Saya telah tegaskan dalam perbincangan awal prinsip *federalism* ini mesti disuburkan bagaimana Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dapat memainkan peranan apatah lagi bila kita melihat Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara. Untuk makluman Sekinchan dan juga Seri Muda bukan setakat jambatan ketiga yang diumumkan oleh Dato' S. Samy Vellu pada 4 Mac 2008 oleh kerana kemaruk nak menang itu Dato' Seri Samy Vellu juga *in his speech on the launch the minister said that the ministry was planning a fourth bridge to facilitate users to the west coast expressway heading to the Klang and going from Klang to Banting*, Maknanya bukan setakat jambatan ketiga dia lancar dan dia umum jambatan keempat, akhirnya mereka semua jatuh jambatan dalam pilihanraya yang lepas. Jadi sebab itu saya berharap peranan ICU Negeri Selangor *independent, profesional* bersama-sama dengan Majlis Tindakan Negeri supaya kita boleh pantau projek-projek persekutuan kerana ini juga adalah wang rakyat sama ada membayar cukai di Negeri Selangor mahupun di negeri-negeri lain yang kita sumbangkan kepada KDNK dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyumbang balik kepada negeri berkenaan melalui projek-projek yang saya berikan contoh tadi. Sebab itu saya menggesa Kerajaan Negeri untuk meminta Kerajaan Persekutuan untuk menyenaraikan projek yang dikatakan bernilai lebih RM60 bilion yang telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya kita buat audit terbuka dan melantik juruaudit bertauliah sebab rakyat Selangor nak lihat kalau benar Kerajaan Persekutuan telah salurkan RM60 bilion projek kepada Negeri Selangor kita nak tahu siapa yang dapat projek berkenaan dan kita juga nak tahu apakah projek-projek ini telah dibuat secara telus, tender terbuka dan berapa nilai kos projek-projek berkenaan dan saya percaya kalau ini dilakukan Kerajaan Negeri dapat melihat satu lagi pembohongan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat dalam isu projek-projek persekutuan. Saya juga terpanggil untuk membicarakan soal air di Negeri Selangor kerana pada 30 Oktober 2012 yang lalu saya berkesempatan untuk berbahas secara langsung dengan Y.B. Dato' Seri Peter Chin Fah Kui, Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air di dalam Dewan Rakyat berhubung isu air di Negeri Selangor.

Saya agak terkilan apabila Y.B. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak ada kemampuan untuk melaksanakan model holistik dalam usaha untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air dan yang kedua, Y.B. Menteri dan Timbalan Menteri menegaskan bahawa apabila Kerajaan Negeri melakukan program mitigasi itu secara langsung mengesahkan berlakunya krisis air di Negeri Selangor. Izinkan saya Y.B. Puan Timbalan Speaker untuk menyatakan di dewan yang mulia ini bahawa perkara ini sekali lagi perlu diterangkan dan dijelaskan oleh Kerajaan Negeri, khususnya apabila terlalu banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh kementerian dan juga pihak UMNO dan Barisan Nasional yang amat mengelirukan dan saya percaya tujuan mereka memang untuk mengelirukan rakyat menjelang pilihan raya yang akan datang dan Kerajaan Negeri Selangor saya percaya cukup komited untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor ke arah perkhidmatan yang holistik, berdaya maju dan *affordable tariff* untuk pengguna. Cuma saya nyatakan kepada Y.B. Menteri pada ketika itu ia mestilah berasaskan kepada dua prinsip, pertama mestilah mematuhi undang-undang dan yang keduanya mestilah memberikan kebaikan dan tidak membebankan kepada pengguna khususnya di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya. Pada hari ini malangnya kementerian Tenaga Teknologi Air dan, Teknologi Hijau dan Air ini, saya melihat mereka bukan mempertahankan rakyat, tetapi mereka mempertahankan syarikat-syarikat kroni sahaja. Kita telah meminta dan saya berharap Kerajaan Negeri terus mendesak kerajaan pusat untuk terikat dengan undang-undang yang sedia ada dalam menstrukturkan semula industri perkhidmatan air bertepatan dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 ataupun Akta 655 ataupun WSIA yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang memperjelaskan peranan Kerajaan Negeri sebagai peneraju industri perkhidmatan air. Yang ini kita gagal memahami. Sebenarnya sudah ada satu akta yang diluluskan oleh Dewan Rakyat yang disebut sebagai Akta 655, ataupun WSIA yang memperjelaskan peranan Kerajaan Negeri sebagai peneraju dalam industri perkhidmatan air dan apabila undang-undang ini diluluskan di dalam parlimen apa maknanya. Maknanya Kerajaan Pusat sendiri mengaku bahawa program penswastan industri perkhidmatan air ini telah gagal. Industri perkhidmatan air yang diswastakan di Negeri Selangor ini kepada syarikat SYABAS secara tidak langsung diakui oleh Kerajaan Pusat telah gagal, maka Kerajaan Persekutuan sendiri membawa satu Rang Undang-Undang di dalam Parlimen untuk meluluskan WSIA ataupun Akta 655 ini yang mengembalikan semula hak kepada Kerajaan Negeri sebagai peneraju utama dalam industri perkhidmatan air dan kita di Negeri Selangor saya percaya Kerajaan Negeri juga cukup komited untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air ini kerana apabila industri air ini diswastakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan pentadbiran yang lama, ia terlalu *fragmented* ataupun celaru dan tidak efisien dan tarifnya kita sedia maklum terlalu tinggi membebankan pengguna dan rakyat Negeri Selangor. Saya ingin memberi sedikit contoh, Kerajaan Pusat telah memberi kelulusan kepada

SYABAS untuk menaikkan tarif air kepada 37% dalam tahun 2009 diikuti dengan kenaikan tambahan sebanyak 25% pada tahun 2012. Sekiranya Pakatan Rakyat tidak diberikan amanah pada tahun 2008, tahun ini kadar tarif air di Negeri Selangor dinaikkan sebanyak 25% (tebuk meja) oleh kerajaan UMNO tetapi kalau kita lihat laungan mereka, di Batang Kali, di Permatang, hidup Melayu, rakyat didahulukan. Bagaimana mungkin rakyat Selangor boleh membayar satu tarif yang begitu tinggi pada tahun ini. Air di Negeri Selangor dinaikkan lagi pada tahun 2015 sebanyak 20% dan 10% pada tahun 2018. Ini bermakna pada tahun 2018 rakyat Negeri Selangor perlu membayar RM3.15 sen satu meter padu dan harga ini terus melonjak kepada RM3.83 sen pada tahun 2030. Lebih mahal daripada minyak. Puan Timbalan Speaker, lebih baik kita mandi minyak daripada kita mandi air supaya kita semua jadi orang minyak di Negeri Selangor ini. (tebuk meja). Namun atas semua penjimatan ini apabila Pakatan Rakyat diberikan amanah tahun 2008, Y.A.B. Dato' Menteri Besar meneliti perjanjian-perjanjian yang berat sebelah ini, yang lebih berpihak kepada kroni dan tidak berpihak kepada rakyat, maka Dato' Menteri Besar telah memutuskan air bersih di Negeri Selangor ini adalah hak rakyat dan bukan hak syarikat. Sebab itu beliau memberikan air percuma dan ia telah menjimatkan, yang ini juga harus dimaklumkan kepada rakyat Selangor. Jumlah penjimatan yang telah dapat kita selamatkan semenjak Pakatan Rakyat diberikan amanah pada tahun 2008, jumlah yang dapat kita selamatkan ialah berjumlah RM500 juta dan saya percaya dan saya yakin Kerajaan Negeri akan terus mempertahankan prinsip ini walaupun pimpinan UMNO Negeri Selangor telah mengumumkan sekiranya UMNO menang dalam pilihan raya, mereka akan teruskan program pemberian air percuma. Ini semua tidak masuk akal, dalam keadaan mereka menandatangani perjanjian dengan SYABAS dan syarikat-syarikat konsesi air, menetapkan tarif air yang tinggi, pada masa yang sama mereka menjanjikan untuk memberikan air percuma. Samalah ....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker. Nak minta penjelasan sedikit. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Bukit Antarabangsa, adakah logik kalau BN baru sekarang mereka janji kan, kalau dia menang dia tawarkan air percuma sedangkan sudah 50 lebih tahun mereka jadi kerajaan di Malaysia, sekarang baru dia nak tawarkan air percuma.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Rawang. Memang tak masuk akal sebab itu kita tak percaya. Sama juga berlaku di Batu Caves baru-baru ini bila Perdana Menteri sendiri turun ke Batu Caves sempena sambutan Hari Deepavali. Dia mengumumkan kepada masyarakat yang beragama hindu di Batu Caves, sekiranya BN dikembalikan kuasa di Negeri Selangor, dia nak batalkan projek pembinaan

kondominium 29 tingkat. Dia yang lulus, tahun 2007, minggu lepas dia pergi umum dia nak batal. Ini cerita apa. Kalau Presiden UMNO boleh memperbodohkan orang India, apatah lagi Ketua UMNO cawangan (tepuak meja). Jadi sebab rakyat Selangor, saya yakin mereka cukup matang untuk melihat pembohongan-pembohongan ini. Saya juga ingin menyentuh tentang bahawa satu perkara yang besar, yang baru kita, bahawa Selangor akan berlaku krisis air, ini perdebatan kami di dalam Parlimen ya. Apa yang menggembirakan ataupun mencelarukan keadaan ialah Timbalan Perdana Menteri, ha ni tadi Perdana Menteri, ni Timbalan pula, Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan bahawa krisis air di Negeri Selangor akan berlaku pada tahun 2014. Tetapi pada 30 Oktober 2012, Menteri dan Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa krisis air akan berlaku pada tahun 2017. Seolah-olah tarikh krisis ini dia disesuaikan dengan tarikh pembinaan Langat 2. Dia tengok bila Langat 2 itu siap, ha itulah tarikh krisis air. Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan terbuka krisis air Selangor berlaku pada tahun 2014 tetapi Menteri dan Timbalan Menteri menyatakan dalam Parlimen bahawa krisis air berlaku pada tahun 2017. Maka saya bertanya apakah ini cuba disesuaikan dengan tarikh pembinaan Langat 2 sebab Kementerian menyatakan mereka memerlukan 3 hingga 4 tahun untuk menyiapkan Langat 2, maka kalau dibina tahun depan 2013, siap 4 tahun 2017, itulah tarikh krisis air Selangor. Ini sekali membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan dan kementerian tidak ada satu data dan kajian yang menyeluruh tentang tahap keupayaan dan penggunaan air di Negeri Selangor tetapi mereka berbicara bagi pihak SYABAS, bagi pihak kroni mereka menjelang pilihan raya yang akan datang. Saya ingin berkongsi sedikit statistik yang dapat saya kutip dan teliti bagi perbincangan dan perbahasan kita di Dewan yang mulia ini. Di Selangor ini kita ada 34 loji rawatan air dan keupayaan pengeluarannya ya, maknanya kapasiti untuk kita keluarkan air di 34 loji rawatan ini adalah sebanyak 4832 juta liter sehari. Pengagihan air terawat kepada pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dikendalikan oleh SYABAS, iaitu keupayaan yang boleh diagihkan oleh SYABAS adalah sebanyak 4436 juta liter sehari. Purata permintaan air terawat oleh SYABAS adalah sebanyak 4384 juta liter sehari. Maka kalau kita bandingkan kapasiti pengagihan sistem SYABAS, kita masih ada *reserve* sebanyak 1.2%. Baik, Kementerian berhujah 1.2% adalah terlalu marginal. Namun jika kita bandingkan dengan potensi pengeluaran oleh 34 loji rawatan air, *reserve* bekalan air adalah sebanyak 10.2% iaitu 4382 juta liter sehari keupayaan pengeluaran. Ditolak dengan 4384 liter sehari iaitu permintaan, kita ada *reserve* sebanyak 10.2%.

Saya lulusan matematik. Saya kira semua. Jadi saya minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di dalam Parlimen, kalau ada percanggahan statistik, mari kita bincang. Oleh sebab, Kementerian mendakwa mereka ada angka yang berbeza, kita juga ada angka yang berbeza dan Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menulis surat kepada Timbalan Perdana Menteri tidak berjawab sehingga hari ini. Pada ketika itu, Menteri



mencadangkan kalau begitu, mari kita buat makmal. Jadi saya nak tanya apa pendirian Kerajaan Negeri tentang cadangan Kementerian untuk mengadakan makmal bagi membincangkan perkara ini. Bagi saya ini adalah satu taktik untuk melengahkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air dan saya berharap Kerajaan Negeri kena bertegas tentang perkara ini bahawa kita yakin tidak akan berlaku krisis air.

Cuma satu perkara yang sering dipadamkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kementerian ialah isu air tidak berhasil, ataupun *non-revenue water*. Untuk makluman dewan, saya melihat kepada perjanjian di antara, perjanjian konsesi ya, di antara Syabas dengan Kerajaan Pusat. Di mana salah satu obligasi mereka ialah untuk menurunkan NRW. Sekarang ini, jumlah penggunaan sebenar air di Negeri Selangor adalah sebanyak 2,957 juta liter sehari. Ini bermakna terdapat kadar air tidak berhasil ataupun NRW sebanyak 32.6%. Saya telah nyatakan tadi permintaan sebanyak 4,384 juta liter sehari tetapi penggunaan sebenar air hanya 2,957 juta liter sehari. Ada perbezaan di situ sebanyak 32% atau 1427 juta liter sehari. Maknanya, ARW ini, air tidak berhasil ini jumlahnya 1427 juta liter sehari. Sedangkan kapasiti pengeluaran untuk loji rawatan air di Langat, yang sedang digembar-gemburkan oleh Kerajaan Persekutuan dan UMNO mesti dilaksanakan segera. Mesti dibina segera. Kapasiti Langat 2 hanya 1,137 juta liter sehari. Sedangkan NRW, air yang bocor, paip air yang dicuri, yang tidak berhasil ini jumlahnya 1,427 juta liter sehari. Mengapa tidak tangani NRW terlebih dahulu tetapi asyik mendesak untuk pembinaan Langat 2? Tidak lain dan tidak bukan, mereka sudah kenal pasti kontrak ini akan diberikan kepada kroni-kroni UMNO menjelang pilihan raya. Walaupun Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan Kerajaan Persekutuan akan terus membuka tender terbuka untuk menganugerahkan projek ini, saya akan mempertahankan pendirian Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri, kita tidak akan membenarkan pembinaan Langat 2 dalam masa yang terdekat ini. Kerana kita yakin ia bukan penyelesaian yang terbaik.

Saya telah tegaskan NRW berjumlah 1427 juta liter. Langat, kapasiti Langat 2 hanya 1,100 maka kita ada NRW, isu yang perlu kita tangani dan kita juga ada *reserve* 10% tadi. Maka kalau kita boleh kurangkan NRW kepada 15% kita boleh selamatkan 20% ditambah dengan *reserve* tadi 10% maknanya kita ada lebihan 30% maka untuk masa ini tidak ada keperluan mendesak untuk..

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Loji rawatan air Langat 2.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Boleh saya celah sedikit. Saya nak tanya tadi di sesi pertanyaan bahawa Y.A.B. Dato' Menteri Besar dia kata dia tak ada masalah. Tak ada halangan. Mengapa sekarang daripada Ketua Parti Keadilan, kata ia tidak dibenarkan? Yang mana satu yang betul?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Dua-dua betul. Lain kali dengar betul-betul. Baru dapat maklumat betul. Saya telah nyatakan tadi. Kita tidak ada halangan dalam pembinaan Langat 2. Dan Menteri Besar sebut yang sama. Bukan kerana kita menolak projek Langat 2, saya ada dalam nota saya. Dan saya sebut di dalam Parlimen Kerajaan Negeri tidak menolak, malahan saya ingat keperluan untuk pembinaan Langat 2. Kita tidak menolak. Tetapi bukan pada hari ini. Bukan kerana ada krisis air esok ataupun 2014 ataupun 2017. Mungkin ada keperluan untuk pembinaan Langat 2 10 tahun yang akan datang ataupun 15 tahun yang akan datang. Tetapi jangan digunakan alasan Langat 2 itu untuk mendesak Kerajaan Negeri memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air. Bagi kita, penstrukturan semula industri perkhidmatan air mesti dimuktamadkan sekarang. Tetapi jangan dikaitkan dengan Langat 2 kerana tidak berlaku krisis air kalau kita memberikan fokus kepada isu besar iaitu isu NRW sekarang ini 32.6%. Dan kalau Yang Berhormat Kuala Kubu melihat perjanjian konsesi di antara kerajaan pusat dengan SYABAS, salah satu syaratnya ialah, SYABAS mesti menurunkan kadar NRW sehingga 15% menjelang tahun 2015. Itu di dalam perjanjian. Maka sekarang ini sudah 2012, NRW masih 32%. Kalau SYABAS ambil inisiatif untuk turunkan NRW kepada 15% maknanya kita sudah selamatkan air bersih 17% dan ditambah dengan ada *reserve* 10% di empangan, kita ada 27%. Di mana keperluan untuk membina Langat 2 pada hari ini? Kecuali ada alasan-alasan lain bagi kepentingan kroni.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Boleh?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Bukit Antarabangsa, ya, terima kasih. Saya ada dengar ucapan Bukit Antarabangsa mengenai isu air, bukan sidang yang lepas, mungkin 2 - 3 sidang yang lepas. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa ada pernah membuat kritikan kepada SYABAS. Saya masih ingat dan mungkin kita boleh semak di *hansard*. Yang Berhormat Bukit Antarabangsa pernah sebut kata SYABAS mendapat *soft loan* daripada Kerajaan Persekutuan lebih kurang kalau tak silap saya RM300 juta. Kerana SYABAS ada keperluan untuk menangani masalah NRW. Dan waktu itu Yang Berhormat Bukit Antarabangsa nyatakan bahawa inilah Kerajaan Persekutuan bagi kroni pinjaman *soft loan*. Sedangkan waktu yang sama hari ini, Bukit Antarabangsa memberikan beban itu kepada SYABAS. SYABAS hanyalah sebuah syarikat yang mengendalikan operasi air yang membeli dari Kerajaan Negeri dan mengedarkan. Yang bertanggungjawab sepatutnya untuk NRW ini ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Jadi Yang Berhormat nampaknya hari ini dok kritik SYABAS dulu waktu SYABAS mohon *loan* dan NRW sudah dijalankan beberapa tahun yang dahulu. Tahun 2005, 2006, 2007 SYABAS ada menjalankan kerja-kerja NRW. Tapi kenapa hari ini Yang Berhormat pusing pula cerita bahawa bila dapat *loan*, sebab SYABAS dapat *loan* daripada mana untuk kerja-kerja NRW.

Sepatutnya Kerajaan Negeri tampil sediakan dana dan dilaksanakan NRW ni kalau SYABAS jadi kontraktor, dia buatlah, kalau tak lantik orang lain untuk dia laksanakan kerja-kerja NRW. Sebab isu air ini bukan isu SYABAS, isu ini ialah isu Kerajaan Negeri. Menyediakan air terawat ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri termasuk air mentah. Cuba tengok, ini saya ingat, yang saya ingat Yang Berhormat pun *confused* dalam isu ini. Dan NRW bukan isu yang boleh diselesaikan dalam tempoh yang singkat, bukan dalam tempoh setahun. Yang Berhormat kena tahu, nak tukar paip air yang melalui jalan, melalui *highway*, *all the services* yang ada di bawah bukan perkara yang boleh diselesaikan dalam tempoh 5 bulan, 6 bulan, setahun. Dan kosnya terlalu besar. Dan juga terpaksa dapatkan kelulusan daripada PBT-PBT. Sebab kalau misal kata paip air yang sudah lama dah lebih dibina 20 tahun 30 tahun dahulu, pada masa itu tidak ada bangunan. Sekarang sudah ada bangunan. Dulu paip air yang menyalurkan air tidak ada *highway*, sekarang sudah ada *highway*, dan perkara itu memerlukan kos yang tinggi dan kenapa Syabas mesti dibebankan dengan isu ini. Sepatutnya isu NRW ialah isu kerajaan negeri yang mesti sama-sama dan menolong menyelesaikan masalah ini. Saya ingat Yang Berhormat kena tengok balik fakta itu.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dari tadi Permatang tak membaca perjanjian. Jadi saya dah baca. Perjanjian itu tidak menyebut tentang adanya duit atau tak adanya duit. SYABAS bertanggungjawab menyelesaikan masalah NRW. Kalau tak boleh, SYABAS serahkan balik perjanjian itu kepada Kerajaan Negeri. Itu, itu sebab Kerajaan Negeri sudah menulis surat kepada Syabas suruh memulangkan balik semua perjanjian itu kepada Kerajaan Negeri. Itu sudah ditulis. Jadi, jangan gunakan sebab itu. Jadi maknanya ini bukan. Kalau syarikat yang kita suruh tu, syarikat tak ada duit, tak ada kemampuan, itu salah negeri. Negeri yang salah. Kenapa negeri tak betulkan? Takkan Syabas nak kata saya tak ada duit? Kenapa kita perlu *supply* kalau kita tak ada duit? Dan jawapan saya, kalau dia tak ada duit, serahkan balik pada negeri supaya negeri cari duit. Jadi jangan nak tolong orang yang tak boleh buat kerja. Itu sebab Negeri Selangor ni selalu menolong orang, tetapi orang yang kita tolong tidak menolong rakyat Selangor. Itu jawabannya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Ijok yang membantu saya pada kali ini.

**Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sebab itulah jangan cuba nak ganggu betapa *solid* nya Bukit Antarabangsa dan Ijok. Saling bantu-membantu. Sebenarnya, sebelum Y.A.B. Dato' Menteri Besar memberikan penjelasan yang cukup jelas tadi, menegur Permatang untuk membaca perjanjian, saya dah sebut tadi. Oleh sebab saya

tahu Permatang tak membaca, saya peringatkan bahawa saya sebut kepada Permatang, saya sebut kepada Kuala Kubu Baru, bahawa di dalam perjanjian konsesi SYABAS dengan Kerajaan Pusat, menjadi obligasi SYABAS untuk menurunkan kadar NRW sehingga 15% menjelang tahun 2015. Itu dalam perjanjian penswastaaan. Oleh sebab Permatang tak baca, saya tolong bacakan dan ingatkan. Itu pun tak faham juga. Itu yang ljok mengamuk, masuk apa? Sebab, dahlah tak baca, dah beritahu tak faham pula. Tu yang..yang keduanya, pandangan Permatang tadi, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, tidak, sebab projek ini sudah diswastakan. Sebab itu Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menulis surat kepada Kerajaan Pusat mengatakan kalau SYABAS tak boleh menurunkan kadar NRW, tak boleh uruskan industri perkhidmatan air, pulangkan balik. Dan kita telah mendapat jawapan daripada kerajaan, daripada Kementerian, apabila kerajaan negeri memberikan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air yang sedia ada, kita ambil perhatian supaya kepentingan pengguna itu terjamin. Yang kedua, semua pihak tidak akan rugi termasuk syarikat konsesi. Dan Kementerian bersetuju di mana saya nak baca apa jawapan Kementerian. Kementerian amat peka kepada implikasi dan kesan pengambilalihan aset dan tanggungan pada harga yang tinggi dan tidak *cost effective*. Dia setuju, Kementerian setuju dengan Kerajaan Negeri, supaya syarikat konsesi ini jangan meletakkan harga yang terlalu tinggi. Ia akan menyebabkan kadar sewa pajak yang tinggi dan akhirnya akan turut dirasai oleh pengguna melalui kadar tarif air yang tinggi. Oleh yang demikian, Kementerian ini akan memastikan keadaan tersebut tidak berlaku semasa proses pengambilalihan aset dan tanggungan air terutamanya yang melibatkan syarikat konsesi air.

Tetapi sehingga ke hari ini kesemua 3 syarikat konsesi air berdegil kerana mahu menuntut pampasan yang di luar jangkauan kita termasuk isu paip dan isu aset-aset yang lain. Jadi, Permatang kena faham walaupun saya dah nyatakan tadi dan saya sudah jelaskan tadi, mengapa Kerajaan Persekutuan membawa satu akta baru di dalam Parlimen di dalam tahun 2005, tidak silap saya, untuk meluluskan akta industri perkhidmatan air ataupun WSIA ini ataupun disebut Akta 655 kerana Kerajaan Persekutuan tahu penswastaaan yang mereka lakukan sebelum ini telah gagal kerana *breach* kepada syarikat-syarikat untuk menjalankan industri air ini gagal maka WSIA ini dengan jelas memberi definisi tentang peranan Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Negeri berhak menerajui industri perkhidmatan air. Jadi jelas. Cuma persoalan kita mengapa Kerajaan Negeri Selangor sekarang dihukum tidak dapat menerajui industri air. Sedangkan Permatang, saya nak bongkarlah pada hari ini, bahawa, jemaah Menteri Kabinet yang bersidang pada 16 Januari 2008. Kabinet bersidang dan meluluskan bahawa kerajaan negeri Selangor dibenarkan menerajui industri perkhidmatan air. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air keluarkan surat bertarikh 11 Februari 2008 kepada Kerajaan Negeri Selangor. Dan merujuk keputusan Jemaah Menteri. Saya nak baca.

Kementerian Teknologi Tenaga Hijau dan Air, surat bertarikh 11 Februari 2008, telah memaklumkan Kerajaan Negeri Selangor bahawa melalui Mesyuarat Jemaah Menteri, pada 16 Januari 2008, telah menimbang dan memutuskan supaya Kerajaan Negeri Selangor diberikan hak untuk menyelenggara rawatan dan pembekalan air di negeri Selangor.

Yang kedua, Kerajaan Negeri Selangor, bekerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air dan pengurusan Aset Air Berhad dalam melaksanakan penstrukturan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor.

Itu pada 11 Februari 2008. sebulan selepas itu, kalah, terus Kementerian tidak mengambil tindakan seperti yang diluluskan. Bila saya tanya kepada Dato' Seri Peter Chin di dalam Parlimen, apa kata Dato' Seri Peter Chin. Dia jawab, saya ada *hansard* di sini, dia kata, saya tidak tahu, ketika itu saya belum menteri. Apa punya jawapan. Ini bukan soal kamu menteri atau kamu bukan menteri. Ini soal dasar, Kerajaan Persekutuan. Keputusan Jemaah Menteri Kabinet. Apakah sebagai menteri, kamu tak boleh merujuk keputusan yang telah diputuskan. Mengapa Negeri Perak diberikan, Melaka diberikan, Negeri Sembilan diberikan, mengapa Selangor di anak tirikan. Sedangkan Jemaah Menteri Kabinet telah meluluskan pada 16 Januari 2008. Tapi sebulan selepas itu, bila UMNO kalah, tewas, rakyat Selangor di hukum, dengan satu hukuman yang tidak adil dan saya berharap rakyat Selangor akan terus mempertahankan Kerajaan Pakatan Rakyat bukan sahaja di Selangor tetapi di Putrajaya, Insya-Allah. (Tepuk) Supaya kita boleh selesaikan masalah air ini dengan lebih cekap.

Saya nak teruskan perbincangan tentang isu perumahan, kerana banyak teguran yang dibuat oleh pihak-pihak yang tak bertanggungjawab kononnya, khususnya PKNS menjadi serangan. Bukit Botak pun, PKNS jadi mangsa. Baru-baru ini PKNS menjadi mangsa kononnya kita nak jual aset kepada orang bukan Melayu. Dakwaan ini dibuat oleh Menteri. Dakwaan ini dibuat oleh seorang Menteri Kabinet. Namanya Dato' Seri Noh Omar (TEPUK). Saya percaya kita kenal Dato' Seri Noh Omar, sahabat karib kepada Sekinchan. Dia membuat dakwaan bahawa anak syarikat PKNS, iaitu Worldwide Holdings Berhad, yang dikatakan merancang untuk menjual sebahagian pegangan sahamnya bernilai RM150,000,000.00 kepada syarikat Bumiputera. Ini satu dakwaan yang tidak berasas dan fitnah. Sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS, saya tidak pernah dirujuk ataupun berbincang ada cadangan untuk menjual aset kepada bukan Bumiputera.

Untuk makluman Dewan, PKNS sekarang ini bukan PKNS 20 tahun dulu yang dipimpin oleh UMNO dan Barisan Nasional. Semasa zaman Jahiliyah, PKNS sekarang ini, sudah berusia 48 tahun. Dan untuk makluman Dewan, PKNS mempunyai nilai semasa berjumlah RM4.5 bilion, dengan lima aktiviti teras utama, iaitu pembangunan tanah,

pelaburan hartanah ataupun *real estate, hospitality and leisure*, perkhidmatan pengurusan alam sekitar, pegangan pelaburan termasuk penjana kuasa bebas IPP dan lebuhraya. So, kita ada lima teras, dan kita ada nilai semasa kita sekarang ini RM4.5 bilion. Sudah tentu dia menuntut kepada pengurusan yang lebih progresif tidak menggunakan mekanisme cara lama. Kita menggunakan pemikiran-pemikiran baru, bagaimana kita nak pastikan jumlah aset yang sebegini besar dapat diuruskan dengan lebih bertanggungjawab bagi menjana kepentingan bumiputera di Selangor. Saya beri contoh, dan nak menegaskan bahawa kita tak ada rancangan nak menjual, kononnya Worldwide Holdings Berhad kepada mana pihak. Dan saya nak tegaskan sekali lagi Worldwide Holdings Berhad ini masih kekal milik penuh PKNS. Dan saya harap rakan-rakan dapat memberikan penjelasan. Apa yang kita nak buat sekarang ialah ini satu usaha ataupun inisiatif korporat yang sedang dilaksanakan dengan menubuhkan syarikat milik penuh PKNS, masih milik penuh PKNS. Namanya PKNS Private Real Estate Company Sendirian Berhad. Pemiliknya seratus peratus PKNS. Tak sapa pun yang boleh memiliki PKNS Private Real Estate Company ini. Dia milik penuh PKNS, dan apa yang kita buat sekarang ialah supaya lima aktiviti teras tadi dapat kita fokuskan supaya dalam usahanya dalam bidang pelaburan dan pengurusan hartanah, ia dari segi pengurusannya, dari segi *efficient*, kecekapannya, dapat lebih terjamin dan saya percaya ia dapat melonjakkan lagi *yield* atau pendapatan bagi PKNS. Dan saya juga nak bagi tahu wakil-wakil Noh Omar di sini, tolong fikir. Nak tubuhkan anak syarikat Private Real Estate Company ini, dan kita nak pindah milik aset ini, dia perlu dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri. PKNS tak boleh buat sewenang-wenangnya. Sebagai sebuah perbadanan, kami terikat dengan beberapa akta yang memerlukan kelulusan daripada Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan. Dan dalam usaha ini saya nak nyatakan di sini, Kementerian Kewangan telah pun memberi kelulusan bertulis pada 12 September 2012. Jadi jangan serang PKNS. Jangan buat dakwaan bahawa kami ini nak jual aset kepada bukan bumiputera. Ini semua nak main sentimen Melayu menjelang pilihan raya akan datang. Satu tuduhan fitnah yang cukup memualkan. Dan saya berharap Kerajaan Negeri dalam penggulungan kena lebih tegas lagi, apakah peranan PKNS hari ini. Sewajarnya mengambil pendekatan yang lebih progresif kerana cabaran-cabaran hari ini. PKNS hari ini bukan macam PKNS dulu, dapat tanah percuma, premium tak perlu bayar. Begitu juga dengan syarikat-syarikat TALAM yang lain. Dapat tanah, premium tak bayar. Kita dapat sekangkang kera kena bayar premium. Tak bayar premium kena rampas. Tapi kalau tauke tak perlu bayar premium. Di mana keadilan dalam pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Jangan bicara soal keadilan dan pengagihan tanah, kalau kamu sendiri tidak adil kepada rakyat negeri Selangor ketika diberikan amanah. (Tepuk)

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa, Batu Caves ingin mencelah.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Belakang. Terima kasih. Saya kira dalam Dewan yang lalu kita telah membangkitkan beberapa isu berkenaan pengurusan PKNS. Dan salah satu contoh peningkatan yang dibuat ialah mengurus tadbir dan tidak lagi PKNS dipaksa untuk membeli tanah-tanah daripada syarikat-syarikat untuk memberi keuntungan sebagaimana yang telah dinikmati oleh Nikmat Inai Sendirian Berhad, yang mana 30 peratus daripada sahamnya dimiliki oleh Ketua Pembangkang sendiri pada masa itu. Jadi adakah urus niaga itu ada lagi pada masa ini dan apa komen Ketua BBC ataupun Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dalam isu yang saya bangkitkan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves. Saya bersetuju bahawa PKNS hari ini tidak seperti PKNS 10 tahun dulu ataupun 20 tahun dulu. Dulu PKNS dapat tanah sewenang-wenangnya, untuk dibangunkan, tetapi mereka mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat kroni UMNO. Akhirnya projek terbengkalai ataupun pulangan kepada Kerajaan Negeri tidak setimpal dengan jumlah tanah yang di anugerahkan. Hari ini, untuk makluman Yang Berhormat Permatang sebagai wakil kepada Noh Omar, tolong bagi tahu PKNS tidak dapat lagi tanah-tanah percuma daripada Kerajaan Negeri. Arahan Kerajaan Negeri hari ini, PKNS perlu bersaing dengan pemaju-pemaju yang lain. Kita kena bayar harga premium, seperti juga pihak-pihak yang lain. Kerana PKNS hari ini dididik untuk maju ke hadapan bukan dengan sogokan dan bantuan mudah begitu tetapi dengan keupayaan, kapasiti untuk bersaing bukan saja pemaju di Negeri Selangor tetapi kami hari ini di cabar untuk juga bersaing dengan negara-negara luar. Kita nak menjadikan PKNS ini sebagai pemaju hartanah yang terbilang bukan saja di negeri Selangor tetapi di rantau ini. Ini yang sedang kita lakukan. Sebab itu pemikiran kita pendekatan kita, sudah tentulah berbeza dengan 10, 20 tahun yang lalu, dan ini cabaran yang kita buat, laksanakan. Tetapi saya memberi jaminan kita tidak akan korbakan kepentingan Melayu dan bumiputera di dalam Negeri Selangor. Saya, ya, Paya Jaras.

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Terima kasih, Bukit Antarabangsa. Saya difahamkan oleh mengikut kata-kata Pengurus Perhubungan Awam PKNS, mengatakan bahawa *restructuring*, apa-apa yang dilakukan ini, aset PKNS ditubuhkan satu syarikat. Cuma saya ingin bertanya di sini syarikat yang dikendalikan anak syarikat tersebut, anak syarikat PKNS tersebut di mana difahamkan pengarahnya, pengarah asal telah bertukar kepada pengarah yang baru. Cuma saya ingin bertanya, bahawa adakah saham-saham dalam syarikat tersebut masih dimiliki oleh bukan bumiputera, syarikat yang dinamakan tersebut seperti yang dinyatakan oleh Pengurus Perhubungan Awam PKNS.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras, yang membangkitkan soal apabila syarikat itu diambil alih, pengarah-pengarah itu akan kekal, tidak. Untuk makluman Yang Berhormat Paya Jaras, proses pertukaran nama

pengarah serta pemegang saham ini sedang diuruskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ataupun SSM dan juga Setiausaha Syarikat yang mengambil sedikit masa untuk ditukarkan dan dipindahkan pemilik sahamnya dan pengarahnya kepada PKNS. Saya dah beri jaminan awal bahawa PKNS Private Real Estate Company Sendirian Berhad ini, akan dimiliki sepenuhnya oleh PKNS. Bukan individu apatah lagi bukan bumiputera. Cuma *shell company* yang kita ambil alih ini, sudah tentulah kita sedia maklum proses pertukaran nama pengarah dan pemilik saham yang akan diuruskan oleh Setiausaha Syarikat, mengambil sedikit masa tetapi akhirnya ianya akan merujuk kepada prinsip yang saya nyatakan dengan tegas tadi bahawa PKNS menjadi pemilik penuh kepada PREC ini. Saya juga nak menyentuh tentang kononnya kita korbankan kepentingan bumiputera, PKNS sekarang ini tidak lagi menjaga kepentingan bumiputera. Saya nak memberi sedikit statistik, beberapa aset PKNS yang kita ada sekarang. Wisma Yakin, ada lot perniagaan 35, 30 disewa kepada bumiputera, lot pejabat daripada 42, 29 unit ataupun 69 peratus disewa kepada bumiputera. Kompleks PKNS Kuala Selangor, lot perniagaan ada 31 unit, 27 disewa oleh bumiputera. Lot pejabat ada 18 unit, 18 unit disewa oleh bumiputera. Kompleks PKNS Shah Alam, lot perniagaan ada 271 unit, maaf, 317 unit, sebanyak 271 unit disewa kepada bumiputera, 86 peratus. Begitu juga Kompleks PKNS Bangi, ada 81 lot perniagaan, 77 unit ataupun 95 peratus disewa kepada bumiputera. Jadi saya berharap, dalam keghairahan Noh Omar nak jadi Menteri Besar, jangan tukar, tipu fakta dan membuat dakwaan seperti ini. Saya tahu, saya kira Permatang lebih layak dan Tanjung Sepat lebih layak. Jadi saya harap perkara ini dapat kita...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, jam di dinding sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Jadi perbahasan akan disambung semula pada jam 2.30 tengah hari. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**



**(Dewan disambung semula)**

**(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Perbahasan disambung semula. Silakan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker. Saya ingin merumuskan perbahasan pada petang ini berhubung .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan, minta penjelasan tadi.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sekejap bagi saya .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oh ok, ok.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Berhubung dakwaan dan tuduhan Noh Omar dan hulubalang-hulubalang UMNO terhadap PKNS yang saya kira melampau dan keterlaluan dan saya berani menyatakan bahawa ini adalah serangan untuk memancing undi orang-orang Melayu menjelang pilihan raya yang akan datang. Saya telah tegaskan tentang cadangan PKNS untuk menubuhkan *Private Real Estate Company* ini yang mempunyai matlamat yang cukup jelas bagi PKNS menguruskan aset-aset komersialnya supaya tertumpu kepada satu entiti yang bertanggungjawab dalam memastikan aset komersial yang dimiliki oleh PKNS ini berdaya saing untuk faedah penyewa dan juga rakyat keseluruhannya. Saya juga telah nyatakan bahawa pada masa ini nilai semasa aset PKNS bukan satu jumlah yang kecil. Ianya telah mencecah RM4.5 bilion. Sudah tentulah ianya memerlukan satu pengurusan yang cekap, yang amanah, yang bertanggungjawab, yang akan memberikan pulangan kepada penyewa dan juga rakyat negeri Selangor. Sudah tentulah dengan penubuhan *PREC* ini, antara tujuannya adalah untuk kita membaik pulih dan menaik taraf aset-aset yang dimiliki oleh PKNS dan dengan kerja-kerja pembaikan, kemudahan asas di dalam aset yang dimiliki oleh PKNS ini, ianya dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung dan sekali gus memberikan pulangan yang baik kepada penyewa dan juga penjual yang menyewa di premis-premis milik PKNS.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Timbalan Speaker, minta mencelah sedikit.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat Bukit Antarabangsa sebentar tadi telah berhujah dengan panjang lebar mengenai dengan niat jahat, serangan jahat daripada

UMNO khususnya Menteri Pertanian, samseng Noh Omar di mana beliau telah mengeluarkan hujah menyerang PKNS. Apa pandangan Yang Berhormat, sepatutnya sebagai seorang Menteri daripada Selangor, Menteri Pertanian, beliau sepatutnya memberi hujah-hujah, memberi pandangan, idea yang bernas kepada PKNS untuk membantu memajukan PKNS bukan mengeluarkan fakta-fakta yang tidak berasas. Bukan fakta, auta, ya auta untuk menyerang PKNS, fitnah-fitnah kononnya menjual aset kepada bukan Melayu. Saya ni bukan Melayu, saya terasa. Jadi saya nak tanya ya, sebagai Menteri sedemikian, belum cukup juga dengan serangan seperti ini. Beliau juga gagal menyelesaikan isu skandal berkaitan dengan benih padi yang sah di mana RM168.4 juta benih padi dibolot oleh kroni Melayu yang kaya. Melayu yang kaya, benih padi agih kepada mereka. Pada masa yang sama, skandal juga berlaku di bawah Kementerian beliau. Skandal tentang monopoli sarang burung walit.....

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Speaker?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Industri sarang burung walit menyebabkan sekarang penternak burung walit dalam keadaan susah dan Menteri sedemikian termasuk juga dalam soal tanah, tanah ternakan udang. Jadi Menteri Pertanian tak jadi, jadi Menteri Udang. Macam-macam lagilah. Menteri ini memang cukup tertarik dengan berbagai skandal, maka dengan itu adakah wajar Menteri samseng ini, Noh Omar sepatutnya diminta letak jawatan?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Sekinchan. Saya kira kalau inilah berlaku di negara-negara maju termasuk Korea Selatan, Taiwan, Jepun, dah lama dah dia letak jawatan kerana mengambil tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Namun kuasa di dalam sistem demokrasi ini ada di tangan rakyat. Kalau dia tak mahu letak jawatan, kita letakkan dia dalam pilihan raya yang akan datang.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya juga ingin membuktikan bahawa peranan PKNS dalam membantu sosioekonomi bumiputera di negeri Selangor ini. Mulai Mac 2008 sehingga Jun 2012, saya tidak bicara sebelum 2008. Kalau dakwaan dan tuduhannya semenjak Pakatan Rakyat mengambil alih, peranan PKNS itu juga telah beralih tidak lagi menumpukan kepada dukungan dan program sosioekonomi, ini juga satu tuduhan yang jahat dan tidak berasas. Semenjak Mac 2008 sehingga Jun 2012, PKNS telah pun menganjurkan 13 program dalam usaha untuk membantu sosioekonomi bumiputera yang melibatkan 15,306 bumiputera sama ada secara individu atau pun syarikat. Ianya mewakili 86% daripada program yang kita laksanakan. Ini termasuk, sebagai contoh kontraktor, juru perunding, peguam, *vendor*, peserta akademi dan juga satu lagi contoh yang wajar kita kongsi dalam Dewan ini. Dalam tempoh yang sama, bilangan unit rumah dan kedai yang telah dijual oleh PKNS

lebih 5,000 unit. Daripada jumlah ini 4,261 atau pun 80% dijual kepada golongan bumiputera di negeri Selangor. Jadi tidak timbul persoalan bahawa PKNS hari ini tidak lagi memberikan tumpuan kepada usaha untuk membantu sosioekonomi bumiputera dan saya berharap rakan-rakan, ahli-ahli Yang Berhormat daripada UMNO dan Barisan Nasional supaya hentikan fitnah ini dan marilah kita sama-sama menumpukan usaha untuk melakukan perubahan yang lebih besar demi rakyat di negeri Selangor.

Saya juga nak merujuk, Puan Timbalan Speaker. Ini jawapan rasmi yang saya terima daripada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia yang dihantar kepada saya ditandatangani oleh Dato' Seri Peter Chin Fah Kui bertarikh 2 November 2012. Antara lain yang dibangkitkan dalam surat rasmi daripada Kementerian ini ialah saya nak bacakan di sini. Kementerian menuduh bahawa Kerajaan Negeri Selangor akhirnya mengakui bahawa adanya krisis air di negeri Selangor apabila Kerajaan Negeri bersetuju dalam program mitigasi 1 dan 2. Ini saya harap Kerajaan Negeri dapat memberikan jawapan yang cukup tegas dalam Dewan ini. Sekali lagi Menteri boleh berbohong dan *mislead* Dewan Rakyat dan hari ini saya bangkitkan di Dewan Undangan Negeri. Saya baca apa yang disebut dalam Dewan Rakyat. Ini oleh Menteri sendiri, *the very fact*, dengan izin Puan Pengerusi. *The very fact that you have agreed to the mitigasi 1 and 2*, ini maksudnya *you* setuju kita masih tidak cukup air. Ini jawapan Menteri. Saya bangun untuk memberikan hujah dan meminta penjelasan. Apa yang berlaku sebenarnya dan mungkin Y.A.B. Dato' Menteri Besar boleh memberikan penjelasan yang lebih terperinci. Apa yang berlaku ialah di negeri Selangor ini permintaan di sebelah utara itu tidak sebanyak jika dibandingkan dengan pengeluaran air yang dirawat. Maka berlakulah program mitigasi ini untuk mengalihkan air daripada utara ke selatan negeri Selangor. Saya juga menyatakan di sini bahawa program mitigasi ini untuk kita *balance* kan di antara pengeluaran dan permintaan. Bukan kerana kita mengaku ada kekurangan air mentah atau pun air dirawat di negeri Selangor. Saya telah menjelaskan dalam Dewan Rakyat sebab Kementerian mendakwa program mitigasi ini menelan kos yang besar RM606 juta. Namun, program mitigasi ini bertujuan untuk menambah air atas Selangor, ini dakwaan Menteri tidak cukup air. Tetapi kita kena jelas di sini, dalam Dewan ini bahawa program mitigasi ini merupakan *intmstate*, daripada Selangor ke Selangor. Kalau dakwaannya Selangor tidak cukup air, maknanya air perlu dibawa daripada negeri Pahang atau pun luar negeri Selangor. Tetapi kalau air itu dibawa dalam negeri Selangor daripada utara ke selatan atau pun *intra state*, di mana timbul dakwaan air tidak cukup. Apa yang saya tegas tadi, pengeluaran air di utara Selangor itu lebih tinggi daripada permintaan. Tetapi di selatan Selangor, pengeluarannya kurang daripada permintaan. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk seimbangkan pengeluaran dan juga permintaan, maka lebihan air di utara itu dibawa ke selatan negeri Selangor. Tetapi Menteri sanggup membuat kenyataan dalam Parlimen bahawa ini membuktikan kekurangan air.

Tidak logik, kalau tak cukup air kita bawa daripada Pahang. Tetapi air kita bawa Selangor ke Selangor, utara ke selatan. Atau pun *intrastate*. Jadi saya harap Dato' Menteri Besar dapat mengupas perkara ini dan buat *rebatlle statement* terhadap Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia yang menjadi jurucakap kepada SYABAS bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional.

Akhirnya, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang perumahan yang menjadi isu besar hari ini kerana bila saya membaca ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Dia meluluskan dengan menggunakan rizab negeri untuk tahun 2013 untuk Klang, Kerajaan Negeri bagi RM300 juta bina jambatan ketiga Klang. Tapi untuk rumah mampu milik RM50 juta. Jadi saya minta tinggikanlah, kalau boleh naikkan ke RM100 juta sekurang-kurangnya untuk perumahan mampu milik sebab jambatan di Klang ini Kerajaan Negeri akan dapat balik. Mungkin bulan depan atau pun awal tahun depan apabila Pakatan Rakyat sampai Putrajaya.....

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, minta, minta laluan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya akan, nanti dulu, belum lagi, sekejap, sekejap. Saya habiskan ayat dulu. Takut dengar kita pergi Putrajaya. Insha-Allah dalam masa terdekat ini kita akan luluskan, bayar balik. Kalau Kerajaan Negeri belanja RM300 juta, kita bagi balik RM300 juta. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan usaha yang lebih agresif untuk membina rumah mampu milik bagi rakyat di negeri Selangor. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik. Silakan Taman Templer.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa. Nampaknya kali pertamalah dalam lima (5) tahun saya menjadi ahli Dewan Negeri ini, pandangan yang begitu bernas kerana adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar ini bajet yang langsung tidak mengambil kira kesusahan tentang kesusahan rakyat di luar yang tak mampu membeli rumah mampu milik dan dia lebih pentingkan kepada kawasan-kawasan tertentu di mana ada kroninya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Taman Templer, Taman Templer, memang benar Y.A.B. Ijok ada kroni. Kroni beliau adalah rakyat negeri Selangor. Dia akan bantu semua rakyat. Jambatan di Klang tidak memberi manfaat kepada isteri Dato' Menteri Besar atau pun anak Menteri Besar. Dia memberi manfaat kepada seluruh rakyat di kawasan Klang. Cuma saya minta tambahan. Bukan Dato' Menteri

Besar tak peduli langsung masalah perumahan. Ada, saya minta tambah. Yang kurang kita tambahkan, itu sahaja. Jangan, jangan marah. Taman Templer takkan berjaya dalam usaha untuk memecahkan keutuhan Bukit Antarabangsa dan Ijok. Y.B. Perumahan merupakan satu keperluan asas dan sebenarnya perumahan ini juga adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri sekadar menyediakan tapak...

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya nak tanya balik Y.B. Bukit Antarabangsa adakah Y.B. bersetuju dengan pandangan saya bahawasanya Y.B. akan menjadi Menteri Besar lebih baik daripada Y.B. yang ada sekarang.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tidak boleh *provoke* saya. Saya nak mengisytiharkan di dalam Dewan Negeri bertarih 21 November 2012 di depan Y.B. Timbalan Puan Pengerusi tepat jam 2.47 petang saya menyatakan kesetiaan saya tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Y.A.B. Menteri Besar.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Bukit Antarabangsa, teruskan perbahasan. Y.B. minta bertenang ya.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Perumahan satu keperluan asas...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Y.B. kita masih dalam sesi perbahasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sesi belanjawan ini ya, perumahan merupakan satu keperluan asas dan ianya menjadi tanggungjawab semua khususnya Kerajaan Persekutuan. Namun sekali lagi semenjak tahun 2008 tanggungjawab ini telah dikhianati oleh Kerajaan Persekutuan oleh sebab rakyat Selangor menolak UMNO dan Barisan Nasional dan sekarang Kerajaan Negeri terpaksa menampung 1 kos yang begitu besar bagi membina perumahan-perumahan rakyat di negeri Selangor sekali lagi ada tuduhan untuk PKNS termasuk daripada Taman Templer kononnya membebankan rakyat, tidak fikir masalah rakyat dan beliau membangkitkan sekali lagi pembangunan di Bukit Botak. Apakah Taman Templer lupa bahawa masalah Bukit Botak ini bukan masalah dalam tempoh 4 tahun ianya sudah berlanjutan lebih 20 tahun. Kami baru diberi amanah 4 tahun, tapi dalam tempoh 2 tahun Dato' Menteri Besar berjaya menyelesaikan masalah perumahan di Bukit Botak. Baik, saya nak bagi fakta, tidak mahu beremosi pada petang ini ya. Bukit Botak ini dia melibatkan kawasan 200 ekar...

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Bagi saya lagi sedikit latar belakang Bukit Botak ya, dan dia melibatkan pembinaan sebanyak 1,422 unit rumah berkembar 1 tingkat. Pada asalnya Kerajaan UMNO yang bertemakan rakyat didahulukan, janji ditepati, hidup Melayu, hidup ketuanan Melayu menyerahkan projek 200 ekar ini kepada Delpuri Sdn. Bhd. pada tahun 1985. Siapa pemegang Delpuri ini, Anwardi Jamil (8%), Ciptaan Antero Sdn. Bhd. (62%), Ahmad Nasarudin bin Othman (14%), Ler Cheng Koy (16%) hidup Melayu. Siapa pengarah Delpuri Sdn. Bhd., Anwardi Jamil, Haji Sabihin Radiman (bekas Pegawai Daerah Hulu Selangor), Ahmad Nasarudin bin Othman, Ler Cheng Koy. Siapa pula pemegang saham dalam Ciptaan Antero ini dia ada dalam Delpuri 62%, siapa pemegang saham Antero, ni kena tahu Lim Beng Huat, Azman bin Awang. Siapa pengarah Ciptaan Antero, Datuk Idris Hashim (Ketua UMNO Bahagian Teluk Intan). Itu yang rosak projek itu, UMNO ini makhluk perosak disentuh rosaklah tu. Di mana ada UMNO di situlah ada kerosakan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Inilah, dengar fakta jangan meneruskan maki hamun cerita fitnah. Saya kalau boleh saya buat siasatan dan semakan dengan fakta saya percaya Taman Templer juga sebagai kawasan yang saudara wakili boleh kemukakan fakta seperti ini. Baik, apabila projek ini gagal..

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Speaker, Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Saya nak habiskan ya, pada tahun 2005...

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Pengarah. Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Taman Templer.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih. Puan Timbalan Speaker, saya nak bertanya kepada Bukit Antarabangsa sebagai seorang yang saya kiralah yang layak menjadi Menteri Besar sepatutnya beliau sendiri tahu tak salah kalau dia seseorang itu menjadi Ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat dia tidak boleh memegang jawatan dalam mana-mana syarikat kalau sekiranya Menteri atau Timbalan Menteri maka tak bolehlah melepaskan jawatan. Tetapi, kalau sekiranya sebagai seorang korporat seorang politik tak salah dari segi undang-undang untuk memegang jawatan

dalam mana-mana syarikat kalau beliau memang berniaga secara ikhlas maka tidak ada salah langsung kalau arwah Dato' Idris ke sapa pegang, saya rasa tak ada masalah.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ya, tak apa sebab kita dah menuntut kemerdekaan, curi tanah pun tak apa. Rompak tanah pun tak apa, bukan soal dia jadi Pengarah boleh atau tak boleh, soalnya mengapa projek ini terbengkalai sekian lama tidak dipedulikan oleh pemegang saham, tidak dipedulikan oleh syarikat, tidak dipedulikan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. 20 tahun, bukan 2 tahun. Itu persoalannya, saya tidak mempertikaikan tentang Dato' Idris Hashim ataupun pemimpin UMNO yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah tetapi mengapa tidak digunakan kuasa sebagai Lembaga Pengarah dan kuasa sebagai Kerajaan Negeri untuk membela lebih 1600 keluarga Melayu di Bukit Botak. Sehingga, Kerajaan Pakatan Rakyat diberikan amanah. 1 lagi fakta saya nak sampaikan di sini, tahun 2005 Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional mengarahkan PKNS untuk terlibat dan menyelamatkan projek terbengkalai ini dan membina rumah berkembar 1 tingkat dengan harga jualan seperti berikut, bukan semuanya RM42,000.00 seperti yang didakwa oleh Taman Templer semalam ya, yang berharga RM42,000.00 yang jenis A hanya 70%, dia ada jenis B dan jenis C, mencecah harga RM79,000.00 pada ketika itu. Baik, PKNS terpaksa menanggung subsidi sebanyak RM140 juta. Kalau nak melaksanakan arahan Menteri Besar UMNO ketika itu PKNS yang sepatutnya menjadi satu institusi bagi membela keseluruhan masyarakat dan rakyat Selangor, kerugian RM140 juta sudah tentulah PKNS tidak mampu menanggung beban yang sebegitu besar. Maka bila Dato' Menteri Besar Pakatan Rakyat diberikan amanah, beliau bersetuju tidak mungkin PKNS dapat meneruskan projek terbengkalai ini sekiranya terpaksa menanggung jumlah subsidi yang terlalu besar. Maka bila kita lihat nilai semasa hartanah di kawasan Bukit Botak dan kawasan sekitarnya kita merasakan nilai rumah siap pada harga RM250,000.00 itu amat bersesuaian dan berpatutan jika kita jualkan pada harga RM99,000.00 seunit dan sebenarnya kita *enhance the value of the property*. Kalau saudara beli RM42,000.00 nilainya RM42,000.00, *you* tidak menaikkan nilai *property* tersebut tetapi yang kita cadangkan pada harga RM99,000.00 kita *enhance value* setiap unit rumah sekarang ini harga pasaran RM250,000.00 malahan kita buat tawaran kalau ada pihak yang tidak mahu terima harga tersebut kita tawarkan memberikan pampasan harga tanah mengikut kadar RM32.00 sekaki persegi untuk keluasan 2200 kaki persegi kita bayar RM70,000.00 kepada pemilik tersebut. Malahan sekarang saya dimaklumkan tidak ada pihak yang mahu menyerahkan kepada PKNS kerana dia tahu walaupun dia membeli pada harga RM99,000.00 mereka boleh menjual rumah tersebut pada harga RM250,000.00 kerana kejayaan Pakatan Rakyat untuk menaikkan nilai pasaran dan hartanah di sekitar kawasan tersebut malahan dengan, saya nak habiskan dengan skim baru ini PKNS tidak menanggung kerugian RM140 juta. PKNS hanya mengeluarkan

subsidi RM80 juta sahaja dan kita dapat membina rumah daripada 1367 unit kepada 1422 unit di Bukit Botak dan saya sebut tadi nilai rumah siap pada harga RM250,000.00 ini penduduk mendapat peningkatan nilai ataupun *enhance the value* sebanyak 152% daripada harga belian RM99,000.00. Pasti ini program yang dapat mengangkat kuasa ekonomi orang Melayu, bumiputera dan masyarakat di kawasan sekitar dan inilah sebenarnya yang dilakukan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan sukacita saya memaklumkan bagi pihak PKNS kemajuan fizikal di tapak kini 97% yang terbengkalai 20 tahun ini, bulan Disember ini insya-Allah kita siapkan projek ini dan CF bolehlah diperolehi pada awal tahun depan insya-Allah. Jadi ini satu kejayaan yang harus kita bersyukur dan berterima kasih, namun saya berharap program-program seperti ini dapat diteruskan kerana kalau saya lihat statistik ya, projek-projek rumah mampu milik daripada tahun 2008 hingga 2012 yang di bawah penguasaan PKNS kita telah membina dan sedang membina 2,761 unit rumah dan subsidi yang terpaksa kita tanggung ialah RM134 juta untuk perancangan sehingga 2018, 5 tahun yang akan datang mulai 2013 sehingga 2018, Insya-Allah PKNS akan membina rumah mampu milik sejumlah 9,241 unit dan melibatkan subsidi sebanyak RM924 juta. Maka subsidi yang terpaksa ditanggung oleh PKNS mencecah RM1 bilion untuk membina sejumlah lebih kurang 11,000 unit rumah kos mampu milik bagi rakyat negeri Selangor. Oleh itu, saya ingin mencadangkan dan memohon pertimbangan Kerajaan Negeri supaya kita dapat melihat konsep baru rumah mampu milik ini yang bukan hanya mementingkan *hardware* dari segi bangunan, tetapi juga *software* itu manfaat dan kemudahan kepada pemilik dan juga penghuni seperti dewan, pusat tuisyen, tadika, keperluan orang kurang upaya, warga emas ini harus kita berikan perhatian dan sebagai contoh di Bangi, PKNS telah dan hampir siap membina 124 unit dengan keluasan sehingga 800 kaki persegi dan dijual dengan harga RM60,000.00 sehingga RM99,000.00, walaupun kos untuk membinanya setiap unit itu RM180,000.00. Maka Kerajaan Negeri perlu meneliti perkara ini bagaimana kita dapat mengurangkan kos pembangunan sekali gus kita dapat menjual rumah mampu milik ini pada harga yang lebih berpatutan. Berbanding dengan Kerajaan Persekutuan ya mereka juga meniru konsep pembinaan rumah mampu milik yang dipimpin oleh Kerajaan Negeri Selangor. Tetapi rumah mampu milik yang dipelopori oleh Kerajaan Persekutuan diserahkan kepada PRIMA nilainya RM400,000.00 sebuah dan untuk membeli rumah RM400,000.00 kita seseorang pembeli perlu mempunyai pendapatan sebanyak RM6,150.00 sebulan. Berdasarkan pinjaman dengan bayaran balik dalam tempoh 30 tahun. Suka saya berkongsi di sini purata pendapatan isi rumah di Malaysia berdasarkan bancian pada tahun 2009, purata di peringkat negara Malaysia, pendapatan isi rumah baru RM4,025.00, kalau di Selangor RM5,962.00, di Kuala Lumpur RM5,488.00. Jadi kita tidak memenuhi syarat untuk mendapat pinjaman di bank yang memerlukan sekurang-kurangnya RM6,150.00 sebulan untuk tempoh 3 bulan bagi membeli sebuah rumah yang berharga RM400,000.00. Maka, sekali lagi dasar ini pastinya akan gagal. Tidak akan memenuhi



keperluan yang kita sasarkan iaitu memberi peluang kepada mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah untuk memiliki rumah mampu milik.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Mohon minta penjelasan boleh? Terima kasih Bukit Antarabangsa, Puan Timbalan Speaker. Penjelasan mengenai rumah mampu milik kerajaan persekutuan. Bukan semuanya bernilai RM400,000.00 Bukit Antarabangsa. Di bawah RM400,000.00. Ada yang RM100,000.00 ke bawah, RM200,000.00 ke bawah dan ada yang di bawah RM300,000.00. Tapi Bukit Antarabangsa nak kelirukan Dewan ini seolah-olah rumah mampu milik yang dibuat oleh kerajaan persekutuan semuanya RM400,000.00. Jadi saya ingat fakta itu kena betul la. Kena adil. Jangan buat manipulasi dalam Dewan ini. RM400,000.00 itu untuk yang mampu RM400,000.00 beli RM400,000.00, yang di bawah RM300,000.00, RM200,000.00 boleh beli ikut kemampuan. Saya ingat saya nak minta penjelasanlah Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Pertama Y.B. Permatang, Yang Berhormat perlu melihat kepada konsep ataupun tujuan pembentukan PRIMA. Saya ada sini. Ini jawapan bertulis daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri di mana beliau menyatakan PRIMA ini ditubuhkan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1 Malaysia 2012. Perbadanan Program Perumahan 1 Malaysia adalah sebuah badan yang diberi kuasa untuk bertindak dan merancang membina, menyediakan dan sebagainya perumahan *primier* untuk faedah dan kepentingan golongan rakyat berpendapatan sederhana di kawasan bandar. Itu pembentukan PRIMA.

Tetapi, saya juga ada kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri sendiri. Izinkan saya kod apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini sebaik saja beliau mengumumkan inisiatif untuk membina rumah mampu milik dalam Bajet 2013. Dengan izin *Perdana Menteri said he had ask PRIMA to discuss with private developers to come out with another model.* Sekarang menjadi perbahasan di peringkat persekutuan, PRIMA yang sepatutnya menjadi satu badan kerajaan membina rumah mampu milik di arahkan oleh Perdana Menteri melibatkan pihak-pihak swasta. Apabila pihak swasta terlibat, mereka ini berorientasikan keuntungan. Mereka tidak lagi memikirkan masalah golongan yang berpendapatan rendah. Sebab itu saya tekankan tadi perkara ini perlu diteliti semula walaupun matlamat asal pembentukan PRIMA itu adalah untuk memberi peluang kepada golongan

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta.....

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang berpendapatan sederhana tetapi perkembangan yang terbaru ini apabila melihat kegagalan PRIMA di fasa pertama,

sekarang kerajaan pusat cuba melibatkan pihak swasta bagi tujuan tersebut. Bila swasta terlibat, sudah tentulah orientasi mereka / kiblat mereka ialah keuntungan, bukan kebajikan bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Timbalan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.B. Bukit Antarabangsa kerana tadi bila beliau memberi ucapan beliau, beliau mengatakan PRIMA mengenakan bayaran RM400,000.00. Itu sudah tentu mengelirukan ahli dalam Dewan ini kerana nyatanya bila sahabat saya daripada Permatang ini tanya, maka beliau pun mengeluarkan kenyataan tentang swasta dan sebagainya tapi tadi *the main statement* Yang Berhormat keluaran mengatakan *charge* PRIMA tu RM400,000.00. Ini saya ada bajet ni. Bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri ternyata jelas. Ini bukan penipuan. YB menipu RM80,000.00 seunit dan harga RM100,000.00 ke RM400,000.00 yang paling tinggi. RM400,000.00 yang paling tinggi dan majoriti ataupun hampir 70% rumah yang dibina oleh PRIMA hanya RM80,000.00 sahaja. Yang Berhormat tak cakap RM80,000.00, Yang Berhormat terus mengatakan RM400,000.00. Jadi, nampak sangat Yang Berhormat ni mengelirukan Dewan Ia. Menipu.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Y.B. Permatang, saya tidak mengelirukan Dewan. Cuma saya bandingkan dengan pembentukan asal PRIMA untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana bagi memiliki rumah. Memang benar asalnya untuk membantu mereka yang berpendapatan sederhana, tetapi setelah selesai belanjawan dan melihat PRIMA belum *take off* lagi dengan rumah mampu milik dan bila melihat ada kegagalan di pihak PRIMA, sekarang Perdana Menteri sendiri mahu pihak swasta terlibat di dalam pembinaan rumah mampu milik. Apakah saudara nak menyatakan dalam Dewan ini bila swasta terlibat secara langsung dalam pembinaan rumah PRIMA, mereka akan berorientasikan kebajikan rakyat dan bukan keuntungan saya tidak mempercayai begitu. Saya pasti pihak swasta akan memberikan tumpuan kepada keuntungan dan kebajikan.

Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan Negeri ingin membina rumah mampu milik saya bercadang untuk melihat konsep-konsep lain yang wujud di negara-negara maju, bagaimana kejayaan mereka membina rumah mampu milik ini dan tidak dibebankan kepada Kerajaan Negeri ataupun anak-anak syarikat dengan kos yang terlalu tinggi. Cuma saya juga nak menyatakan ada beberapa masalah yang kita dapati dan kedengaran daripada pihak pemaju tentang kekangan-kekangan yang terpaksa ditanggung oleh mereka dalam menyertai program-program seperti ini khususnya menyediakan rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah.

Yang pertama, sekarang ini kedengaran pihak SYABAS seolah-olah cuba sabotaj kelulusan dengan tidak memberikan kebenaran atas alasan *pressure* yang tidak cukup, bekalan air yang tidak cukup. Maka saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, apakah tindakan yang wajar diambil terhadap SYABAS yang dengan sengaja tidak bersama-sama dengan pihak PBT dan juga pihak yang berwajib untuk memberikan kelulusan kebenaran merancang dan juga untuk mereka mendapat CCC untuk mereka menduduki premis-premis yang berkenaan. Kerana kalau ini berlaku, ianya akan melambatkan dan melumpuhkan pembangunan di Negeri Selangor.

Kita juga mendengar tentang aduan yang dikemukakan tentang masalah premium yang tidak konsisten. Pada ketika ini bayaran premium di Negeri Selangor dikenakan berdasarkan penilaian harga tanah yang dibuat oleh JPPH (Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah). Masalah yang kita hadapi sekarang ialah kadar yang dikenakan tidak konsisten dan berbeza-beza dalam kawasan yang sama. Kita boleh beri contoh. Sebagai contoh awalnya di Selangor Science Park 2, kadar penilaian tanah pajakan yang dikenakan kepada PKNS oleh JPPH adalah RM90.00 satu kaki persegi. Manakala bagi tanah dalam kawasan yang sama dan bertaraf pegangan bebas (*free hold*) kadar yang dikenakan hanya RM60.00. Bagaimana dalam kawasan yang sama JPPH membuat penilaian yang berbeza? Dan ini pastinya akan memberikan satu kos tambahan kepada pemaju. Premiumnya ditafsir berdasarkan kadar tanah (penilaian tanah) yang dibuat dan dengan kos infranya pastinya pemaju tidak dapat meneruskan projek tersebut.

Contoh yang kedua di Datum Jelatek. Pejabat Daerah Gombak telah mengeluarkan Notis 5A kepada PKNS berjumlah RM52 juta. Kadar premiumnya bernilai RM399.48 satu kaki persegi berbanding dengan penilaian yang dibuat adalah hanya sekitar RM168.00 satu kaki persegi (kawasan bersebelahan dengan Datum Jelatek). Jadi sekali lagi, bagaimana dalam kawasan yang sama ada penilaian yang berbeza yang dibuat oleh JPPH? Saya mencadangkan supaya pihak PTG dapat segera duduk dengan pihak JPPH bagi merangka satu dasar dan garis panduan yang lebih jelas dalam menentukan penilaian harga tanah yang dibuat di sesebuah kawasan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Puan Speaker. Boleh saya caras sikit? Terima kasih kepada Bukit Antarabangsa. Saya di sini ingin mencadang kepada Bukit Antarabangsa sekiranya JPPH itu penilaian tak seimbang / tak betul, boleh tak kita cadang kepada penilaian swasta (*independent*) kerana pengambilan Talam Corporation boleh pakai *independent*. Mengapa ini kita tak boleh pakai *independent*?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Sebab itu Kuala Kubu Baharu saya telah mencadangkan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan ada rundingan di pihak

PTG dan JPPH dan merangka satu garis panduan yang lebih jelas dan konsisten dan tuntas. Sebab kalau garis panduan itu tidak jelas ataupun tidak konsisten, pemaju pastinya akan berhijrah ke negeri lain dan tidak mahu menumpukan pelaburan mereka di Negeri Selangor. Sepatutnya kita mengambil peluang ini apabila hartanah di Kuala Lumpur terlalu tinggi dan mahal. Mereka sekarang sedang melihat kemungkinan pelaburan di Selangor dan Kerajaan Negeri harus mengambil inisiatif untuk memikat mereka dan melabur di Negeri Selangor.

Yang keduanya kita juga melihat ada apa yang disebut sebagai *capital contribution cost* yang terpaksa dikeluarkan oleh pemaju ekoran sekali lagi garis panduan yang tidak konsisten di antara PBT. Ada MBSA keluarkan garis panduan yang berbeza. Berapa *car park* nya bagaimana (tempat letak keretanya), *buffer zone* nya juga walaupun sebelum ini sudah ada *buffer zone* yang telah ditetapkan sekarang ada tambahan pula untuk rekreasi dan sebagainya. Jadi kalau garis panduan ini tidak konsisten dan tidak tuntas, maka pemaju akan terpaksa menanggung kos-kos tambahan dan ianya tidak menyumbang ke arah usaha kita untuk mengurangkan kos pembangunan dan sekali gus kita boleh *transfer* pengurangan kos ini kepada pembeli-pembeli hartanah yang berkenaan.

Akhirnya Y.B. Timbalan Puan Speaker, saya kira dalam usaha kita untuk membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar, kita harus bersyukur dan berterima kasih kerana Allah telah anugerahkan kepada kita pemimpin yang amanah dan bertanggungjawab yang telah memikul dan menggalas usaha ini dengan sebaik mungkin. Tapi pada masa yang sama, saya kira Dewan ini juga harus mengambil ketetapan tentang masalah yang sedang dihadapi oleh umat Islam di Wilayah Palestin di Gaza yang sedang diserang bertubi-tubi oleh kumpulan Zionis Israel.

Kita berharap Dewan yang mulia ini dapat mengambil ketetapan kerana serangan-serangan ini bukanlah baru, ianya telah berlarutan dan berulang kali dan kita telah menyatakan bahawa pihak Israel (Zionis Israel) ini mengambil keputusan untuk terus menyerang rakyat Palestin dan berani melakukan demikian kerana mereka mendapat restu dan perlindungan daripada Amerika Syarikat. Pasti Rejim Zionis Israel ini tidak akan bertindak sedemikian rupa kalau mereka tidak dapat perlindungan ataupun restu daripada Washington. Masyarakat antarabangsa sekarang kelu tidak dapat bertindak, malahan gesaan untuk kita mengadakan sidang khas Majlis Keselamatan Negara tidak berlaku. PBB juga tidak mengambil sebarang pendirian, Presiden Obama yang kini berada di rantau ini juga tidak mengambil satu pendirian yang keras dan tegas untuk menghentikan kezaliman dan kerakusan Zionis Israel ini.

Jadi saya berharap Dewan yang mulia ini dapat mengambil ketetapan pada petang ini bahawa tindakan Zionis Israel ini harus dikecam dan harus dihentikan dan Israel adalah penjenayah antarabangsa yang telah membunuh rakyat Palestin, wanita dan anak-anak kecil. Saya berharap perkara ini juga harus kita mengambil kira kerana rakyat Palestin di Wilayah Palestin di Gaza ini sekarang ini sedang dikepong atau apa yang disebut sebagai *open air prison*. Mereka dikepong daripada udara, darat dan laut dan tidak ada *access road* untuk kita menyampaikan bantuan. Maka perkara ini juga harus kita berikan mesej yang jelas sementara kita mahu satu tindakan daripada pihak Majlis Keselamatan PBB, kita mahu juga satu laluan bagi kita menyampaikan bantuan kepada rakyat Palestin yang sedang dikepong dan dipenjarakan di Gaza.

Dan saya juga berharap Dewan yang mulia ini dapat mengambil satu pendirian yang keras supaya pihak Zionis Israel ini dapat menghentikan penaklukan wilayah di Gaza ini atau apa yang disebut sebagai *politics of this position* kerana penaklukan wilayah ini telah berlanjutan terlalu lama dan kita harus kembalikan hak rakyat Palestin kepada mereka.

Jadi dengan kata-kata itu, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Y.B. Timbalan Puan Speaker. Saya yakin Belanjawan Negeri Selangor 2013 ini bakal merealisasikan Negeri Selangor peneraju ekonomi Malaysia dan saya berdoa agar pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (Pakatan Rakyat) akan terus dikekalkan agar kebijakan yang di taraf demi kemaslahatan rakyat dapat diteruskan. Ayuh kita bersama-sama meraikan kegemilangan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang harmoni dan sejahtera. Yakinlah bahawa kegemilangan ini adalah berkat mandat yang diberikan oleh rakyat untuk sebuah kerajaan reformasi dan yakinlah bahawa kerajaan reformasi adalah untuk membina Malaysia yang gagah, rakyat yang bermaruah. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullhi Wabarakatuh*.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS:** Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS:** Terima kasih Puan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullhi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Pertamanya mengizinkan Kuang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2013 Negeri Selangor. Oleh kerana Bukit Antarabangsa memperbincangkan begitu panjang lebar mengenai PKNS, saya juga terpanggil untuk membicarakan perkara-perkara dalam PKNS ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tapi Kuang ada 20 minit saja ya.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS:** Cuma visi yang berbeza

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mengingatkan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS:** Visinya berbeza. Bukit Antarabangsa 2 jam, Kuang 20 minit. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau PKNS telah ditubuhkan (semua tahu) 1 Ogos 1994 melalui Enakmen PKNS Tahun 1994 Kerajaan Selangor. Ia ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun dan tidak diletakkan di bawah Akta Syarikat seperti mana anak-anak syarikat kerajaan yang lain. Peranan PKNS yang utama ialah untuk memajukan sosioekonomi negeri bagi mengisi kemerdekaan dengan menyediakan peluang-peluang dan pengagihan peluang pembangunan ekonomi tersebut dan mengimbangkan kemajuan untuk seluruh rakyat negeri dan negara amnya.

Peranan, pencetus dan pengimbang pembangunan ini dilaksanakan untuk mencapai matlamat keseimbangan dari segi :-

Pendapatan antara kaya dan miskin;  
Kemajuan antara bandar dan desa;  
Pendapatan antara kaum;  
Pembangunan antara keusahawanan besar, kecil dan sederhana;  
Kemajuan duniawi; dan  
Kesejahteraan ukhrawi.

Lima perkara inilah yang menjadi falsafah korporat PKNS, kemajuan untuk rakyat dan merangkumkan dalam rangkap kedua lagu korporat PKNS yang berbunyi “Membangun Negeri, Bandar dan Desa. Kemakmuran Untuk Semua”.

Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan oleh kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1970, PKNS telah diamanahkan untuk menjadi agensi utama mempelopori pelaksanaan pelbagai Program Dasar Ekonomi Baru. Jasa dan sumbangan PKNS dalam pembangunan sosioekonomi Negeri Selangor terlalu besar termasuklah kejayaan merancang dan membangunkan Ibu Negeri Selangor (Bandar raya Shah Alam) yang menjadi kebanggaan rakyat Selangor. Malangnya, dalam tempoh 4 tahun 7 bulan pemerintahan kerajaan Pakatan di Negeri Selangor matlamat murni telah diselewengkan. Falsafah Dasar Ekonomi Baru yang mendasari aktiviti PKNS telah dimansuhkan terutama peranan sebagai agensi pemegang amanah bumiputera.

Selain daripada isu-isu penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, pembaziran yang pernah kami bangkitkan dalam persidangan-persidangan dewan yang lalu, akhir-akhir ini tadi pun disebut oleh Bukit Antarabangsa timbul pula perkara-perkara isu baru yang kami harap dan kami ketahui dan juga rakyat ketahui. Selain menjadi dua isu yang menjadi kontroversi iaitu walaupun telah dijelaskan tadi (ini saya keluarkan), isu penjualan aset PKNS. Pada 2 September 2011 telah menandatangani perjanjian dengan Amanah Raya Berhad untuk menyerah hak menggabungkan (sebenarnya menjual) 3 aset PKNS iaitu Kompleks PKNS, Shah Alam City Centre dan Menara PKNS Petaling Jaya yang bernilai RM270 juta ke dalam Amanah Raya Real Estate Investment Trust Fund. Melalui perjanjian ini, PKNS akan memiliki 30% saham dan mendapat wang tunai sebanyak RM162 juta. Kesannya PKNS akan hilang kuasa dalam pengurusan dan menentukan dasar bagi aset-aset tersebut.

Skim ini mendapat tentangan rakyat dan akhirnya terpaksa digugurkan kerana tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Pusat. Selepas gagal, PKNS mendapat ilham baru. Kerana ini, 5 aset PKNS iaitu PKNS Shah Alam, Wisma Yayasan, Kompleks PKNS Bangi, Menara PKNS Petaling Jaya dan SACC Mall Shah Alam bernilai RM321 juta difahamkan sedang dalam proses penjualan kepada sebuah anak syarikat milik penuh PKNS yang disebut tadi dan difahamkan PKNS akan menerima bayaran wang tunai sebanyak RM100 juta dan bakinya RM221 juta dibayar melalui penjualan dan penyerahan harga saham biasa (RM15 sesaham) milik anak syarikat tersebut.

Dalam kenyataan akhbar tarikh 30 Oktober 2012, Pegawai Perhubungan Awam PKNS mengesahkan bahawa PKNS memindahkan aset-aset komersialnya kepada sebuah anak syarikat penuh Private Real Estate Co. atau PREC dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan aset-aset tersebut dan bukan bermakna PKNS lari daripada tujuan asal penubuhannya dalam usaha meningkat taraf kehidupan orang Melayu. Itu kenyataannya.

Kedatangan beliau sangat mengelirukan dan menimbulkan banyak spekulasi. Terutamanya syarikat mana sebenarnya yang akan membeli dan menguruskan aset tersebut, siapa ke lembaga pengarah dan berapa banyakkah modal berbayar? Difahamkan bukan PREC tapi syarikat lain iaitu Central Holding Berhad. Saya ada senarai lembaga pengarah daripada SSM sendiri. Adakah pengurusan induk PKNS tidak cekap? Sedangkan berpengalaman lebih 40 tahun dalam bidang pengurusan hartanah dan terbukti kelima-lima aset tersebut terutamanya Kompleks PKNS dan SACC Shah Alam sangat popular dan merupakan pusat perniagaan bagi peniaga-peniaga bumiputera yang berjaya.

Sebenarnya kompleks-kompleks ini adalah warisan yang ditinggalkan oleh kepimpinan negeri dan PKNS yang lalu terutamanya Y.A.B. Menteri Besar Allahyarham Dato' Harun Idris yang telah bersusah payah membangunkan aset ini yang sekarang tidak mempunyai sebarang *liability* (dengan izin) atau ada agenda tertentu atau ada udang di sebalik batu. Realitinya status PKNS dan PREC atau Central Holding Berhad milik PKNS berbeza besar. PKNS adalah sebuah perbadanan Kerajaan Negeri yang pengurusannya dipantau ketat oleh Kerajaan Negeri dan Perbendaharaan Malaysia sedangkan PREC atau Central Holding Berhad banyak tertakluk kepada kawalan terus Kerajaan Negeri dan tiada jaminan bahawa PREC akan terus menjadi milik PKNS dan terdedah kepada risiko dibeli oleh pihak swasta atau individu melalui proses *management by out* (dengan izin). Kalau ini berlaku bererti aset-aset tersebut tidak lagi menjadi milik PKNS dan rakyat Selangor. Mungkin, inilah muslihatnya.

Kesannya sangat besar. PREC akan menambah baik kompleks-kompleks ini, sewa akan dinaikkan di luar kemampuan majoriti penyewa-penyewa asal atau penyewa-penyewa baru. Akhirnya mereka yang tidak mampu bayar kenaikan sewa terpaksa keluar dan digantikan orang lain. Lama-kelamaan bukan lagi menjadi pusat perniagaan bumiputera.

Demi ketelusan dan prinsip kebertanggungjawaban yang selaras dengan hasrat *Enactment Freedom of Information* yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, rakyat Selangor menuntut Y.A.B. Menteri Besar supaya memberi penjelasan mengenai isu penting ini. Malangnya sehingga hari ini, Y.A.B. Menteri Besar tidak menyatakan apa-apa tentang pemindahan 5 aset tersebut maka kita cabar beliau nyatakan apakah bentuk pemindahan aset-aset itu kepada anak syarikat terbabit.

Yang kedua, jika PKNS menjual aset-aset itu dari mana sumber kewangan syarikat tersebut dan jika anak syarikat itu memperoleh sumber kewangan menerusi pinjaman daripada bank, berapa pula kadar faedah yang perlu dibayar oleh anak syarikat tersebut dan apakah pula jaminan kepada PREC atau Central Holdings Berhad atau apa saja syarikat yang akan miliki 5 aset tersebut tetap menjadi hak milik 100% PKNS dan Kerajaan Negeri. Daripada beberapa pengalaman yang lalu, kita tidak percaya dan yakin bahawa kerajaan Pakatan terutama Y.A.B. Menteri Besar dari Ijok dapat membuat jaminan di atas perkara ini.

Perkara yang kedua, disebut juga oleh Bukit Antarabangsa iaitu maklumat yang terkini dari saya. Cadangan nak jual saham Worldwide milik PKNS 100% kepada syarikat World Class Title Sdn. Bhd. (sebuah syarikat yang baru ditubuhkan pada 26 Mac 2012 milik dua orang pemegang saham yang bukan bumiputera yang bermodal RM2.00). Pada 25 Mei 2012, kedua-dua pemegang saham dan Pengarah Syarikat meletak



jawatan dan diganti dengan Pengurus Besar PKNS dan Timbalan Pengurus Besar Korporat PKNS tetapi mereka masih kekal sebagai pemegang saham. Ini bermakna syarikat tersebut masih menjadi milik mereka berdua. Worldwide Holding Berhad bercadang nak jual 100% sahamnya bernilai RM150 juta kepada World Class Title Sdn.Bhd. Walaupun penjualan ini belum dimuktamadkan, tetapi niat hendak jual sudah ada dan proses pemindahan saham sedang dijalankan (perjanjian dah siap pun, belum sains saja). Persoalannya mengapa Worldwide Holding mahu jual saham kepada World Class Title Sdn. Bhd.? Walaupun kedua-dua pemegang saham dan Pengarah Syarikat bukan Melayu telah meletakkan jawatan sebagai Pengarah Syarikat tapi saham RM2 tersebut masih dipegang oleh kedua-dua pemegang saham asal. Apakah motif sebenar penjualan tersebut kepada syarikat bukan bumiputera? Bolehkah Pengurus Besar PKNS dan Timbalan Pengurus Besar Korporat PKNS menjadi pengarah kepada syarikat yang masih dimiliki sahamnya oleh dua orang lain?

Kerajaan Pakatan Barisan Selangor bertuah kerana Selangor memiliki banyak harta hasil peninggalan kerajaan Barisan Nasional dahulu. Tetapi kita merasa kesal akhir-akhir ini satu persatu harta yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri mahu dijual dan dipindahkan sebagaimana yang berlaku dengan aset-aset PKNS dan Yayasan Selangor. Mungkin mereka cuba memindahkan aset berkenaan satu-satu setelah usaha awal sebelum ini dilihat terbantut ekoran pendedahan yang kita buat dan Menteri Besar nafikan baru-baru ini bahawa harta tersebut tidak dijual. Rakyat sangat bimbang apabila sejak akhir-akhir ini ketika pilihan raya umum yang ke tiga belas menjelang hampir semakin banyak transaksi cuba dilakukan. Adakah tindakan tersebut untuk menjana, jana politik?.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyentuh berapa aktiviti teras PKNS dan berapa isu penting yang menimbulkan keresahan rakyat. *Tower* Pembangunan Bandar Baru selama lebih 40 tahun dari tahun 1964, PKNS telah membina 10 bandar baru seluas 14,148 hektar termasuk Shah Alam, Petaling Jaya, Bandar Baru Bangi, 8 kawasan kejiranan berskala besar dan berpuluh lagi kejiranan berskala kecil. Yang anehnya sejak tahun 2009 tidak ada satu pun Bandar Baru dirancang dan dilaksanakan oleh pengurusan PKNS terkini. Bandar Baru Bukit Baja di Sepang sendiri sudah terbantut oleh kerana masalah dana, aktiviti ini seolah-olah nampak terhenti setakat meneruskan perancangan lama sahaja sedangkan banyak lagi kawasan baru perlu diimbangkan pembangunannya. Pembinaan rumah sejak penubuhan hingga tahun 2012

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kuang, yang membidas PKNS dalam ucapannya tadi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Kuang ke manakah Kuang bila PKNS memberi sumbangan hampir RM1 juta kepada BALKIS hanya untuk membuat rombongan dan lawatan ke Disneyland di luar negara oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu. Mengapa Kuang tidak bersuara pun, mengapa Kuang sunyi senyap?. Soalan kedua, mengapa Yang Berhormat Kuang pula memutar mata kamu tentang isu sapu, iaitu parti-parti politik UMNO dan Barisan Nasional mengsonglap, menyapu semua tanah-tanah. Semalam Yang Berhormat Sekinchan ada menilaikan 24 tanah diberi begitu sahaja kepada ahli-ahli politik dan parti-parti politik Barisan Nasional dengan premium RM1.00 dan tanah ini tanah komersial, mana pergi Kuang. Kuang semalam berkata UMNO itu Raja, betul tak? Itu kenyataan Kuang..

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Rakyat, UMNO itu rakyat. Saya ingat pekak, raja, itu pekak. Saya kata keluar tajuk saya ingat kena belajar kena pergi kursus. Bergaduh....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku duduk. Ya. Teruskan...

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ingat Kampung Tunku ini kena dihantar SPIES kursus kerana keluar tajuk cerita benda lain.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan Kuang...

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Terima kasih Puan Speaker, pembinaan rumah, saya nak cerita. Sejak penubuhan Mei 2012, telah membina 152,334 unit rumah berbagai-bagai jenis. Dari jumlah ini sebanyak 1,110,384 dibina sendiri oleh PKNS manakala 27,819 unit dibina oleh rakan penswastaan. Di samping itu PKNS juga telah membina rumah murah untuk projek daerah berjumlah 14,131 unit tetapi projek ini telah dihentikan pada tahun 2001. Dari jumlah di atas 38% adalah untuk rumah kos rendah 42% rumah kos sederhana dan 15% rumah kos tinggi. Ini adalah selaras dengan peranan PKNS untuk mengimbangkan pemilikan rumah ikut strata sosial. Apa yang mengejutkan kami jumlah unit rumah binaan PKNS sejak tahun kebelakangan ini telah merosot dengan banyak jika di tahun 2001 hingga 2005 jumlah unit rumah dibina oleh PKNS tidak kurang daripada 3,000 unit setahun tetapi di tahun 2009 hanya 1,056 unit sahaja. Di tahun 2010 naik sedikit 1,677 unit. Lebih mengejutkan pada tahun 2011 hanya 811 unit sahaja disiapkan dan tidak ada satu pun unit kos rendah dibina sama juga di tahun 2009. Dengar tahun saya sebut. Tapi Kerajaan Negeri sekarang mendabik dada kononnya prestasi mereka jauh lebih baik daripada 50 tahun

pemerintahan Barisan Nasional. Persoalannya ke manakah perginya tanggungjawab sosial dalam mengimbangi agihan pemilikan rumah di bandar oleh PKNS. Pertama, apakah mereka dan Kerajaan Negeri selesa membiarkan pihak swasta mengagihkan kediaman di bandar mengikut cara mereka dan dengan harga yang tidak mampu dilanggan oleh ramai penduduk berpendapatan rendah dan sederhana. Kedua dalam masa itu penduduk Selangor yang berpendapatan rendah serta setinggan di manakah untuk bersama PKNS dalam untuk mendapatkan tempat mereka bergantung selama ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Mencilah sikit.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Satu konsep lagi yang ketara merosotnya ialah program PBT, perkapita, pekerja PKNS dalam pembinaan rumah. Jika pada tahun 2001 hingga 2005 dahulu, produktiviti perkapita mereka ialah di dalam 3.5 unit setiap orang setahun

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** *Testing...*

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta Sekinchan duduk.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya bagi sekejap lagi. Ini merosot kepada satu unit setahun atau kemerosotan sebanyak 65%. Ini adalah satu angka yang sangat tidak realistik di bawah pengurusan baru yang profesional, mahir berbahasa Inggeris ala Oxford dan bergaji bulanan tiga kali ganda ketetapan gaji oleh JPA. Saya tak mahu ulang lagi Pengurus PKNS ini saya dah cakap banyak kali tetapi oleh kerana menjadi kesayangan Y.A.B Ijok maka itu tidak ada sebarang tindakan kalau dibezakan gaji hari ini RM40,000.00 gaji Pengurus PKNS zaman Barisan Nasional, RM17,000.00 sebulan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Timbalan Speaker, minta mencelah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang bagi laluan. Silakan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih YB Kuang. Saya tadi dengar teliti ya, perbincangan Yang Berhormat Kuang begitu beria-ia, berkobar-kobar nak memperjuangkan hak rakyat di bawah ini dengan harga PKNS dan sebagainya sebagai pejuang. Nampak gaya ni saya nak minta penjelasan apakah pendirian Yang Berhormat Kuang tentang skandal yang saya bangkitkan semalam 15 keping tanah yang disapu oleh UMNO, tanah komersial adakah sanggup tanah itu dipulangkan kepada kerajaan kerana mereka, ni pejuang, cakap mesti serupa bikin jangan cakap tak serupa bikin. Sanggup tidak, sanggup atau tidak Kuang.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tengok, tengok tu lampu kuning tu, tak de masa ini, saya ingat tajuk, lari tajuk, lari tajuk. Kita cerita fasal PKNS, lari tajuk... Buang masa lah tu. Oleh sebab masa mencemburui saya, lampu kuning dah keluar, saya pun setuju lah tadi Bukit Antarabangsa pun puji Dewan Negeri...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruslah Kuang, sebab masa berjalan. Saya tak akan berkompromi.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dengan cara ini yang terbaik sebenarnya. Saya teruslah kepada

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Timbalan Speaker..

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Cukuplah tu...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya belum dapat jawapan. Belum dapat jawapan...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk dulu Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta jawapan. Yang Berhormat Kuang boleh bagi jawapan. Boleh ke tak boleh Yang Berhormat Kuang...Boleh ke?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Sekinchan, saya minta duduk. Kalau ingin bercakap mesti minta kebenaran. Sekarang ni peluang untuk Kuang berbahas.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sikit sahaja lagi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Masa sudah tamat.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan ni nak cerita benda yang lama dah. Tak puas hati. Saya nak bagi tahu UMNO ni ialah rakyat. 400,000 rakyat di Selangor ni adalah ahli UMNO...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Masa telah tamat.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sekinchan ni bodoh. Dah ulang semalam oleh kerana orang...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuang, masa sudah tamat, terima kasih. Seterusnya Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Puan Timbalan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Hulu Kelang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2013. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor sedang dan terus bergerak di atas landasan yang betul. Antara ciri-ciri terpenting betulnya landasan ini adalah:

Pentadbiran yang amanah, telus dan berani serta sanggup disemak oleh institusi yang ditubuh sendiri oleh kerajaan seperti dalam pendengaran awam SELCAT berkenaan banjir di Klang Selatan dan Hulu Langat. Operasi pasir di bawah Kumpulan Semesta dan penggunaan tanah lapang PKNS di Kelana Jaya dan RTPJ 2.

Melaksanakan program-program merakyatkan ekonomi Selangor yang berteraskan hasil negeri untuk rakyat.

Membudayakan amalan “Membetulkan yang biasa dan Membiasakan yang betul”.

Menjayakan slogan “Selangorku” yang semakin mendapat penyertaan rakyat Selangor dalam mendukung dan mempertahankan pentadbiran yang amanah, telus, bersih dan bertanggungjawab.

Mengamalkan belanjawan berimbang dengan memastikan berbelanja berdasarkan penempatan yang sudah ada di tangan. Tidak berboros serta tidak membebankan rakyat dengan hutang.

Puan Timbalan Speaker, dengan itu selaras sekali gus menurut pemerhatian Hulu Kelang, dari 25 butiran yang terkandung di dalam manifesto barisan Alternatif antara PKR dan PAS pada tahun 2008. Setakat 2011 sebanyak 18 telah dilaksanakan dengan ditambah tiga lagi program yang dilaksanakan pada tahun 2012. Ini menjadikan 21 program daripada 25 program yang dijanjikan yang setakat ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh hanya empat tahun tujuh bulan Pakatan Rakyat Selangor mentadbir Selangor. Pencapaian 21/25 ini adalah bersamaan dengan 84% atau pun *A plus* dengan izin.

Puan Timbalan Speaker, setelah menegaskan bahawa Kerajaan Negeri berada di atas landasan yang betul, saya ingin menegaskan pula beberapa perkara yang mesti

diperkemas lagi dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Dalam kesempatan masa 20 minit yang ada pada saya, saya ingin mengemukakan hanya 4 perkara.

Pertama, teguran Ketua Audit Negara. Hulu Kelang menggesa Kerajaan Negeri mengambil tindakan segera terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara muka surat 141 berkenaan dengan 27 perkara dan teguran bagi tahun-tahun 2006, 2008, 2009 dan 2010 yang digesa masih lagi perlu diambil tindakan segera.

Kedua, usul-usul dan penyata-penyata jawatankuasa pilihan. Hulu Kelang meminta kerajaan mengambil berat usul-usul yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dibahas dan diluluskan di Dewan Yang Mulia ini. Masih terdapat banyak usul yang tidak diambil tindakan oleh kerajaan sehingga menyebabkan teguran seperti yang terdapat dalam laporan Ketua Audit Negara muka surat 26 hingga 27 berkenaan pembangunan tanah perkuburan bukan Islam tanpa kebenaran di Seksyen U14, Mukim Bukit Raja Daerah Petaling. Perkara ini telah dibahaskan sebagai usul berikutan penyata SELCAT di Sidang Dewan pada tahun 2010. Demikian juga Kerajaan Negeri diminta agar memberi perhatian yang sewajarnya terhadap penemuan, saranan dan syor daripada Jawatankuasa Pilihan Dewan yang terdiri daripada JP-PADAT, JP-PBT, JP-ABAS dan PAC yang terkandung dalam penyata-penyata yang dikemukakan sebagai kertas-kertas mesyuarat di Sidang Dewan Yang Mulia ini.

Ketiga, prestasi PBT. Dalam perkara ini saya ingin membangkitkan isu *value for money* dengan izin. Sering kali *value for money* diungkapkan dari segi perspektif kerajaan iaitu dari pihak penerima cukai. Namun konsep *value for money* juga hendaklah dilihat dari perspektif pembayar cukai. Khusus dalam perkhidmatan angkat sampah. Nyata terdapat beberapa kawasan perumahan di beberapa PBT yang sampah tidak diangkat mengikut jadual. Sebagai contoh di kawasan MPAJ. Terdapat kawasan-kawasan perumahan tertentu yang berada beberapa minggu sahaja dan hanya sekali sahaja sampah diangkat dalam seminggu. MPAJ sudah pasti ada rekodnya. Apa yang penting penduduk sudah membayar cukai dan berdasarkan konsep *value for money* ini sepatutnya mereka berhak mendapat khidmat angkat sampah tiga kali seminggu. Kehilangan khidmat angkat sampah dua kali seminggu telah menjejaskan hak mereka terhadap *value for their money* dengan izin. Ini bererti Kerajaan melalui MPAJ gagal memberi khidmat sepenuhnya bagi *value for money* bagi para pembayar cukai. Ini juga bermakna kerajaan melalui MPAJ berhutang khidmat angkat sampah atau kerajaan melalui MPAJ telah mengambil cukai daripada rakyat tanpa memberikan khidmat yang sepatutnya.

Hulu Kelang meminta berdasarkan rekod yang dimiliki oleh MPAJ agar MPAJ mengira berapakah nilai angkat sampah yang tidak diberikan oleh MPAJ ini dan menjadikannya sebagai hutang MPAJ kepada pembayar cukai. Hulu Kelang juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengisytiharkan untuk memulangkan hutang ini sebagai *refund* dengan izin kepada pembayar-pembayar di kawasan-kawasan yang terlibat. Perkara ini mungkin dianggap remeh ataupun renyah namun ia membuktikan integriti, sifat amanah dan prihatin kerajaan terhadap apakah nilai *value for money* pada kerajaan dan rakyat.

Puan Timbalan Speaker, perkara keempat adalah bangunan di kawasan cerun dan nyawa rakyat. Hulu Kelang ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini terhadap isu-isu pembangunan di kawasan-kawasan sensitif cerun di kawasan Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa. Mengingatkan dewan yang mulia ini beberapa kejadian tanah runtuh.

Disember 1993 tragedi Highland Tower runtuh meragut 48 nyawa.

April 1995 tanah rumah Flat Keramat Permai melibatkan pembinaan 186 penduduk.

Mei 1999 empat kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa menyebabkan ribuan orang penduduk terputus jalan untuk kembali kediaman mereka dan Wangsa Heights Kondominium serta Atheneum Kondominium diisytiharkan tidak selamat.

Oktober 2000 tanah rumah di Bukit Antarabangsa yang lokasinya terletak kira-kira hanya 10 meter dari lokasi tanah runtuh pada Mei 1999.

November 2002 tiga kejadian tanah runtuh berlaku di Jalan Lee Won Di Taman Zooview, di Jalan Bunga Anggerik Ukay Heights dan juga tanah runtuh yang meranapkan rumah Tan Sri Jen (B) Ismail Omar di Taman Hillview yang meragut lapan nyawa.

Mei 2006 kejadian tanah runtuh secara besar-besaran di Kampung Pasir yang meragut empat nyawa serta mengakibatkan cerun tidak stabil yang memaksa 16 keluarga di Taman Zooview terpaksa mengosongkan rumah.

September 2007 kejadian tanah runtuh di Jalan H Taman Melawati yang mengakibatkan kerosakan dua buah rumah teres dua tingkat.

April 2008 kejadian tanah runtuh di Wangsa Heights Kondominium Bukit Antarabangsa yang mengakibatkan beberapa rumah remuk dihempap batu-batu besar yang jatuh.

Disember 2008 kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa yang meragut lima nyawa, empat belas cedera, empat belas buah rumah runtuh dan dua ribu penduduk dipindahkan.

Mei 2011 kejadian tanah runtuh Ukay Perdana yang meranapkan beberapa buah kenderaan.

Mac 2012 kejadian tanah runtuh disebabkan longkang pecah di tanah milik pemaju.

Puan Timbalan Speaker, sebelas (11) kejadian yang melibatkan terkorban 65 nyawa. Tuan Speaker, 11 kejadian yang mengakibatkan 65 kehilangan nyawa dan jiwa ini tidak termasuk 14 lagi kejadian tanah runtuh di kawasan-kawasan berhampiran seperti di Ampang dan Pandan Perdana. Belum pun kejadian-kejadian ini reda kesannya, penduduk DUN Hulu Kelang dan DUN Bukit Antarabangsa dikejutkan dengan tiga pembangunan mega yang boleh mengancam keselamatan nyawa dan harta benda penduduk di sekitarnya. Projek-projek ini adalah:

Projek membangunkan 3 blok 40 hingga 41 tingkat servis apartmen berjumlah 1,000 unit di lot 847 Taman Hillview oleh pemaju Forward Esteem Sdn. Bhd.

Projek membangunkan 5 blok 17 tingkat kondominium berjumlah 70 unit di lot 5 Taman Sri Ukay yang akan di majukan oleh Spectacular Heights Sdn.Bhd.

Projek membina 206 unit banglo, rumah sterling dan kondominium 18 tingkat dan kemudian di ikuti 3 tingkat di lot-lot 16833 hingga 37 di Taman di Bukit Fasa 3 Taman Melawati oleh pemaju Tetuan Angkasa Gagah Sdn. Bhd.

Tuan Speaker, pembangunan (1) dan (2) terletak amat berdekatan dengan tapak Highland Tower. Punca keruntuhan Highland Tower telah dikenal pasti sebagai aliran air di bawah tanah di bawah bangunan tersebut yang telah disekat menyebabkan asasnya menjadi lemah dan bangunan tersebut runtuh. Projek (1) dan (2) terletak hanya beberapa meter sahaja daripada Highland Tower dan tempat itu terbukti merupakan laluan-laluan air dan tempat-tempat yang mempunyai sumber air kolam semula jadi. Pada 03 Oktober 2012 di Pejabat MPAJ, Juruperunding bagi pemaju telah memaklumkan kepada wakil-wakil penduduk bahawa keadaan bukit di sekitar Taman Sri Ukay dan Taman Hillview adalah sangat tidak stabil dan berisiko tinggi untuk mengalami kejadian tanah runtuh. Menurut beliau kejadian tanah runtuh ini boleh berlaku pada bila-bila masa kerana tanda-tanda awal telah muncul sama ada seperti yang telah berlaku di kawasan Bukit Antarabangsa. Apa yang menakjubkan kerana



saya hadir dalam mesyuarat tersebut adalah apabila perunding tersebut menyatakan bahawa cerun- cerun di kawasan DUN Bukit Antarabangsa dan DUN Hulu Kelang boleh distabilkan oleh pemaju sekiranya pemaju di benarkan membangunkan kedua-dua projek Taman Sri Ukay dan Taman Hillview. Seolah-olah pemaju mahu memberitahu bahawa nyawa dan harta benda penduduk Taman Sri Ukay dan Taman Hillview akan terancam sekiranya pembangunan tersebut tidak dijalankan. Sebaliknya jika pemaju dibenarkan memajukan kawasan tersebut nyawa dan harta benda penduduk akan selamat.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian bahawa tugas dan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta benda penduduk bukan tanggung jawab pemaju. Ia adalah tanggung jawab Kerajaan Negeri. Tanggung jawab ini tidak boleh di pindahkan oleh kerajaan kepada pemaju. Dengan itu Hulu Kelang meminta agar Kerajaan:

Melantik pakar bebas bagi mengesahkan dakwaan perunding pemaju tentang status keselamatan cerun di kawasan tersebut

Sekiranya sah kawasan tersebut tidak selamat dan benar-benar mengancam keselamatan nyawa dan harta benda rakyat kerajaan hendaklah menggazetkan kawasan tersebut sebagai kawasan tidak selamat dan melalui apa cara sekali pun hendaklah memastikan pemaju tidak dibenarkan membangunkan kawasan yang mengancam nyawa dan harta benda rakyat.

Tuan Speaker, manakala projek ketiga di Taman Melawati juga menunjukkan adanya tanda-tanda awal pada musim hujan turut membuktikan kawasan tersebut tidak selamat untuk pembangunan. Pada hari hujan lebat di hari permulaan sidang dewan 19 November hari Isnin baru-baru ini telah berlaku tanah runtuh di Amberhill Taman Melawati. Dalam kejadian tersebut longgokan tanah yang besar serta batu-batuan telah jatuh ke atas jalan di hadapan rumah di Jalan K Taman Melawati. Sebelum ini kerajaan telah mengarahkan semua pembangunan di cerun-cerun kelas tiga dan empat di kawasan fasa tiga Taman Melawati dibekukan. Namun penduduk mendakwa apa yang mendukacitakan mereka adalah apabila pihak MPAJ menyatakan bahawa pembangunan di cerun kelas tiga boleh dibenarkan sekiranya memenuhi syarat-syarat tertentu.

Tuan Speaker, dan Sidang Dewan yang mulia, saya secara berterus terang ingin menyatakan seperti juga dalam kes projek pertama dan kedua di Taman Sri Ukay dan Taman Hillview, penduduk mempunyai persepsi bahawa MPAJ lebih menyebelahi pemaju. Persepsi penduduk juga adalah merupakan pendirian dan sikap MPAJ tidak

seiring dan selari dengan dasar dan pendirian Kerajaan Negeri. Persepsi seperti ini amat perlu di perbetulkan secepat mungkin. Sekali lagi seperti projek-projek di Taman Sri Ukay dan Taman Hillview penduduk Taman Melawati mendakwa bahawa pemaju telah menjanjikan serta meyakinkan jawatankuasa kawasan sensitif alam sekitar dan Jabatan Mineral dan Geosains untuk pemaju menstabilkan kawasan tersebut. Bahkan pemaju bercadang untuk membina bangunan di cerun-cerun yang sudah ditarah di bukit fasa 3 Taman Melawati tersebut.

Tuan Speaker, dalam satu wacana anjuran EXCO Perumahan baru-baru ini penceramah undangan iaitu Profesor Emeritus Dr. Ismawi Mohd. Zain telah menyatakan bahawa lapisan tanah di kawasan-kawasan Bukit Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa adalah terdiri daripada dengan izin *rotten rocks* atau pun batu batuan yang sudah lama dan buruk. Menurut Profesor Dr. Ismawi sekiranya lapisan batu buruk itu ditebuk bagi pembangunan, air akan masuk dan menyerap ke lapisan bahagian dalam ini akan menjadikan lapisan-lapisan ini lemah dan tidak stabil sehingga boleh mencetuskan kejadian tanah runtuh.

Tuan Speaker, dengan mengambil kira agar Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada empat perkara di atas khususnya tentang keselamatan tanah di sekitar DUN Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang menyokong belanjawan 2013. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Subang Jaya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2013 Negeri Selangor. Isu pertama Subang Jaya ingin bangkitkan berkenaan dengan Skim Mesra Usia Emas. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membuat semakan semula ke atas proses pembayaran di bawah program SMUE. Sekarang ini terdapat terlalu banyak peringkat untuk pembayaran. Terdapat tunggakan bayaran fasa 1 dan 2. Untuk mendapatkan RM2,500.00 keluarga warga emas perlu hadir sekurang-kurangnya tiga kali untuk mendapat kutipan RM2,500.00. Kali pertama untuk menghantar dokumen. Kali kedua untuk mendapatkan pembayaran RM1,000.00 dan kali kedua untuk pembayaran RM1,500.00. Terdapat juga kelewatan pembayaran fasa kedua. Terlalu banyak peringkat pembayaran sehingga meletihkan keluarga warga emas di tambah pula dengan program Jom *Shopping* yang menggunakan *database* yang sama. Ini langsung tidak menjimatkan kos pentadbiran dan tenaga kerja pusat khidmat DUN. Kos telefon naik di pejabat kami untuk setiap program Jom *Shopping*. Jadi saya berharap Kerajaan Negeri boleh *review* semula program SMUE ini untuk menambah baik proses semasa. Isu kedua berkenaan dengan tukar syarat tanah. Kerajaan Negeri

sememangnya boleh meningkatkan prestasi kewangan dan hasil negeri melalui permohonan tukar syarat tanah terutamanya daripada kategori industri kepada komersial. Namun tetapi Subang Jaya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri supaya menghormati undang-undang dan rancangan tempatan yang telah diwartakan. Terdapat beberapa contoh tanah industri di USJ 1 dan satu di DUN Batu Tiga yang telah di wartakan sebagai kawasan industri di dalam rancangan tempatan MPSJ tetapi pemilik tanah memaklumkan kepada PBT bahawa mereka telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk pertukaran syarat tanah dan hanya menunggu pembayaran premium. Ini tidak wajar seolah-olah PBT diugut untuk meluluskan permohonan kebenaran merancang mereka untuk kegunaan komersial. Keputusan seperti ini tidak langsung tidak mengambil kira impak sosial yang akan berlaku di sekitar tanah tersebut. ADUN kemudiannya terpaksa mengendalikan berbagai aduan terutamanya terdapat servis apartmen di sekitar kawasan industri seperti pencemaran bunyi, udara dan lain-lain. Hormatilah rancangan tempatan yang telah diwartakan kerana berjuta-juta telah dihabiskan untuk menyediakan rancangan tempatan. Tiada maknanya jika kita tidak mengikutinya. Sebagai ADUN Subang Jaya, pembangunan di USJ 1 dan kawasan USJ di sekitarnya memang sudah mencapai tahap maksima. Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya jangan menambah lagi plot rasio atau meluluskan tukar syarat tanah kepada komersial.

Isu ketiga, syarat nyata tanah. Berikutan kes telekom di USJ 6 yang telah ditetapkan oleh Lembaga Rayuan, saya menggesa supaya Kerajaan Negeri menggubal satu polisi yang jelas mengenai penggunaan tanah utiliti untuk pembangunan komersial. Sudah tiba masanya Kerajaan Negeri memperketatkan lagi penggunaan tenaga tanah utiliti dengan menambah syarat nyata dalam geran tanah. Ini bertujuan untuk mengelakkan tanah loji, tangki air, rizab telekom di bangunkan secara komersial di kawasan perumahan.

Isu keempat. Isu *leasehold*. Sebagai ADUN angkat untuk DUN Bukit Gasing, saya telah menerima banyak rintihan mengenai skim pemilikan kediaman persendirian di mana permohonan mereka untuk pelanjutan tempoh pajakan memakan masa lebih daripada enam bulan. Walau pun KPI enam bulan ini telah diberikan oleh Menteri Besar sendiri di dalam satu dialog di MBPJ pada bulan Mei yang lepas. Pejabat Tanah dan Daerah Petaling mesti mempercepatkan pemprosesan permohonan seperti ini kerana ia membantu meningkatkan hasil negeri. CCTV. Tuan Speaker, mengikut ulasan Laporan Ketua Audit Negara untuk pengurusan kamera litar tertutup MPSJ terdapat enam kriteria skop pemantauan CCTV yang masih diguna pakai iaitu pertama pemantauan kejadian jenayah dan kemalangan, keduanya kelancaran pemantauan trafik, ketiga pemantauan kawasan sampah haram, keempat pemantauan kawasan bencana banjir atau tanah runtuh, kelima pemantauan kawasan operasi penjaja dan

halangan kerusi meja restoran dan keenam pemantauan kawasan aktiviti vandalisme, dua (2) isu yang saya mahu bangkitkan adalah pertama apakah? status kajian CCTV dan *Godell*, EXCO PBT telah janjikan sejak tahun 2008. Saya bangkitkan dalam setiap sidang DUN dan setiap kali saya diberitahu masih dalam kajian, saya mahu satu jawapan konkrit daripada Kerajaan Negeri dalam sidang ini.

Isu kedua jika dilihat skop pemantauan CCTV meliputi kawasan sampah haram tetapi pihak MPSJ langsung tiada inisiatif untuk mengatasi masalah pembuangan sampah haram, undang-undang kecil sedia ada tidak pernah dikuatkuasakan, jadi apa gunanya kita ada CCTV untuk pantau pembuangan sampah haram, berapa CCTV yang digunakan untuk memantau pembuangan sampah haram di mana lokasi CCTV ini. PBT tahu masalah pembuangan sampah haram adalah satu masalah serius yang berterusan tetapi langsung tiada inisiatif untuk mengatasi masalah ini, saya minta EXCO PBT menerajui perbincangan ini di peringkat negeri untuk mencari satu penyelesaian, buatlah program yang betul-betul efektif dan bukan seperti zon bersih, gotong-royong perdana beberapa bulan sekali fokuskan usaha menangkap kutu sampah.

Isu pengutipan sampah kebun, satu lagi masalah yang MPSJ masih belum mengatasi ialah isu pengutipan sampah kebun, sekarang ini pengutipan sampah kebun yang tidak muat dalam beg plastik langsung tidak dikutip oleh kontraktor MPSJ, sampah kebun ini kemudiannya bertimbun dan dibiarkan untuk beberapa minggu lamanya, saya diberitahu ada PBT lain di Selangor yang mengarahkan kontraktor mereka untuk mengutipnya tanpa sebarang bayaran ataupun syarat plastik bag. Saya menggesa Yang DiPertua MPSJ untuk menggubal sistem baru yang berkesan dan jangan biarkan masalah ini berterusan.

Isu papan iklan *Billboard* ataupun *Unipole* baru-baru ini, MPSJ telah membenarkan satu papan iklan *Unipole* milik dan One Corporation yang besar didirikan di depan rumah penduduk dan di depan Sekolah Seri Kuala Lumpur dan MPSJ telah mengesahkan bahawa tapak tersebut merupakan zon penampan yang terlibat di dalam proses pewartaan diperingkat pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor. Soalan saya bolehkah struktur besar seperti ini didirikan di atas zon penampan? Bukankah 'zon penampan' digunakan sebagai salah satu zon keselamatan?

Keduanya, dua (2) struktur papan iklan *Unipole* yang besar turut didirikan di SS 18 dan SS 17 milik Kinetik Solution Sdn. Bhd. Apakah anjakan *side back* 10 kaki yang disyaratkan mencukupi untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya Persiaran Tujuan. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri memberikan satu hala tuju yang jelas dan garis panduan yang akan diguna pakai oleh semua PBT di Selangor untuk

menjamin ketelusan pemberian kebenaran merancang kepada semua syarikat papan iklan, saya mahu Kerajaan Negeri memastikan suara rakyat ataupun *feedback* penduduk sekitar diambil kira sebelum memberikan sebarang kebenaran merancang, sekarang ini proses ini langsung tidak mengambil kira *feedback* penduduk. Subang Jaya juga ingin mendapatkan satu pengesahan ataupun satu kepastian bahawa Pejabat Tanah sekarang ini sudah tidak memberikan TOL (Temporary of License) bagi tujuan papan iklan. Adakah ini benar dan kenapa?.

Subang Jaya ingin mengakhiri perbincangan bajet ini dengan menyentuh isu terakhir iaitu pilihan raya Kerajaan Tempatan. Beberapa tahun yang lalu Kerajaan Negeri telah membelanjakan wang untuk membuat kajian pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan di Selangor. Apakah yang berlaku kepada hasil kajian tersebut? Negeri Pulau Pinang sudah dalam proses melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan dalam bulan Januari tahun depan. Mengapa Selangor tidak boleh mengikut langkah ini? Subang Jaya juga ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri sudah mempunyai anggaran kos untuk melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Selangor merupakan sebuah negeri yang maju dan Subang Jaya berpendapat bahawa adalah adil dan wajar penduduk setempat mempunyai kuasa untuk memilih ahli majlis mereka. Pilihan raya Kerajaan Tempatan akan memastikan *that the best person is pick* untuk berkhidmat di dalam PBT. Oleh itu janganlan Kerajaan Negeri menangguh pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan ini. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, selamat petang, salam sejahtera, salam satu Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk mengambil bahagian dalam perbincangan bajet Selangor 2013 di dalam dewan yang mulia ini. Tuan Speaker bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi merupakan satu bajet yang seimbang yang seperti tahun-tahun yang lepas selepas Pakatan Rakyat menerajui Negeri Selangor.

Walaupun bajet tahun ini dikatakan seimbang tetapi mengikut pengalaman yang lepas Sungai Pelek pasti akan berlakunya bajet tambahan pada tahun depan, akan tetapi tahun hadapan merupakan tahun pilihan raya umum yang ke-13 maka Sungai Pelek menganggap tidak akan berlakunya bajet tambahan kerana Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor akan tewas dalam PRU 13 ini dan Barisan Nasional akan menjadi Kerajaan di Negeri Selangor, jambatan RM300 juta, Klang tiga (3) itu akan kita selesaikan pada masa itu.

Tuan Speaker, isu yang nak saya bawa yang pertama (1), adalah mengenai isu sampah, memang satu isu yang hangat melingkari segenap rakyat di Negeri Selangor pada masa kini, ialah pengurusan sampah, boleh dikatakan hampir setiap hari apabila rakan-rakan saya termasuk Sungai Pelek juga membaca surat khabar banyak gambar yang ditunjukkan di dalam surat khabar itu tak lain tak bukan isu masalah sampah, malah di kalangan rakyat sendiri sebenar sudah naik menyampah dengan isu sampah yang tidak selesai-selesai ini, semenjak pengurusan sampah diambil alih oleh Kerajaan Negeri hingga hari ini.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah membeli 50 buah lori kompaktor sampah dan kos untuk membeli 50 buah lori kompaktor sampah ini bernilai RM12.75 juta kononnya Kerajaan Negeri prihatin dengan masalah sampah dan dengan pembelian 50 buah lori kompaktor ini masalah sampah di Negeri Selangor dapat diselesaikan.

Tuan Speaker, kenyataan Menteri Besar semasa melancarkan pembeli lori kompaktor ini mengatakan bahawa ia adalah bagi kegunaan pejabat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan disewakan kepada kontraktor-kontraktor mengutip sampah yang tidak mempunyai kapasiti seperti lori sampah. Ini cukup mengelirukan kerana syarat asas untuk menjadi kontraktor kutip sampah ialah sebuah syarikat yang perlu memiliki kemudahan asas seperti lori kompaktor. Sungai Pelek rasa hairan bagaimanakah hal ini boleh berlaku? Sungai Pelek juga memohon penjelasan terhadap perkara ini.

Satu perkara lagi Sungai Pelek rasa penting juga tentang lori kompaktor yang baru dibeli oleh Kerajaan Negeri iaitu mengapa Kerajaan Negeri membeli lori kompaktor sampah berjenama '*Dong Feng*' dari negeri China yang dikatakan tidak dikeluarkan lagi, kenyataan ini dikeluarkan oleh pengedar tunggal model yang sama iaitu *Dong Feng Comercial Digital Sdn. Bhd* apabila lori kompaktor model ini sudah tidak dikeluarkan lagi maka bukankah? alat-alat ganti lori kompaktor ini juga adalah terhad di Malaysia serta perlunya di import dari negeri Cina dan kos perbelanjaan dan penyelenggaraannya juga menjadi lebih mahal dan tinggi. Sungai Pelek tidak faham kenapa nak beli lori kompaktor yang sudah dikatakan tidak dikeluarkan lagi.

Tuan Speaker, lori kompaktor sudah dibeli dan dihantar mengikut apa yang di bagi tahu oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui sesi soal jawab ke PBT-PBT di Negeri Selangor, walau pun demikian, masalah isu sampah masih tidak selesai, malahan masalah kini bertambah teruk terutamanya di kawasan-kawasan perumahan, kawasan-kawasan taman perumahan, kawasan-kawasan perindustrian, longgokan sampah telah menyebabkan persekitaran kawasan itu dilihat tidak selesa dan akan

menjejaskan kesihatan baik di kawasan perindustrian mahupun di taman-taman perumahan.

Tuan Speaker, Sungai Pelek masih ingat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO bahawa jika lori kompaktor sudah dibekalkan kepada kontraktor-kontraktor sampah pada sidang dewan yang lepas maka masalah isu sampah ini akan selesai, ternyata apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO tidak benar, RM12.75 juta sudah digunakan sudah dibelanjakan tetapi masalah isu sampah masih berlarutan di Negeri Selangor, Sungai Pelek juga menyeru kepada Kerajaan Negeri cubalah berikan perhatian yang serius dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan isu sampah di negeri Selangor. Kalau kontraktor sampah tidak dapat melaksanakan tanggungjawab maka tukarkan kepada kontraktor yang mampu dan kalau EXCO yang berkenaan tidak mampu menjalankan tanggungjawab maka saya bercadanglah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor tukarlah EXCO yang boleh mengatasi masalah isu sampah di Negeri Selangor ini. Setuju macam EXCO yang berkenaan, kepada sesiapa yang nak tukar tu biarlah di tentukan oleh MB sekarang ke MB akan datang, tapi saya pastilah Sekinchan memang tak ada peluang, tak ada peluang, [ Dewan riuh..ketawa...]

Tuan Speaker, Kumpulan wang Amanah Penyelenggaraan Jalan negeri iaitu MARRIS diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan perkara 109 (1) (B) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan Jalan Raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan PBT iaitu Pihak berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ditubuh di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini adalah Pegawai Kewangan Negeri.

Tuan Speaker, Laporan Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan Kerajaan Negeri dan pengurusan kewangan jabatan agensi negeri Selangor bagi tahun 2011 mendedahkan ketidakcekapan Kerajaan Negeri Selangor membelanjakan pengurusan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri menurut MARRIS ini jelas apabila peruntukan tahunan diberi tidak habis dibelanjakan bagi menyelenggarakan jalan negeri di sepanjang 16,013 kilometer. Bagi tahun 2011 terimaan daripada Kerajaan Persekutuan ialah RM375.9 juta dan perbelanjaan RM218.51 juta itu sahaja yang dibelanjakan, iaitu lebih kurang hanya 58.1%. Jika diambil kira baki dari tahun 2010 yang dibawa ke hadapan kerana peruntukan tidak habis dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM162.46 juta, maka jumlah terkumpul peruntukan MARRIS Selangor bagi tahun 2011 ialah RM538.36 juta. Jika dicampurkan, jika dicampurkan tahun lepas dengan tahun sebelumnya maka itulah Kerajaan Negeri belanja hanya

bukan 58.1% tetapi adalah 40.6% dari keseluruhan jumlah peruntukan MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Ketidakcekapan membelanjakan peruntukan MARRIS ini menunjukkan Kerajaan Negeri Selangor tidak amanah dan cuai dengan tanggungjawab untuk menyelenggarakan dan memperbaiki jalan-jalan di Negeri Selangor. Hakikatnya berdasarkan pemerhatian sejak perintah Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor jalan-jalan raya di Negeri Selangor tidak diselenggara dengan baik dan banyak aduan juga di terima mengenai jalan rosak, jalan berlubang-lubang dan tidak diselenggarakan dengan sempurna. Jalan yang tidak diselenggarakan didapati ada yang berlubang dan tidak sekata sehingga boleh mengakibatkan kemalangan ini yang menyebabkan kematian maut di atas jalan raya. Apabila Kerajaan Negeri mengisytiharkan simpanan tunai rizab negeri meningkat sehingga RM2 bilion maka Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar diisytiharkan oleh Penasihat Ekonomi Selangor sebagai Menteri Besar paling cekap.

Keadaan ini jelas jauh meleset kerana Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar gagal menguruskan peruntukan seperti tabung MARRIS dengan berkesan dan cekap. Atas ketidakcekapannya menguruskan peruntukan seperti MARRIS dan juga dan mungkin juga ketidakcekapan menguruskan belanja pembangunan negeri lain maka tidak hairanlah simpanan negeri boleh ditingkatkan. Ini membuktikan Kerajaan Negeri gagal mengurus perbelanjaan perlu untuk kebaikan rakyat Selangor. Simpan duit untuk apa? Sedangkan banyak jalan berlubang-lubang perlu ditampal, perlu diperbaiki. Saya tidak tahu apa tujuannya peruntukan MARRIS disimpan oleh Kerajaan Negeri. Mungkin ada tujuan-tujuan yang lain peruntukan disimpan.

Tuan Speaker, sehingga hari ini PBT-PBT di Negeri Selangor masih dilingkari dengan berbagai masalah seperti sampah, jalan rosak berlubang, longkang tersumbat, lampu jalan tidak berfungsi dan semak samun dan lain-lain. Ini akan membawa masalah yang lain. Akan menimbulkan masalah seperti pembiakannya nyamuk dan kes demam denggi yang meningkat dengan ketara di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri gagal memimpin Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor bagi menyediakan kualiti hidup yang baik dan bagus. Perkhidmatan PBT dalam menyediakan perkhidmatan yang baik dan mengujudkan persekitaran yang sihat dan sejahtera kepada rakyat ternyata juga gagal. Banyak kepincangan serta salah urus tadbir berlaku di Selangor sejak di perintah oleh Pakatan Pembangkang sehingga menyebabkan hak serta kebajikan rakyat di negeri itu diabaikan. Isu-isu yang melingkari PBT-PBT di Selangor seperti apa yang saya sebut tadi menyebabkan PBT-PBT di Negeri Selangor dilihat tidak fokus dengan tugas asas dan fungsi penubuhannya. Bahkan pelbagai isu gagal ditangani dengan berkesan dan mencalar kredibiliti mereka sebagai penyedia perkhidmatan perbandaran yang berwibawa. Pernah disebut dalam Laporan Audit



Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 mendapati kebanyakan projek yang dilaksanakan di PBT telah dilaksanakan secara runding terus. Tidak teratur tanpa proses sebut harga betul. Profil projek ini tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Buktinya di Majlis Perbandaran Selayang contohnya didapati projek pembangunan kecil 2008 telah dibuat tanpa melalui MPS tetapi bil diserahkan kepada MPS bagi tuntutan bayaran.

Apakah rasional rundingan terus tanpa sebut harga ini? Sekali lagi Sg. Pelek ingin ingatkan di sini di mana janji ketelusan dan integriti Pakatan Rakyat dalam hal urus tadbir berwibawa yang antaranya menekankan satu

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Silakan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sg. Pelek, adakah Yang Berhormat Sg. Pelek sedar bahawa sebenarnya sebelum 2008 semasa beberapa bulan sebelum Pilihan Raya berlangsung banyak projek telah dilaksanakan walaupun tanpa kelulusan daripada PBT sehingga selepas kita ambil alih pihak Kerajaan Negeri terpaksa juga meluluskan projek yang dikatakan mungkin Sg. Pelek katakan secara *direct nego*.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Memang Kerajaan Negeri bagi Sg. Pelek tidak perlu membayar kalau tidak adanya tender di dalam Majlis Perbandaran Selayang itu anggapan Sg. Pelek kenapa nak bayar? Apakah rasional satu urus tadbir yang antara menekankan satu memastikan semua pemimpin bersih dari rasuah. Kepala surat digunakan untuk mendapatkan kontrak pun berlaku. Memastikan ketelusan pentadbiran negeri. No. 3 menghentikan campur tangan politik dalam perniagaan, melarang No. 4 melarang Ahli-ahli EXCO terlibat dalam perniagaan.

Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010 juga membuktikan Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar menggunakan kuasanya mengarahkan dua *billboard* hak milik Majlis Daerah Hulu Selangor yang sepatutnya di pasang dengan iklan tentang pelancongan tetapi sebaliknya digunakan untuk mempromosikan Tabung Warisan Anak Alam Selangor dan Kempen Air Percuma. Ini lah sedikit apa yang dilakukan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta.... Tuan Speaker

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** yang mengatakan Kerajaan berwibawa urus tadbir.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Sekinchan masa saya tidak mengizinkan semalam Sekinchan pun bagi saya peluang langsung, hari ini rasa saya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** *kamching... kamching* tak ada

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** *kamching* dekat luar bolehlah. (ketawa) dalam sini walaupun *kamching*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** tak bagi *kamching* hah!

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** walau pun *kamching* di dalam sini Sekinchan bantai Sg. Pelek juga. (ketawa) jadi Sg. Pelek bantai Sekinchan juga walaupun dalam Dewan ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** laluan.... laluan lah sikit

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** baik-baik tak de, tak de

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 3 minit.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tiada.

**TUAN SPEAKER:** Guna bahasa yang sopan sikit. *Kamching*, bantai jangan pakai ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker kerana membetulkan *kamching* tak boleh, bantai tak boleh, pukul boleh? Pukul boleh?

**TUAN SPEAKER:** Pakailah bahasa yang sopan. Bahasa yang berbahasa. Pukul pun jangan kalau bukan pukul.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ini Sekinchan. Dah....dah...

**TUAN SPEAKER:** Masa berjalan, sila-sila.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Sudah.... sudah.... sudah. Hari ini apabila rakyat Selangor berbanding apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, duduklah.... lampu merah ya.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** (ketawa) rupanya di atas jalan raya AES, dalam Dewan pun ada AES tapi nasib baik kita tak kena samanlah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Teluk Datok juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2013. Isu pertama yang ingin Teluk Datok bangkitkan adalah mengenai kecurian pasir. Walaupun hasil pasir yang berjaya dikutip telah pun bertambah setiap tahun secara konsisten sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat namun ia memang tidak dapat dinafikan bahawa kecurian pasir masih berlaku walaupun telah berkurangan. Teluk Datok difahamkan bahawa dalam usaha membanteras aktiviti pencurian pasir penguat kuasa telah pun pernah menahan beberapa jentera mengorek pasir ataupun dengan izin *excavator*. Akan tetapi Kerajaan Negeri Selangor dan KSSB tidak mempunyai *roller* dengan izin untuk membawa balik *excavator-excavator* yang di tahan. *Excavator-excavator* pun ditinggalkan begitu sahaja. Ianya diambil balik oleh pencuri-pencuri pasir ini.

Tuan Speaker, Teluk Datok juga telah pun difahamkan bahawa syarikat-syarikat swasta yang mempunyai *loader* ini tidak berani menyewa kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah pun diberi amaran dan digertak oleh pencuri-pencuri pasir ini supaya tidak menyewa *roller* kepada Kerajaan Negeri. Oleh itu, Teluk Datok ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya membeli *loader* ini bagi meningkatkan usaha dalam membanteras kecurian pasir. Teluk Datok berpendapat bahawa pembelian dan penggunaan *loader* ini adalah satu langkah yang paling asas bagi membanteras pencurian pasir. Teluk Datok telah diberitahu oleh pegawai-pegawai penguat kuasa Pejabat Tanah bahawa perkara ini telah dibangkitkan berkali-kali di dalam mesyuarat mereka untuk bertahun-tahun namun tiada tindakan yang diambil. Oleh itu, Teluk Datok berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh memandang berat ke atas isu ini dan terus meningkatkan usaha bagi membanteras aktiviti pencurian pasir.

Isu seterusnya yang ingin Teluk Datok bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah mengenai peruntukan MARRIS. Seperti yang di sedia maklum, kami Ahli-ahli Dewan mempunyai hak untuk menyenaraikan jalan-jalan yang perlu dibaiki kepada PBT namun Teluk Datok mendapati bahawa terdapat PBT-PBT yang tidak mengikut senarai yang diberi oleh Ahli Dewan bukan ini sahaja. PBT tidak memantau kerja-kerja pembaikan jalan-jalan ini. Perkara sebegini pun telah berlaku di kawasan DUN Teluk Datok atau terletak di bawah Majlis Daerah Kuala Langat. Oleh sebab tidak adanya pemantauan

oleh pihak PBT, kontraktor-kontraktor pun mengurangkan kuantiti bahan lalu menghasilkan kerja-kerja yang tidak berkualiti. Semasa pihak PBT melakukan pemeriksaan selepas kerja di siap, kontraktor-kontraktor tersebut hanya menunjukkan sebahagian daripada jalan yang tertentu di mana hanya bahagian tersebut mencapai kualiti yang ditetapkan. Selain daripada itu, Teluk Datok juga berpendapat bahawa kuantiti bahan yang ditetapkan adalah amat tidak seimbang dengan kadar harga yang diberi. Mengikut pengiraan saya yang telah pun disahkan oleh beberapa kontraktor yang kompeten. Jika mengikut kuantiti bahan yang ditetapkan dan cara pelaksanaan kerja kontraktor-kontraktor ini boleh mengaut keuntungan lebih daripada 200%.

Oleh sebab itu, banyak kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak, sub-kontrak kepada orang lain. Daripada sumber yang boleh dipercayai untuk kontrak-kontrak yang bernilai RM20,000.00 terdapat kontraktor yang sub-kontrak kepada orang lain dengan meminta RM8,000.00 daripada sub-kontraktor itu. Ini bermakna kontraktor tersebut mendapat keuntungan RM8,000.00 tanpa membuat sebarang kerja. Teluk Datok juga telah mendapati bahawa terdapat sebatang jalan yang tidak diperbaiki langsung tetapi bayaran tetap diluluskan oleh Majlis Daerah Kuala Langat. Saya, saya menjangkakan..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh berhenti seketika. Berhenti seketika, saya ingin mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul lanjutan masa.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE:** Okey.

**TUAN SPEAKER:** Silakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Datuk Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang “

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya menjangkakan bahawa kos untuk kesemua 25 batang jalan yang telah disiapkan di Teluk Datok yang bernilai RM500,000.00 tidak melebihi RM150,000.00. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ini adalah amat bercanggah dengan prinsip *value for money* dengan izin yang disanjung tinggi oleh Kerajaan Negeri Selangor. Teluk Datok percaya bahawa perkara sebegini bukan sahaja berlaku di Kuala Langat tetapi juga di seluruh negeri Selangor. Saya juga tidak menolak sebarang kemungkinan bahawa penyelewengan ini berlaku akibat terdapat pegawai-pegawai PBT yang berpakat dengan kontraktor-kontraktor. Pegawai-pegawai PBT dengan melepaskan *bill of quantity* dengan izin apabila diminta. Ini dengan jelas memberi ruang untuk penyelewengan untuk berlaku. Perkara ini berlaku kerana setengah kontraktor-kontraktor dan Pegawai-pegawai PBT telah pun biasa dengan amalan sebegini sejak zaman pemerintahan Barisan Nasional. Akan tetapi amalan ini tidak boleh lagi diteruskan kerana wang yang digunakan merupakan wang titik peluh rakyat yang sepatutnya digunakan secara berhemah. Oleh itu Teluk Datok berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian boleh memberi lebih perhatian terhadap peruntukan MARRIS ini. Teluk Datok juga berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh melakukan sesuatu bagi menggerakkan penyelewengan sebegini dari terus berlaku. Tuan Speaker. Isu seterusnya yang ingin Teluk Datok bangkitkan adalah mengenai pekebun-pekebun di Kuala Langat. Kuala Langat merupakan salah satu tempat utama untuk penanaman di Negeri Selangor. Pelbagai tanaman seperti kunyit, jagung, halia muda, ubi kayu, pisang tanduk dan sebagainya ditanam di Kuala Langat. Mereka telah pun bercucuk tanam di beberapa tempat seperti di Bukit Kemandol, Sungai Kelambu, Bukit Changgang dan Johan Setia untuk berpuluh-puluh tahun dan memberi sumbangan yang amat besar kepada ekonomi negeri Selangor. Namun begitu Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan tanah untuk mereka bagi tujuan penanaman. Pekebun-pekebun di Kuala Langat ini terpaksa hidup dalam kerisauan kerana mereka bercucuk tanam di tanah yang mungkin diambil balik oleh Kerajaan Negeri pada bila-bila masa sahaja dan ada daripada mereka merupakan pekebun haram. Oleh itu Teluk Datok berharap Kerajaan Negeri boleh menggazet atau pun memperuntukkan tanah-tanah yang tertentu di Kuala Langat untuk tujuan penanaman. Pekebun-pekebun ini juga sudi menyewanya memandangkan mereka memerlukan tempat yang tetap untuk bercucuk tanam. Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya menggalakkan dan memperkembangkan nilai pertanian supaya kita tidak perlu bergantung kepada negara lain untuk sumber makanan memandangkan banyak negara-negara kini mengalami bencana alam dan mendorong penurunan harga. Teluk Datok berharap Kerajaan Negeri Selangor akan memandang berat kepada isu ini kerana isu ini melibatkan kehidupan lebih daripada 300 buah keluarga pekebun di Kuala Langat. Teluk Datok berharap Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera bagi menjamin masa depan pekebun-pekebun dan petani-

petani negeri Selangor yang akan terus menyumbang kepada ekonomi negeri Selangor. Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian isu yang terakhir yang ingin Teluk Datok bangkitkan adalah mengenai isu kesihatan. Skim kesihatan wanita mammogram Selangor yang dilaksanakan telah pun disambut baik oleh rakyat negeri Selangor. Menerusi skim ini golongan wanita bukan sahaja mendapat pemeriksaan mammogram yang percuma, skim ini juga telah pun meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan. Memandangkan skim ini adalah khusus untuk golongan wanita Teluk Datok ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya juga melancarkan skim kesihatan untuk golongan lain. Termasuklah golongan warga emas dan juga golongan lelaki supaya mereka boleh turut secara saksamanya menikmati manfaat yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam bidang kesihatan. Teluk Datok ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk turut melancarkan skim kesihatan lelaki dengan memberi ujian *Prostate Specific Antigen* dengan izin secara percuma kepada golongan lelaki yang berumur 50 tahun ke atas. Memandangkan kanser *prostate* adalah semakin meningkat Kerajaan Negeri bolehlah memberi pemeriksaan kesihatan percuma kepada golongan-golongan ini supaya terus meningkatkan kesedaran awam mengenai kesihatan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan 2013 (2012). Sekiranya kita mengikuti laporan audit, Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun sejak tahun 2008 selepas Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor, kedudukan kewangan negeri adalah berada di tahap yang baik dan prestasi urus tadbir jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor juga semakin meningkat dan bertambah baik. Laporan ini secara tidak langsung adalah pengiktirafan terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang jelas berada dalam landasan yang betul. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Menteri Besar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim serta barisan EXCO begitu juga kepada kakitangan kerajaan yang mendukung aspirasi urus tadbir telus dan amanah demi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Namun sebagai kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat negeri Selangor kita tidak harus berhenti di sini sahaja. Selangor sebagai negeri peneraju ekonomi Malaysia seharusnya mempunyai piawaian yang lebih tinggi. Semua jabatan dan agensi negeri mesti memenuhi piawaian urus tadbir baik *good governance* dengan izin yang ditetapkan dan disasarkan semuanya sepatutnya akan mendapat taraf 4 bintang dalam Laporan Ketua Audit dalam tahun yang akan datang. Tuan Speaker dan ahli-ahli Dewan Yang Berhormat sekalian dengan itu

Rawang ingin menarik perhatian Dewan terhadap reformasi sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan PBT yang memainkan peranan penting dalam urusan harian kita. Rawang ingin bertanya sejauh manakah Sistem Teknologi Maklumat dan Media Sosial digunakan untuk menerima, memantau dan menyelesaikan aduan rakyat di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini kerana penduduk tempatan selalu mengadu kepada Wakil Rakyat bahawa apabila mereka membuat aduan khususnya tentang keperluan infrastruktur kepada Pihak Berkuasa Tempatan dua jawapan yang sama diterima. Iaitu sama ada tiada peruntukan atau pun dalam proses. Tanpa satu tempoh penyelesaian masalah atau pun aduan yang jelas. Malahan Rawang sendiri pernah menghantar *e-mail* kepada Pengarah Jabatan tertentu tentang satu aduan juga tidak diberi sebarang maklum balas untuk beberapa bulan. Mungkin ini disebabkan oleh pegawai kita terlalu sibuk. Apa yang ingin Rawang cadangkan adalah setiap PBT sepatutnya membuka laman *facebook* dan *twitter* untuk berintegrasi dengan penduduk dalam satu kawasan dengan lebih cepat dan efisien. Begitu juga dengan sistem *e-mail* pegawai yang perlu digunakan dengan kerap untuk menyampaikan keputusan pihak berkuasa negeri dan menyelesaikan masalah rakyat. PBT perlu responsif terhadap aduan rakyat dan berorientasikan penyelesaian masalah untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai dalam negeri kita. PBT dengan cadangan boleh membuat satu peta aduan atau pun *mapping* yang mana penduduk boleh mengetahui keperluan dan masalah dalam komuniti mereka dengan mereka juga menyalurkan aduan terhadap melalui sistem web itu seterusnya bersama memberi idea untuk menyelesaikan masalah. Rawang juga ingin mencadangkan supaya segala permohonan projek melalui unit OSC dipaparkan secara *online* oleh setiap PBT untuk tujuan ketelusan dan pemantauan oleh pemohon dan orang awam bagi meluluskan projek dengan lebih cepat dan efisien mematuhi syarat yang ditetapkan. Rawang juga ingin mengetahui sama ada Kerajaan Negeri memberi keutamaan untuk mempercepatkan kelulusan OSC untuk projek yang terpilih contohnya di Pusat Setempat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur OSC DBKL projek bina kemudian jual, projek berimpak tinggi, projek pelaburan asing dan projek kerajaan akan dipercepatkan proses kelulusannya untuk memberi manfaat secara umum kepada sesebuah negeri. Sementara bagi projek lain masa memproses adalah 6 bulan. Bidang industri makanan dan kesihatan tempatan juga dicadangkan perlu diberi keutamaan memandangkan sektor pembuatan juga merupakan penyumbang hasil yang utama kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Aspek keselamatan memang menjadi semakin runcing dan dibimbangi oleh rakyat. Aspek ini isu ini juga pernah saya bangkitkan dalam sidang dewan yang lepas. Walau pun Menteri Dalam Negeri telah menolak tawaran Kerajaan Negeri Selangor bagi menempatkan Polis Bantuan untuk mengurangkan kadar jenayah dan menjaga keselamatan warga negeri Selangor namun saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya menggunakan peruntukkan negeri yang sedia ada untuk mewujudkan satu tabung keselamatan di setiap Pihak Berkuasa

Tempatan melalui Jawatankuasa Bandar Selamat untuk kita menaiktarafkan ciri-ciri keselamatan infrastruktur khususnya seperti memasang *spot light*, lampu jalan di tempat-tempat awam yang gelap. Dana ini sepatutnya juga harus terbuka kepada Persatuan Penduduk serta NGO Tempatan yang selama ini melibatkan diri dalam aktiviti menjaga keselamatan dan menganjurkan aktiviti berunsurkan keselamatan dalam komuniti mereka. Saya juga ingin mengetahui status terkini tentang Pihak Berkuasa Tempatan yang manakah telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Kemudahan Orang Kelainan Upaya bagi merancang dasar di setiap PBT mewujudkan satu suasana persekitaran yang bebas pegangan *free barrier* dengan izin dan sedang diakses oleh orang kelainan upaya dan apakah dasar dan polisi serta program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membudayakan jawatankuasa ini. Cadangan Rawang adalah supaya setiap PBT membuat laporan audit kemudahan OKU di kawasan masing-masing bagi mengenal pasti sejauh manakah perancangan perbandaran adalah mesra OKU dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. Kini nampaknya cuma Jawatankuasa Teknikal OKU MBPJ sahaja yang begitu aktif untuk memelopori bidang ini. Model ini juga boleh digunakan atau pun diperluaskan kepada PBT lain. Pembersihan dan pengurusan Sisa Pepejal merupakan satu aspek yang penting bagi menjamin kesejahteraan dan kesejahteraan hidup komuniti tempatan. Menurut Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, setiap rumah akan diwajibkan untuk mengasingkan sampah isi rumah dua tahun selepas Akta Sisa Pepejal yang dijangkakan akan berkuat kuasa pada awal tahun 2013. Saya ingin tahu sejauh manakah pihak Kerajaan Negeri Selangor telah bersedia daripada segi pelaksanaan dan penyediaan infrastruktur untuk polisi pengasingan sisa pepejal rumah ini. Kita tidak mahu keadaan yang wujud untuk semasa kita pengambilan industri pengurusan sisa pepejal sampah di Selangor yang berlaku sebelum ini yang mana kita terima banyak *feedback* dan aduan. Pada pendapat saya adalah lebih penting untuk pihak Kerajaan Negeri Selangor menyalurkan informasi bagi memupuk kesedaran masyarakat bagi mengurangkan pembuangan sampah daripada menghabiskan banyak wang untuk melupuskan sisa pepejal. Kempen kesedaran kepada masyarakat umum untuk mengasingkan sampah menjalankan kompos di rumah, mengitar semula sampah yang dibuang dan dikutip bagi menjaga alam sekitar haruslah dipergiatkan. Hasil sampah yang dikutip ini boleh di kitar semula menjadi barang yang mesra alam dan seterusnya dijual untuk menjadi sumber ekonomi. Kalau untuk individu atau pun untuk Kerajaan Negeri Selangor. Malahan Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya menetapkan misi untuk menjadi negeri terus bersih dan ter hijau di Malaysia sesuai dengan bersih dan hijau. Konsep zon bersih perlu diperluaskan bukan saja terhad kepada zon tertentu sahaja dalam sesuatu PBT tetapi seharusnya dijadikan kempen ataupun pertandingan PBT terbersih. Kriteria kempen seharusnya diukur berdasarkan sejauh manakah sesebuah PBT tersebut berjaya mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dikutip



berapa banyakkah hasil kitar semula yang berjaya dikutip dan akhir sekali landskap hijau yang telah dirancang dan disediakan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengadakan polisi satu taman satu padang, satu taman satu dewan. Dalam perancangan PBT supaya pihak kerajaan menyediakan kemudahan rekreasi dan sosial yang mencukupi kepada komuniti tempatan. Sebagai contohnya di kawasan saya sendiri penduduk amat memerlukan sebuah kompleks serba guna yang mempunyai kemudahan sukan, rekreasi, dewan persidangan dan dewan orang ramai. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan memberi keutamaan kepada aspek ini bagi menjamin kehidupan yang seimbang dari segi pembangunan fizikal, rohani dan sosial. Memandangkan rizab Kerajaan Negeri Selangor telah meningkat dan terdapatnya baki untuk geran SelangorKu, Rawang juga ingin memohon supaya wang tersebut digunakan untuk menaik taraf jalan B27 iaitu jalan negeri daripada tol Rawang ke Bandar Tasik Puteri dan jalan FT 3209 dari tol Rawang ke pekan Rawang yang mengalami kesesakan lalu lintas amat sangat. Ketiga-tiga jalan dan termasuk juga jalan FT 01 iaitu jalan dari Pekan Rawang hingga ke Ipoh. Ketiga-tiga jalan ini telah berusia lebih 20 tahun dan tidak dapat menampung kapasiti trafik dan pengguna jalan. Jalan yang sedia ada cuma ada satu lorong sahaja dan sudah tentunya tidak setaraf dengan status Perbandaran Rawang sekarang seterusnya status Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju. Untuk makluman Dewan, ketiga-tiga jalan ini adalah penting kerana menghubungkan kawasan Kuang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor melalui kawasan Rawang. Rawang yakin dengan jalan yang lebar, selesa dan selamat, keselamatan serta keselesaan pengguna jalan sudah tentu terjaga. Langkah ini secara langsung juga akan membawa pelaburan dan pembangunan kawasan berkenaan seterusnya juga menyumbang kepada hasil Negeri Selangor. Dengan ini Rawang menyokong usul Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2013. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDN BIN SHARI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dan salam sejahtera. Terima kasih Speaker, Menteri Besar dan seluruh kabinet kerajaan, rakan-rakan kerajaan dan pembangkang, Ketua-ketua Kerajaan dan seluruh Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Alhamdulillah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Speaker di atas kesempatan yang telah diberikan untuk sama-sama Batu Caves sekali lagi membahaskan belanjawan Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2013 yang merupakan belanjawan Kerajaan Pakatan Rakyat bagi kali keempat setelah diberikan mandat pada tahun 2008. Tuan Speaker, terlebih awal saya ucapkan tahniah khusus kepada pihak Kerajaan Negeri, Menteri Besar dan EXCO-EXCO serta Jabatan

Kerajaan yang telah mampu untuk menghasilkan satu belanjawan yang melengkapinya tiga strategi utama sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar. Suka saya mengingatkan tiga strategi itu iaitu memperkasakan pengurusan tenaga sumber kewangan dan pentadbiran aset negeri, melestarikan pembangunan inovasi dan moden dan yang ketiga memperkukuhkan kualiti hidup rakyat. Ahli Dewan serta Ahli-ahli Yang Berhormat seluruh dewan yang saya kasihi sekalian. Belanjawan bukan menjadi satu tempat kepada penguasa dan pemerintah kerajaan untuk menjadi seolah-olah *Santa Claus*. Belanjawan bukan menjadi tempat untuk kerajaan mengagih-agihkan wang sesuka hati, apatah lagi bila pilihan raya hendak tiba. Tapi belanjawan sebenarnya mengandungi makna dan juga erti pengurusan kepada Kerajaan Negeri. Jika satu Kerajaan Negeri memerlukan penumpuan kepada suatu aspek kemiskinan sebagai contoh. Maknanya belanjawan harus ditumpukan untuk mengurangkan masalah kemiskinan. Jika masalah dalam negeri itu ialah masalah pembaziran, keborosan dan penyelewengan jadi tumpuan dalam belanjawan itu ialah menguruskan agar penyelewengan itu tidak berlaku. Jadi inilah yang sebenarnya tergambar dalam perancangan belanjawan Kerajaan Negeri. Saya suka dengan respons Templer menunjukkan kontradiksi bagaimana pandangan di antara Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Barisan Nasional menganggap belanjawan ini BRIM, TRIM, SRIM dan rim-rim yang lain. Satu dah jadi I dalam Barisan Nasional. Bahasa Melayu pun salah kalau ikut parti Melayu macam mana. BRIM, SRIM dan sebagainya itu tidak menyelesaikan masalah. Masalah penyelewengan masalah kemiskinan tidak dapat diselesaikan melalui satu belanjawan atau pelan pembangunan yang diusahakan melalui wang dan sumber negeri. Tetapi belanjawan harus merujuk kepada persekitaran ekonomi sama ada ekonomi global, ekonomi serantau mahu pun ekonomi Malaysia. Sebab itu di peringkat awal pembentangan belanjawan ini saya ucapkan tahniah pada Menteri Besar, tidak seperti Perdana Menteri. Beliau menguruskan dan membayangkan serta membentangkan unjuran tentang perkembangan ekonomi dunia, ekonomi serantau dan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya. Justeru ketiga perkembangan ini dijadikan sebagai landasan dan *platform* dengan izin kepada Kerajaan Negeri untuk membawa arus pentadbiran Kerajaan Negeri pada tahun 2013. Sebab itulah saya ingin menyambut baik cadangan-cadangan yang dilontarkan baik daripada pembangkang mahupun kerajaan. Cuma saya kadang-kadang agak, agak, agak, agak geli hati dengan cara pembangkang seolah-olah bahawa Barisan Nasional adalah satu contoh pentadbiran yang baik. Tetapi daripada satu rekod yang telah ditunjukkan, laporan audit yang dikeluarkan daripada tahun ke tahun saya dengar Seri Serdang sebut 'jika sesuatu tidak diletakkan kepada ahlinya tunggulah kepada saat kehancuran', sedangkan daripada tahun ke tahun sebagai contoh, rekod Kerajaan Negeri daripada segi pungutan, pungutan, pungutan daripada tahun 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, khususnya selepas tahun 2008 peningkatan daripada hasil kutipan cukai menunjukkan satu peningkatan yang sangat signifikan. Saya ambil contoh, tahun 2007

kutipan daripada hasil cukai daripada Kerajaan Negeri Selangor ialah pada kadar RM446.05 juta. Tahun 2009 selepas setahun ditadbir Pakatan Rakyat kutipan hasil Negeri Selangor meningkat menjadi RM471.56 juta. Tahun 2011 selepas dikata tidak mampu mentadbir, tak pandai mengurus, bangkit pula kita jual aset PKNS tambah hasil negeri. Bila pula PKNS jual tambah aset negeri dia tambah aset PKNS, tak tambah aset negeri kalau betul dia jual. Aset ataupun hasil cukai Negeri Selangor meningkat daripada RM446.05 juta pada tahun 2007 yang ditadbir pada zaman UMNO dan Barisan Nasional tahun 2011 hasil cukai Negeri Selangor meningkat menjadi RM534.32 juta.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, kenapa hasil ini boleh terhasil, kenapa anjakan dan perubahan ini terhasil kerana saya kira Kerajaan Negeri ada fokus yang jelas di mana kita ingin memperkasakan pengurusan tenaga kerja sumber kewangan dan pentadbiran aset negeri dan akhirnya sebagaimana yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri setelah beberapa tahun akhirnya mampu untuk melengkapkan sebuah *data base inventori* dan nilai lengkap kepada satu aset-aset negeri yang selama ini tidak terhasil dan selama ini tidak dilabelkan atau pun tidak dikumpulkan dengan cara tak berhati-hati. Ini bersesuaian dengan ayat Al Quran sebagai contoh, surah Hud ayat 117, yang bermaksud, “dan Tuhan mu tidak sesekali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya selagi mana mereka senantiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri.” Dalam kitab Hisbah karangan Ibnu Taimiyah, ia telah menjelaskan tafsiran ayat ini sebagai sebuah kerajaan yang melakukan islah ataupun sebuah kerajaan yang melakukan reformasi dan reformasi itu menjurus ke arah kebaikan perubahan yang membawa kebaikan kepada Kerajaan Negeri. Alhamdulillah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sebagai contoh kita menunjukkan ada peningkatan hasil disebabkan oleh dasar kita yang terbuka dan apa yang disebut memperbaiki kesilapan-kesilapan yang dilakukan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Sg. Pelek. Ia agak sedikit pelek, hujah beliau berkenaan dengan kegagalan pentadbiran yang telus serta kelemahan Kerajaan Negeri dalam mentadbir Kerajaan Negeri. Bila menyebut tentang tender terbuka dan juga tentang penganugerahan kontrak-kontrak renungan terus yang saya percaya ia bukan satu tuduhan yang dibuat secara berhati-hati. Fakta kita dah jelaskan, sebab itulah daripada Seri Serdang selaku Ketua Pembangkang hinggalah kepada semua wakil-wakil pihak pembangkang dalam Sidang Dewan pada hari ini. Saya dapat lihat mereka hanya mengulang beberapa isu-isu yang telah kita jawab dengan jelas. Saya ambil contoh tentang projek dan juga kontrak-kontrak rundingan terus yang kononnya menguasai kroni-kroni Khalid Ibrahim dan kroni-kroni Pakatan Rakyat dalam Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2007 jumlah kelulusan untuk program-program dan projek-projek lantikan terus pada zaman UMNO dan Barisan Nasional adalah merupakan projek-projek lantikan terus yang tertinggi dalam negara

kita yang berjumlah sebanyak 87 tender yang bernilai RM396.36 juta. Itu pada tahun 2007. Setelah kita tadbir kita melaksanakan beberapa perubahan dengan mengukuhkan beberapa institusi, seperti institusi Dewan, kita wujudkan berbagai jawatankuasa, di samping penegasan Menteri Besar khususnya dalam menangani gejala rasuah dan memastikan sistem pentadbiran Kerajaan Negeri dapat ditadbir dengan telus dan berwibawa dalam tempoh beberapa tahun sahaja. Pada tahun 2011 daripada 396.36 juta projek nilai yang telah diberikan secara terus pad zaman UMNO dan Barisan Nasional pada tahun lepas tahun 2011 jumlah projek telah berkurangan kepada 21 tender dan kemudian nilainya daripada 300 telah berkurang menjadi RM4.75 juta sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, ini menunjukkan ada proses pembaikan, ada proses baik pulih yang saya tak naklah nak sebutkan atau pun membodek Menteri Besar dan kabinet Kerajaan Negeri sebagai satu kerajaan yang sempurna tetapi sudah pasit rekod yang ditunjukkan ini kita memperbaiki dan melakukan anjakan demi anjakan dan perubahan demi perubahan serta reformasi yang kita laksanakan secara menyeluruh dalam pentadbiran dalam Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Saya mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Batu Caves bagi satu apa ni, penjelasan yang saya pun agak tertarik, cuma saya nak minta pendapat Batu Caves mengenai pengurusan Yayasan Selangor yang mana pendedahan sudah dibuat, perakuan oleh pegawai Pengurus Besar pun mengaku akan penyelewengan. Tender-tender diberi bukan secara *direct nego* melalui panggilan telefon untuk beberapa *event* yang melibatkan sambutan 40 tahun tetapi apa tindakan yang dibuat? Pegawai berkenaan masih menjadi Pengurus Besar. Tak de pun tindakan diambil sedangkan diakui sendiri oleh pegawai berkenaan kesilapan-kesilapan itu. Jadi saya nak minta lah kalau betul ada ketelusan kena ambil tindakan dan koreksi kena dibuatlah. Jadi barulah boleh diberi penjelasan menyatakan bahawa fakta tu ada. Jadi masih ada lagi perkara-perkara yang sebegini dan saya rasa Batu Caves mungkin ada terlepas pandang mengenai isu Yayasan Selangor. Saya minta penjelasan perkara ini.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Permatang yang membangkitkan isu Yayasan Selangor. Sudah pasti bagi pihak pentadbiran Kerajaan Negeri saya percaya kita tidak pernah cuba untuk melindungi sesiapa. Sebab itu, Kerajaan Negeri membenarkan agar beliau dan mengarahkan beliau bekerjasama dengan SELCAT

sebagai contoh di mana ada laporan daripada SELCAT terhadap beberapa pertuduhan-pertuduhan dan sebagainya malahan Menteri Besar sendiri menjemput Suruhanjaya Pencegahan Rasuah untuk menilai, menyemak setiap urus tadbir dan isu-isu yang dibangkitkan cumanya saya percaya sebahagian besar yang disebutkan tentang isu Yayasan Selangor saya mengaku di sini, saya tidak membaca habis. Saya tidak jelas, jadi tidak adil untuk saya ulas mempertahankan mahupun memperlekeh. Daripada segi prinsip, saya setuju dengan Permatang supaya mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab yang telah terbukti gagal untuk melaksanakan tugas secara beramanah harus diambil tindakan tetapi pihak Kerajaan Negeri sebagaimana yang sedia maklum kita tidaklah menuduh dengan membabi buta. Kita terpaksa menyemak dan kita membuka adakah orang yang dituduh bertanggungjawab itu sedangkan orang lain yang menggunakan nama dan kuasa dan sebagainya itu mengambil tindakan yang melampaui daripada batas prosedur dan tatakerja yang telah ditetapkan sebagaimana yang dimaklumkan dan saya dapat melihat adanya, adanya peningkatan daripada perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan. Saya ambil contoh, pengurusan pejabat-pejabat tanah dan daerah, tentang tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat Tanah Dan Daerah pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Paling cemerlang saya kira. Di sini ialah Daerah Klang yang telah mengurangkan jumlah cukai atau pun jumlah tunggakan yang dulu bernilai 20 maafkan saya telah berkurang lebih dengan satu nilai yang signifikan disebabkan oleh dasar-dasar oleh Kerajaan Negeri dengan tunggakan-tunggakan cukai mengikut Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah.

Begitu juga rekod yang telah ditunjukkan oleh jabatan-jabatan yang lain ia terhasil dengan satu keputusan yang telah dikeluarkan oleh laporan audit di mana daripada tahun ke tahun selepas di perintah oleh Pakatan Rakyat ada peningkatan daripada segi jumlah jabatan-jabatan yang mendapat klasifikasi baik dan terbaik. Saya ambil contoh, fakta tidak mungkin menipu. Tahun 2007, tidak ada mana-mana jabatan Kerajaan di Negeri Selangor memperoleh klasifikasi sangat baik. Bukan itu sahaja, tidak ada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Selangor. Jabatan dan Agensi Negeri Kerajaan pada tahun 2007 mendapat klasifikasi baik ataupun mendapat klasifikasi tersangat baik. Hanya 8 jabatan pada waktu itu mendapat klasifikasi 3 bintang iaitu klasifikasi baik dan 2 jabatan telah diklasifikasikan sebagai memuaskan.

Tahun 2008, pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional sebahagiannya jabatan audit membuat penilaian alhamdulillah selepas 1 tahun pemerintahan Kerajaan Negeri ada satu jabatan di bawah jabatan Kerajaan Negeri Selangor mendapat klasifikasi 4 bintang dan daripada 8 pada tahun 2007 naik kepada 13 jabatan pada tahun 2008. 2009 daripada 13 jabatan klasifikasi baik naik menjadi 14. Tahun 2010, daripada satu jabatan mendapat klasifikasi 4 bintang naik menjadi 4 jabatan menjadi dan mendapat label 4 bintang. Tahun 2011 daripada 4 jabatan pada tahun tersebut memperoleh

klasifikasi 4 bintang, tahun 2011 di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri 8 jabatan mendapat klasifikasi 4 bintang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, jabatan-jabatan ini dikepalai sebahagian besarnya oleh mereka-mereka yang dulunya memang duduk dalam agensi dan juga pengurusan Kerajaan di bawah pemerintahan Barisan Nasional tetapi kenapa ada peningkatan yang sedemikian ini sebabnya memang ada iltizam politik dan *political will* dengan izin daripada pegawai-pegawai Kerajaan khususnya daripada Menteri Besar dan ia sudah menjadi satu prinsip yang sangat tegar dan prinsip yang sangat kukuh dalam pentadbiran serta pengurusan Kerajaan Negeri Selangor. Ahli-ahli Yang Berhormat serta Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, saya ambil contoh juga supaya kita janganlah terlalu gembira dan tidak mahu untuk muhasabah terhadap apa yang dilakukan sebagaimana yang saya sebut bukan tujuan saya berdiri di sini untuk memuji dan memuja apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tanpa ada fakta dan saya juga bersetuju dengan cara Kerajaan Negeri untuk menguruskan isu-isu tertentu. Isu tentang Unisel sebagai contoh. Saya akui ia satu masalah dan sebab itu Kerajaan Negeri menunjukkan komitmennya. Sebab itu dalam pembentangan Kerajaan Negeri dalam belanjawan ini kita tak tengok mana-mana pembentangan belanjawan Kerajaan Pusat mahupun mana-mana negeri Menteri Besar dengan penuh komitmen menyebutkan beberapa teguran-teguran oleh Lembaga Audit dan Jabatan Audit Negara dimasukkan dalam ucapan belanjawan ni menunjukkan ada komitmen Kerajaan untuk paling kurang prihatin dan yang paling penting mampu untuk menguruskan serta memperbaiki pentadbiran serta pengurusan Kerajaan Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, saya percaya nilai *benchmark* kebaikan serta kecantikan pentadbiran Kerajaan Negeri tidak hanya boleh diukur dengan kadar kutipan sebaliknya juga harus diukur dengan keupayaan melaksanakan serta menjana pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sekali lagi saya minta rujuk kepada Jabatan Audit laporan Jabatan Audit yang menunjukkan banyak jabatan-jabatan Kerajaan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri mampu untuk melaksanakan projek-projek yang dirancang pada Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan-rancangan belanjawan pada tahun-tahun sebelum ini terlebih pada tahun lebih daripada 90%. Jabatan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Pertanian hampir 98.1% mampu dilaksanakan namun begitu saya ingin juga merujuk ke beberapa Jabatan yang saya kira perlu ada muhasabah dan ada penelitian dengan lebih fokus untuk memastikan agar projek-projek ini mendapat kebaikan dan mendapat kesan langsung kepada rakyat.

Pertama, Jabatan Kehakiman dan Syariah dengan peruntukan sekitar RM12.5 juta dengan perbelanjaan hanya telah mencecah RM3.15 juta, peratusan kelengkapan

daripada projek tersebut hanyalah sekitar pada 25%. Begitu juga dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) kelengkapan dan juga penyelesaian projek-projek yang telah diluluskan pada tahun tersebut adalah pada kadar 60.4%. Mungkin ada sebab-sebab teknikal dan sebagainya yang boleh dijadikan alasan tetapi bagi saya bagi sesebuah Kerajaan Negeri yang mengamalkan sikap bertanggungjawab sudah pasti kebertanggungjawaban itu harus diiringi dengan *eficiency* ataupun harus diiringi dengan kerja-kerja yang lengkap dan kerja-kerja yang tidak boleh dipertikaikan dan di antara projek-projek yang tidak diselesaikan ataupun yang tidak lagi disudahkan dan laporan audit mendedahkan bahawa 5 projek yang belum dimulakan pada tahun 2011 walaupun sebahagiannya saya tahu telah diluluskan dalam belanjawan beberapa tahun yang lepas adalah pembinaan Masjid Zakaria Gombak di Gombak Setia. Hah! Ini tunjuk rekod macam mana ADUN Gombak Setia dulu jadi EXCO ada luluskan projek RM6 juta tetapi sampai tahun 2011 walaupun alasan di sini, saya cukup tahu isu ini saya bersama dengan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa kebetulan merupakan Ahli Parlimen Gombak pernah menangani dan berdialog dengan penduduk setempat bersama dengan beliau ada masalah tentang proses pengambilan balik tanah yang akan dilaksanakan katakan pada tahun 2012.

Justeru, saya menyeru kepada jabatan-jabatan yang berkaitan baik Jabatan Agama Islam baik Pegawai Agama Islam Daerah, Pejabat Agama Islam Daerah baik Pejabat Tanah dan Daerah baik Pejabat Menteri Besar dan mana-mana jabatan sekali pun yang terlibat dalam meluluskan projek ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi di samping ada beberapa yang lain yang saya tak nak sebutkan satu persatu haruslah sesegera untuk melihat laporan audit ini bukan sebagai satu hukuman tetapi mampu untuk menyelesaikan dan mampu untuk memulihkan ataupun mampu untuk memperbaiki sistem-sistem serta penyampaian pelaksanaan projek-projek yang akan dan terus dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, dalam belanjawan kali ini juga sebenarnya selaku Ahli Dewan saya sangat berbesar hati dengan kali pertamanya setelah dipinta beberapa tahun oleh Ahli-ahli Dewan khususnya Speaker Dewan Undangan Negeri yang berjuang tanpa penat dan lelah akhirnya ada peruntukan tambahan sekitar RM500,000.00 untuk pengurusan Dewan dan saya pasti perkara ini mampu untuk menambah fungsi dan kualiti Dewan Undangan Negeri Selangor. Kita berubah bukan setakat tukar lampu *traffic light*, merah, kuning, biru eh merah, kuning, hijau. Kita bukan setakat tukar Speaker, kita bukan setakat adanya elektrik ataupun televisyen untuk menunjukkan adanya siaran secara langsung dan sebagainya tetapi yang paling penting Dewan ini telah berkembang biak menjadi satu-satu gabungan kerja yang lebih mantap. Adanya SELCAT, adanya Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, adanya Jawatankuasa PAC, adanya Jawatankuasa PADAT, ada

Jawatankuasa ABAS, ada Jawatankuasa SELCAT, ada Jawatankuasa PBT. Pada hari ini sahaja lebih daripada 20 kertas kerja dibentangkan oleh jabatan-jabatan berkenaan dan dengan ada RM500,000.00 ini sudah pasti ia mampu untuk mengurangkan sedikit bebanan yang diterima. Sebagai contoh, laporan oleh setiap jawatankuasa-jawatankuasa selalunya terpaksa dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri. Saya antara orang yang paling kerap mengelat untuk membuat laporan ini sebab tak sanggup ataupun tak ada masa yang cukup bukan contoh yang baik tetapi Ahli Yang Berhormat seperti Ulu Kelang dan lainnya mengorbankan sebahagian masanya untuk membuat laporan, meneliti laporan dan mengetengahkan laporan untuk diketengahkan dalam jabatan ataupun dalam pembentangan Dewan.

Dengan RM500,000.00 ini namun nilainya saya rasa sangatlah sedikit, saya percaya Ahli-ahli Dewan Pembangkang pun patut bersetuju untuk kita tambahkan nilai daripada RM500,000.00 ini kepada RM1,000,000.00 sebagai Dasar Baru bukan sebagai *one off* yang diluluskan dalam belanjawan pada kali ini. Ini untuk memastikan urusan dan pengendalian Dewan bukan hanya untuk kita bersenang lenang. Adanya kopi, adanya teh dalam Dewan tetapi bagaimana kerja Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor dapat dipertingkatkan, dapat diperkukuhkan dan seterusnya mampu untuk memperbaiki keputusan-keputusan yang dihasilkan oleh Dewan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Yang Berhormat masa sudah sampai.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Hah!

**TUAN SPEAKER:** Dah lama merah ni sebenarnya. Baik Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Terima kasih kepada Tuan Speaker yang membenarkan Teratai menyertai perbahasan Enakmen Perbekalan. Tuan Speaker, Teratai ingin memberi pujian kepada Kerajaan kerana lapan agensi di bawah Kerajaan Selangor telah mencapai tahap prestasi kewangan yang sangat baik iaitu empat bintang. Ini menunjukkan kebolehan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam pengurusan kewangan atau duit rakyat. Saya berharap semua pegawai-pegawai dan kakitangan di seluruh negeri Selangor terus memberi sokongan dan kerjasama demi meningkatkan sistem penyampaian dan pengurusan supaya agensi dapat empat bintang dalam masa yang akan datang.

Tuan Speaker, cadangan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam beberapa tahun yang lalu telah berusaha mengutip hutang-hutang dari pelbagai syarikat khususnya Talam. Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu mengambil masa panjang dan lebar untuk mengutuk Kerajaan banyak kali. Teratai tidak faham, kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu



dan rakan-rakan Barisan Nasional mementingkan isu ini, kenapa tak ada seorang pun yang menghadiri semua seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kerajaan. Supaya lebih memahami isu-isu yang sebenarnya, baru berucap dalam Dewan dengan fakta yang kukuh. Jadi, sekarang mereka yang masuk seolah-olahnya tidak tahu apa-apa ataupun enggan nak tahu apa yang berlaku. Isu ini jelas, jika Talam berhutang, Kerajaan mengambil alih aset mereka supaya kontra, dengan izinnya, hutang-hutang ada sahaja. Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu kemungkinan sudah lama duduk di sebelah Sungai Pelek, jadi peliklah, jadi pun tidak tahu apa isu sebenarnya. Jadi kutuk-kutuk sahaja.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Teratai saya celah sikit. Terima kasih kepada Teratai, saya rasa, saya tahu beberapa *road show* telah dibuat mengenai isu TALAM. Mengapa ramai orang tak datang dengar, kerana rakyat sudah sedar bahawa kebanyakan keseluruhan percakapan daripada ceramah itu semua bohong. Itu sebab mereka tak hadir. Sampai hari ini, saya tak nampak ada Ahli EXCO untuk mempertahankan isu-isu Talam. Sampai hari ini tak ada. Mengapa EXCO Kinrara tak pertahankan dalam pelaburan. Tak ada. Dan dilantikkan kepada Ahli Dewan Rakyat daripada PJ Utara. Siapa dia, tak ada *locus standi*.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Wah... pandainya songsangkan cerita. Saya dapat ini laporan *statement* Kerajaan Negeri, *On Talam That Reconstruction And Recovery Exercise*. Sama ada Yang Berhormat sudah baca semua kenyataan ini dan juga dengan kenyataan-kenyataan yang dibekalkan oleh Kerajaan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Terima kasih, Teratai. Saya masih ingat Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Chua Tee Yong menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita untuk berbahas. Untuk berbahas tapi tak datang. Tak datang, tak datang. Jangan kata kita tak datang. Sama juga Yang Berhormat Menteri Besar, pun tak datang. Kita datang dengan empat orang ahli.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Kita tak tahu dengan empat orang ahli yang wakil kerajaan, kenapa tak boleh.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Teratai. Sebab hari itu saya hadir kena sepak. Tapi saya rasa kita ada wakil yang hadir. Tapi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Teratai, ada tak Yang Berhormat Bersetuju kalau Timbalan Menteri Pertanian begitu berminat hendak tentang pengurusan ini, biar dia buat kertas putih siasatan untuk skandal NFC dulu, jangan datang kacau pasal Talam.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Ini saya amat setuju, saya lagi setuju Yang Berhormat dari Johor kalau dia berani bertanding di Negeri Selangor untuk membuktikan apa yang dia cakap adalah sah dan sah. Ini lagi cantik.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Teratai saya nak minta sikit pandangan daripada Yang Berhormat Teratai berkenaan dengan isu Talam yang diheboh-hebohkan oleh MCA nak jadi hero. Khususnya anak kepada, Chua Soi Lek, Presiden MCA, yang mahu cari ang pau itu, anak kepada Presiden, yang cuba nak melaga-lagakan, nak jadi hero, akhirnya sekarang kita keluarkan kertas putih, mereka membisu seribu bahasa. Dan kita adakan forum terbuka jemput mereka datang, kenapa mereka tak berani datang. Ini minta pandangan satu. Yang kedua, kita minta setujukan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, diminta selesaikan dua perkara itu. Perkara pertama, isu benih padi sah. Di mana empat syarikat yang bukan bumiputera dulu boleh terlibat untuk ambil tender dalam tender untuk benih padi sah, sekarang Noh Omar, Menteri samseng dan juga Timbalan Menteri, Chua Tee Yong. Empat syarikat, bukan bumiputera dinafikan langsung, kosong. Di mana semangat satu Malaysia. Kedua, isu burung walit, isu sarang burung walit. Ramai penternak burung walit ini dalam sengsara. Ada yang nak bankrap, tak boleh bayar bank. Di mana suara anak Chua Soi Lek, Chua Tee Yong, di mana. Ini minta pandangan penjelasan dari Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Ini saya rasa kita boleh bawa usul dan bincang dalam, ini isu yang berlainan. Tapi saya balik ke isu Talam, saya rasa adalah tidak adil Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu kata, kita EXCO ataupun Menteri Besar tidak berani menjawab. Sebenarnya Menteri Besar kita sudah jawab banyak kali, tapi Yang Berhormat asyik tutup telinga sahaja. Tak boleh buat apa-apa lah.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Ini bukan janji kami, ini janji Yang Amat Berhormat pada tahun 2009. dia kata akan kemukakan kertas putih 2010. sampai tekanan daripada rakyat daripada Barisan Nasional, hari ini baru keluarkan ini. Kertas putih dan juga ambil daripada *auditor*. Dulu kata nak lantik lima *auditor*, sekarang jadi satu pula. Macam mana, itu sebab semua yang tak buat kerana Yang Berhormat yang janji, bukan kita. Tolong buka hansard, dalam ucapan itu, penggulungan itu, cakap nak lantik lima *auditor* antarabangsa.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Teratai, Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Sekejap, saya masa tak cukup. Setengah minit lagi.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Syaitan dikenali ini selalu kelirukan orang.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Jadi satu rumusan, songsang tetap songsang sahaja. Jadi Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam beberapa tahun ini, saya rasa semua EXCO cuba memperkenalkan program atau sistem yang baru. Hasrat EXCO adalah memastikan informasi atau dasar baru dilaksanakan di setiap DUN. Sampai hari ini hampir semua program di laksana melalui pejabat DUN. Oleh sebab kekurangan koordinasi di antara EXCO, jadi masing-masing bayaran kerja ke pejabat DUN atau pejabat penyelaras DUN. Jadi pejabat ADUN sekarang menjadi pejabat *event organizing*, dengan izin. Contohnya, pemberian hamper Deepavali dan hamper hari raya. Kita bukan sahaja perlu mencari nama yang sesuai, kita perlu buat panggilan dan juga perlu sampaikan hamper dalam program yang kita anjurkan. Tetapi dalam masa yang sama pejabat kita juga perlu mengaturkan pengangkutan untuk mengambil barang-barang dari pelbagai stor. Dan juga mengaturkan orang untuk membungkus semua hamper tersebut. Jadi, ramai tekanan, boleh *claim*, saya faham, tapi itu bukan isunya. Yang penting sekarang, pejabat kita bukan sahaja bungkus hamper ataupun hantar hamper, tetapi kita berfungsi berkhidmat untuk rakyat. Itu yang penting. Tapi sekarang nampak kerana terlalu banyak kerja, teknikal kerja yang membebankan kita, jadi susah untuk kita mengatasi masalah penduduk ataupun menganjurkan program tempatan. Selain daripada hamper-hamper yang ada setiap tahun ini, kita juga masing-masing ada EXCO, contoh EXCO pendidikan, EXCO Wanita juga, meminta bantuan untuk menganjurkan program yang dirancang oleh mereka. Jadi saya tidak menafikan semua program ini membawa manfaat kepada penduduk dan masyarakat. Tetapi perlu ada satu keseimbangan kerana kita, pejabat penyelaras ataupun ADUN masing-masing ada program tempatan dan juga berperanan untuk mengatasi masalah-masalah penduduk.

Tuan Speaker yang saya hormati sekalian,

Kita difahamkan, rizab-rizab kerajaan semakin bertambah. Walaupun hasrat Yang Berhormat adalah untuk simpankan duit itu untuk kecemasan. Tetapi Teratai bercadang sebahagian daripada rizab itu boleh digunakan untuk tujuan mengadakan pemilihan ketua-ketua kampung. Itu termasuk ketua kampung Melayu, ketua kampung cina dan ketua kampung yang tersusun. Dalam tahun 2011, negeri Selangor telah mengadakan percubaan dalam tiga pemilihan ketua kampung. Ini telah menunjukkan hasrat kerajaan untuk mendemokrasikan negeri Selangor ini dengan menurunkan kuasa kepada orang-orang kampung. Saya berharap, kerajaan boleh meneruskan usaha ini dengan mengadakan pemilihan ketua kampung di kampung-kampung lain. Teratai tidak bercita-cita untuk mengadakan pilihan raya serentak di semua tempat, kerana ada kekangan dari segi teknikal. Teknikal isu. Tetapi kita harus menghala ke depan dengan merancang beberapa pilihan raya ketua kampung dalam masa yang terdekat. Saya

berharap usaha kerajaan tidak akan berhenti dalam *trial period*, dengan izin, tapi haruslah merancang dengan betul-betul. Jika tidak, pelantikan ketua kampung akan dikatakan pelantikan kroni sahaja. Sama juga dengan pemilihan ahli-ahli Majlis yang dipanggilkan oleh Yang Berhormat Subang Jaya. Walaupun ramai orang tidak sedar kepentingan untuk memilih ahli-ahli Majlis, tetapi secara prinsip, kita harus mengembalikan kuasa kepada rakyat dengan mengadakan pilihan raya ahli-ahli majlis tempatan.

Tuan Speaker, Geran Selangorku yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor tahun lepas telah banyak membantu semua DUN untuk menaikkan taraf fasiliti di seluruh negeri Selangor. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan memulangkan hasil negeri kepada rakyat di Selangor melalui Geran tersebut. Tapi saya berharap pelaksanaan projek ini boleh dicepatkan, supaya rakyat dapat menikmati hasil tersebut. Dengan ini Teratai ingin menyokong Enakmen Pembekalan 2013. Sekian terima kasih. (Tepuk)

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, yang terakhir.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ada empat minit untuk saya menghabiskan Perbahasan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, hari Isnin yang lepas. Ada beberapa perkara yang fikir akan dibentangkan pada petang ini. Terutamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan satu bajet untuk tahun kelima berturut-turut yang dinamakan Bajet Berimbang. Belanjawan 2013 yang bertemakan Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia, adalah merupakan satu bajet yang berjumlah RM1.63 bilion, dan merupakan antara bajet yang terbaik semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Negeri Selangor. Saya perhatikan peruntukan mengurus mengecil, 0.3 peratus berbanding dengan peruntukan dalam belanjawan 2012 dan ini secara tidak langsung membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mengambil kira pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan dalam belanjawan yang lepas, untuk terus memastikan satu pengurusan kewangan negeri yang cekap dalam pengendalian belanjawan. Manakala belanjawan peruntukan pula dilihat meningkat sekitar 5 peratus, dan ini merupakan sesuatu yang diharapkan lama oleh rakan-rakan Ahli Dewan kerana kita memperhatikan. Semenjak tahun 2009 bila mana kita memberikan belanjawan peruntukan kepada perbelanjaan pembangunan ini agak

mengecil. Jadi dengan peningkatan 5 peratus ini merupakan sesuatu yang berjaya kita penuhi saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri.

Belanjawan yang menumpukan kepada tiga aspek utama yang disebutkan iaitu strategi memperkasakan pengurusan tenaga kerja, melestarikan pembangunan, inovasi serta memperkukuh kualiti rakyat adalah satu tindakan bijak untuk jangka masa panjang. Pengawalan aset dan penjimatan ini saya gambarkan sebagai satu pentadbiran yang efisien dan juga sebagai satu persediaan Kerajaan Negeri dalam menguruskan ekonomi yang lebih besar di Putrajaya, Insya-Allah selepas pilihan raya umum ke-13. Dalam keadaan masa yang terhad ini, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh. Pertama sekali, tentang perancangan Kerajaan Negeri menggunakan sebanyak RM500,000,000.00 daripada rizab RM2.5 ribu juta yang ada di dalam tangan Kerajaan Negeri. Saya menyambut baik usaha-usaha yang cuba di lakukan di mana sekitar RM300,000,000.00 diperuntukkan bagi memenuhi janji-janji Barisan Nasional yang tidak mampu dilaksanakan. Saya berpendapat RM300,000,000.00 hari ini, bagi membina jambatan ketiga bagi menghubungkan Klang itu wajar dipertimbangkan semula. Kerana yang berjanji itu adalah kerajaan pembohong Barisan Nasional. Bukan Kerajaan Pakatan Rakyat. Untuk apa kita menyediakan sebanyak RM 300,000,000.00. satu jumlah yang besar tetapi adalah lebih baik kita menggunakan RM300 itu dipertingkatkan dalam penyediaan kita tambahan sebanyak RM100,000,000.00 bagi mengatasi masalah-masalah banjir yang melanda dalam daerah Klang. Sebelum ini sudah diperuntukkan RM50,000,000.00. Daripada RM50,000,000.00 itu bagi menangani masalah banjir. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan daripada RM300,000,000.00 itu RM100,000,000.00 diambil bagi membantu kerja-kerja menyekat atau membantu kerja-kerja mengatasi masalah banjir di daerah Klang. Lagipun saya berpandangan RM300,000,000.00 itu kita tunggu dalam tempoh beberapa tahun, dalam tempoh beberapa bulan lagi, Insya-Allah apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Putrajaya, kita gunakan peruntukan Kementerian Kerja Raya untuk melaksanakan pembinaan jambatan ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

**TUAN SPEAKER:** Ya, masa sudah sampai.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Saya, 30 saat, 30 saat. Akhir sekali, saya akan sebut dalam Jawatankuasa, tetapi akhir sekali saya ingin menyebutkan dan berkongsi apa yang disebutkan oleh Sungai Panjang, Seri Serdang, semalam, yang mengatakan bahawa kita semua marilah berpegang teguh pada sabda Nabi Muhammad S.A.W. seperti yang diriwayatkan Al Bukhari, apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat

kehancurannya. Maka rumusan saya ialah oleh sebab Barisan Nasional mereka bukan ahli di dalam pengurusan Kerajaan yang baik maka masanya telah tiba pada tahun 2008, mereka tersungkur dalam pilihan raya umum yang ke-12. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan itu berakhirlah perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan dan hari esok adalah diperuntukkan untuk pihak Kerajaan menggulung perbahasan. Dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok, hari Khamis, 22 November 2012, jam 10.00 pagi. Dewan di tangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)**